

QIADAH

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

**FOKUS**

PERSEDIAAN MENTAL &
SPIRITUAL PIMPINAN
NEGERI KELANTAN
MENGHARUNGI 2020



PEMIMPIN
YB DATO' SR.
HJ. AZAMI



DESTINASI
PASAR TERAPUNG,
PENGKALAN DATU

KELANTAN MENGHARUNGI 2020

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

ISSN 2289-5418



9 772289 541000

UNTUK DIJUAL

6 UNIT KEDAI MERANTI, PASIR MAS

Lokasi

700 Meter daripada Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas


Bersebelahan projek 59 unit Rumah Mampu Milik

Harga

RM210k (Min) dan RM340k (Max)

Luas Bangunan

1399kp (Min) dan 2389kp (Max)



1 Km Dari
Pekan Melor



3 Bilik Tidur
2 Bilik Air

2 UNIT SEMI-D MELOR

SEMI-D A (LOT11231)

Harga Jualan - RM299,000
Luas Tanah - 3552kp
Luas Bangunan - 1200kp

SEMI-D B (LOT11230)

Harga Jualan - RM290,000
Luas Tanah - 3498kp
Luas Bangunan - 1200kp

PROJEK AKAN DATANG

✓ 4 UNIT SEMI-D
✓ 16 UNIT TERES SATU TINGKAT



Hubungi:

09-747 7227 / 019-217 4649

f PMBK Development Sdn Bhd

AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-22

Ketua Editor

Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Timbalan Ketua Editor

Wan Mohd Husni Wan Osman
Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Setiausaha Jawatankuasa Editorial

Zamakhshari Muhamad

Pengurus Kanan Pemasaran & Komunikasi Korporat Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jawatankuasa Editorial

Dr. Wan Nik Wan Yussof
Pengarah Pusat Kajian Strategik

Mohd Asri Mat Daud

Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan

Mohd Khairul Padli Baduldin

Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan

Zuraidah Husin

Pengurus Kanan Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Hj. Mahadi Mokhtar

Pengurus Kanan Pembangunan Korporat
Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd.

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah

Eksekutif Latihan Modal Insan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Penyelaras Editorial Shariah Derahanman

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pembantu Penyelaras Editorial

Siti Norazami Mohamed Anuar

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Pengarang

Norzana Razaly (Zanazanzaly)

Penulis Bersama

Dr. Wan Adi Yusoff • Dr. Samhani Ismail • Dr. Ruzanifah Kosni Nik Bahrum Nik Abdullah • Norzainah Nordin • A. Ubaidillah Alias Wan Noor Aziezan Baharuddin • Nik Fauziah Nik Hussin Ramli Abdul Halim • Muhammad Najid Abdullah • Shariah Derahanman Wan Mohd Sharafi Wan Mustafa • Muhna Abdullah • Noorlyne Hamzah • Siti Norazami Mohamed Anuar • Yusri Yaakub Marzuki Mohd Noor El-Feringhati

Pereka Grafik & Reka Petak

Mohd Haikal Rozaini

Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Shariah Derahanman

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Mustaqim Isa

Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar

Ahmad Nai'me Muhammad

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Jurugambar Bersama

Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB) • Mustaqim Isa
• Mohd Faisal Othman • Muhd Asyraf Mad Razali

Pengiklanan, Pemasaran & Promosi

Jabatan Pemasaran

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Diterbitkan oleh

Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai,
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-747 4082 Faks: 09-747 7815
Laman portal: www.pmbk.gov.my

Dicetak oleh

Dinamik Restu Solutions Sdn. Bhd.

PT361, Tingkat Bawah, Belakang Tesco Kota Bharu,
15050 Kota Bharu,
Kelantan. Tel: 013-958 7478

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunannya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada manapun bahagian paparan ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada manapun maklumat atau bahagian paparan dalam majalah, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekali pun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.



TAHUN MELAWAT KELANTAN 2020

PELANCONGAN MAKANAN




SELERA KAMPUNG



ANEKA KUIH-MUIH



NASI ULAM



KEUNIKAN MASJID



PROGRAM AGAMA



MURAL ISLAMIK

PELANCONGAN SEJARAH



SENI BINA ISTANA LAMA MUZIUM BERSEJARAH



TOKOH DAN ILMUWAN

PELANCONGAN EKO



RIADAH & REKREASI



PANTAI PERANGINAN



TEROKA FLORA & FAUNA



tourism.kelantan.my



[tlc.kelantan](#)

Kelantan Tourist Information Centre

KANDUNGAN

QIADAH



LAMAN HADAPAN:
**KELANTAN
MENHARungi
2020**

Bangunan Mabna-MBI dipilih menghiasi laman hadapan majalah Qiadah edisi kali ini sebagai simbolik pusat pentadbiran kerajaan negeri Kelantan dengan dasar kerajaan negeri yang meletakkan Islam sebagai teras pentadbirannya.

Bagi mengetahui kisah dan falsafah di sebalik pembinaan bangunan 12 tingkat ini, cerita lanjutnya terdapat di halaman 32 - 35.

PERISTIWA



8

PELANCARAN
BULAN
KEMERDEKAAN


FOKUS



12

KEMATANGAN
MENTAL &
SPIRITUAL
PIMPINAN

FOCUS



18

EDUCATING
THE DIGITAL
KELANTANESE

VARIASI



24

SAMBUTAN HARI
KEPUTERAAN

VARIASI



28

EKONOMI
KELANTAN
2020

VARIASI



32

MABNA

VARIASI



36

GAYA HIDUP BAHRU
OGHE KELATE

VARIASI



40

HALA TUJU
POLITIK
RAKYAT
KELANTAN

VARIASI



43

PERAYAAN
MAULIDUR RASUL

VARIASI



46

SENI BINA &
REKA BENTUK ISLAM

VARIASI



50

FENOMENA SRITI
WADAH GENERASI RABBANI

PEMIMPIN



54

DATO' SR.
HAJI AZAMI
MOHD NOR

HERITAGE	KELANTAN ARTS REQUIMENT OF REBRANDING AND REFINING	MAKANAN	PULUT SERI KAYA	DESTINASI	PASAR TERAPUNG	TOKOH
58	KELANTAN ARTS	61	PULUT SERI KAYA	64	PASAR TERAPUNG	68
JENAMA KELANTAN	DIGITAL MARKETING	KELANTAN SANASINI	PUSAT BIMBINGAN AS-SYUBBAN	INSPIRASI KELANTAN	SABRI YUNUS	FOKUS PMBK
72	FunnelEVO	76	PUSAT BIMBINGAN AS-SYUBBAN	80	SABRI YUNUS	84
AKTIVITI PMBK	Sumbangan PENSANITASI TANGAN	AKTIVITI PMBK	PROGRAM CEKOH DURIAN	AKTIVITI PMBK	CEMPAKA CHARITY	TEROWONG MASA
88	SUMBANGAN PENSANITASI TANGAN	90	PROGRAM CEKOH DURIAN	91	CEMPAKA CHARITY	92
DIALEK KELANTAN	Dialek KELANTAN					BULATAN KUANG
94	SEKSOK KEMUDIAN HARI					
	DIALEK KELANTAN					

2020

PELANCARAN PROGRAM BULAN KEBANGSAAN & KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2020

أستاذ داتو بنتارا كان منtri بسركلنتن مرسميكن فروگرم بولن كبغسان دان كبيرجالور كمياخ فريشك نغرى كلنتن بالكى تاهون 2020 برتمثت دفركارعن كومقبيك س كوت دارالتعيم، كوتهازو د 7 ذوالحجة 1441 برسمان 28 جولي 2020. برتيماكن "مليسيا فريباتنن" ، أچارا تاهونن اين دسعبوت دغۇن نورما بھارو سېڭىمان سارنىن كراجان بالكى مۇۋسۇن رىتايىن 19-Covid.

منtri بسرملاهىرىكىن راس شكور دالىم أوجاقن فرسىيان بلىار. "اڭ يې چۈركۈف مېيىغىلەكىن، كىت داشت مېشىكىن كرجسام إپرات سلوروه رىعيت مىلىسىا يې بىرگىتىيە بەھە مەراغىي قىندىمىك Covid-19 يې تزىيرى درەد قاسوقن فروباتن، قىيىق كىسلامتن، قىجاوت عرام، سېكتور سواستا، سوكارىلاون ماھوۇن اورۇغ قىسۇرماڭن. اوتنوق ايت، سىيىغىي قەھرگان دان أوجاقن تىريما كاسىيە ساي أوجقىن كەذ سموا قىيىق".

قد أخير فروگرم، منtri بسر توروت مېمىغاپىكىن جالور كمياخ كەذ كىوا أڭىنسى كراجان نغرى دان فرسكوتوان، بدان بىرونىفۇرم، أڭىنسى سوامىتا، دان وکيل قلاجر. دغۇن ادان فروگرم اين، دهارف اى داشت مېيىشكەن لاكى سماخت قاتۇرىتىك دالىم كالغان كاكيتاغۇن كراجان دان سلوروه رىعيت.

Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan merasmikan Program Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 2020 bertempat di Perkarangan Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu pada 7 Zulhijah 1441 bersamaan 28 Julai 2020. Bertemakan "Malaysia Prihatin", acara tahunan ini disambut dengan normal baharu sebagaimana saranan kerajaan bagi memutuskan rantaian COVID-19.

Menteri Besar melahirkan rasa syukur dalam ucapan perasmian beliau. "Apa yang cukup membanggakan, kita dapat menyaksikan kerjasama erat seluruh rakyat Malaysia yang berganding bahu memerangi pandemik COVID-19 yang terdiri daripada pasukan perubatan, pihak keselamatan, penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan mahupun orang perseorangan. Untuk itu, setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak."

Pada akhir program, Menteri Besar turut menyampaikan Jalur Gemilang kepada ketua agensi kerajaan negeri dan Persekutuan, badan beruniform, agensi swasta, dan wakil pelajar. Dengan adanya program ini, diharap ia dapat meningkatkan lagi semangat patriotik dalam kalangan kakitangan kerajaan dan seluruh rakyat.







**DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB**
S.J.M.K, D.J.M.K, (KELANTAN)
Menteri Besar Negeri Kelantan

KESIAGAAN PIMPINAN KELANTAN PADA ERA 2020

KE ARAH NEGERI TERBERSIH DAN TERCANGGIH

Bismillahirrahmanirrahim.

Ucapan tasbih dan syukur dilafaz menyucikan Allah SWT pemilik kerajaan langit dan bumi. Penguasa mutlak duniawi dan ukhrawi. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya, serta seluruh penyambung legasi nubuwah sehingga akhir zaman.

Kerajaan negeri Kelantan telah mengadakan persidangan kali yang ketiga bagi tempoh penggal yang ke-2, Dewan Undangan Negeri Kelantan Ke-14 pada 14 hingga 16 Oktober 2019. Belanjawan Toyyibah yang dibentangkan mengandungi beberapa perancangan dalam mempersiapkan Kelantan sebagai negeri terbersih dan tercanggih dalam mendepani tahun 2020.

Semua pihak perlu berperanan secara serius dalam menjayakan kempen "Kelantanku Bersih". Banyak agenda telah disusun antaranya program kitar semula dan penukaran minyak masak oleh Kelantan Utilities Mubaarakah Holdings Sdn Bhd, Karnival Inisiatif Kelantan Bebas Asap Rokok bersama Persatuan Perubatan Keluarga USM (Famous). Penglibatan NGO aktif menerusi program gotong-royong termasuk, Flash Mob Sayangi Kebersihan, Khutbah Jumaat, ceramah berkenaan kebersihan dan kesihatan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

Bagi memacu perkembangan digital, perkhidmatan WiFi kawasan khas (hotspot) percuma yang telah

disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Telekom akan diperluaskan ke kawasan tumpuan utama masyarakat dan pelancongan. Kita telah memperuntukkan RM500 ribu bagi pembangunan ICT desa dan RM4.6 juta untuk rangkaian perkhidmatan Internet. Pengembangan Zon WiFi diteruskan menerusi program Green City @ Digital City di empat bandar iaitu Kota Bharu, Bandar Baru Tunjong, Tok Bali dan Lojing.

Demi mencapai maksud tersebut, kerajaan negeri Kelantan menyambut baik jalinan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi meningkatkan capaian Internet menerusi Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) untuk mencapai liputan jalur lebar sebanyak 98% yang bakal dimanfaatkan oleh rakyat Kelantan. Penggunaan teknologi ini bersesuaian dengan keperluan rakyat Kelantan generasi Y dan Z yang berilmu dan celik IT.

Kerajaan negeri juga peka mengenai kepentingan liputan jalur lebar bagi menyokong keperluan sektor-sektor sosioekonomi berimpak tinggi seperti pendidikan, pertanian dan penjagaan kesihatan, perusahaan kecil dan sederhana serta kawasan kurang liputan termasuklah memastikan ketersediaan rangkaian gentian optik untuk kawasan-kawasan utama seperti sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos.

Kita juga amat berterima kasih kepada kerajaan Persekutuan kerana sudi meluluskan projek pembangunan di Kelantan. Antaranya Projek Central Spine Road (CSR). Jalan dari Kadok ke Ketereh telah dibuka secara rasmi pada 8 Oktober 2019. Begitu juga projek ECRL bagi jajaran Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu. Lokasi tapak cadangan stesen Pasir Puteh adalah di antara Jalan Cherang Tuli dan Jalan Pasir Puteh menuju Gong Kelih, Mukim Jeram. Stesen Pasir Puteh perlu direka bentuk untuk menampung penumpang dan kargo. Rancangan ini mampu membangunkan Tok Bali sebagai pelabuhan, kawasan perindustrian dan pusat pertumbuhan baharu yang akan memberi saingan kepada bandar Kota Bharu.

Projek Jajaran ECRL di Kelantan dengan jajaran utama dianggarkan sepanjang 44km. Jajaran yang terlibat ialah Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh dan Machang. Tarikh kerja di tapak dan siap bagi jajaran dari Kota Bharu ke Dungun dijadualkan bermula pada November 2020. Kelajuan ECRL melalui landasan adalah 160 km/j menjadikan tempoh perjalanan Kota Bharu – Kuala Lumpur hanya empat jam.

Semoga dengan Belanjawan Toyyibah yang dibentangkan pada oktober 2019 serta kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan akan merubah wajah Kelantan menjadi negeri terbersih dan tercanggih dalam masa terdekat. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

"Pengurusan Ihtirafi Tunjang Kesejahteraan"



HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

MENELAAH KESIAGAAN PMBK MENDEPANI TAHUN 2020

Alhamdulillah. Segala puji untuk Allah SWT dan sembah salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat dan umat Islam keseluruhan. Amma ba'du.

Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut, ayat 2-3 yang bermaksud: "Patukkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman, sedang mereka tidak diujii (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya, Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenar-benarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahui-Nya orang yang berdusta."

Saya mulakan aluan ini dengan membawa kaitan kesiagaan kita sebagai mukmin untuk menghadapi sebarang ujian dalam meneruskan keimanan kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan. Semestinya hidup ini adalah gelanggang aksi untuk kita terus berusaha.

Kesiagaan jika diteliti membawa maksud keadaan siap sedia dengan apa jua keadaan yang mesti ditempuh. Dalam konteks ayat di atas, kesiagaan memberi erti siap sedia yang perlu ada dalam jiwa setiap Muslim untuk terus beriman kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan.

Kekentalan jiwa inilah yang membezakan antara mereka yang benar-benar beriman dan sebaliknya. Ujian yang dihadapi adalah penentu kepada keimanan. Mana mungkin mereka yang pura-pura beriman akan mampu untuk terus menghadapinya, lalu tewas dengan ujian.

Dalam konteks semasa pula, saya mahu mengajak semua untuk merenung ujian yang hadir hari ini. Saya sengaja mahu memasukkan ingatan dengan pembukaan tirai 2020 yang bermula dengan pandemik Covid-19. Ia barangkali sesuatu yang tidak pernah kita bayangkan. Wawasan 2020 yang dilaungkan sebelum ini agaknya tidaklah sampai kepada imaginasi wabak yang meragut jutaan nyawa di seluruh dunia.

Negara kita Malaysia juga tidak terkecuali yang mana sehingga September 2020, jumlah jangkitan telah melebihi 11,000 kes. Kita juga diuji dengan pergerakan yang agak terhad selama beberapa bulan dengan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac hingga 12 Mei, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 13 Mei hingga 09 Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) pada 10 Jun hingga 31 Disember 2020.

PMBK dan Kumpulan pula pastinya turut terkesan dengan situasi ini. Bermula dengan penutupan operasi pada 18 Mac 2020 sehingga kepada pembukaan operasi secara penggiliran anggota dengan jadual harian dan akhirnya operasi sepenuhnya bermula Jun 2020 mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak berwajib.

Inilah suatu contoh ujian yang seharusnya menjadi penguat kepada kita untuk lebih melangkah ke hadapan. Dalam menelaah kesiagaan inilah PMBK perlu dilihat lebih sistematik dalam pengurusan dan pentadbiran Perbadanan. Ekonomi yang sedang bergerak dalam radar meningkat selepas PKP ini perlu diambil manfaat sebaiknya.

Qiadah edisi kali ini akan membawakan gambaran potensi yang ada dalam memberikan nilai tambah kepada PMBK dalam menghadapi keadaan semasa. Untuk itulah, edisi kali ini saya tampilkan suatu frasa untuk difikirkan bersama iaitu "menelaah kesiagaan mendepani tahun 2020".

Bagi pihak PMBK, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada sidang editorial yang bertungkus-lumus menyiapkan bahan untuk didokumenkan dalam Qiadah edisi kali ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penulis dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak atas jerih upaya yang ditunjukkan dalam penghasilan bahan bacaan untuk rakyat Kelantan khasnya ini. Hanya Allah jua yang layak membalaunya. Sekian, siru ala barakatillah.



KEMATANGAN MENTAL & SPIRITUAL PIMPINAN NEGERI KELANTAN MENGHARUNGI 2020

Oleh: Nik Bahrum Nik Abdullah

Rupa-rupanya sejak dilancarkan pada 28 Februari 1991, Wawasan 2020 hanya berada di hujung tikungan untuk direalisasikan. Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamed yang juga mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4 dan ke-7, di dalam kertas kerjanya "Malaysia – The Way Forward" telah menggariskan sembilan cabaran utama bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Antara cabaran yang dihadapi oleh Malaysia adalah cabaran ekonomi, politik, sosial, psikologi dan budaya serta penularan wabak Covid-19 yang mengakibatkan perisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa bermula 18 Mac sehingga 31 Disember 2020.

Sehubungan dengan itu, negeri Kelantan sebagai salah satu negeri di Malaysia turut tidak ketinggalan untuk menggalas tanggungjawab dalam misi mengatasi cabaran-cabaran tersebut dan mencapai Wawasan 2020.

Pimpinan kerajaan negeri Kelantan sentiasa bersedia untuk berdaya saing agar dapat membentuk sebuah institusi dan penduduk negeri Islam yang bersifat dinamik, teguh dan mampan yang sentiasa sedia berubah ke arah lebih baik.

Secara ringkas wawasan itu berteraskan kepada pembangunan menyeluruh dan perpaduan kaum dalam kalangan rakyat Malaysia di mana ia mengetengahkan acuan kemajuan berdasarkan acuan pemikiran rakyat Malaysia sendiri untuk mewujudkan satu lapisan masyarakat Malaysia yang berakhlek tinggi bagi memastikan kejayaan dan pembangunan yang mantap serta utuh dapat dikecapi menjelang tahun 2020 dan juga pada masa hadapan.

Sedia bersaing

Ironinya, semasa pelancaran Wawasan 2020 pada peringkat Persekutuan, salah sebuah negeri yang membentuk Persekutuan yang baharu bertukar tumpuk pemerintahan telah tidak disediakan dengan segala prasarana yang sepatutnya untuk sama-sama bersaing dan merebut peluang berwawasan.

Kelantan masih dinafikan royalti minyak dan infrastruktur yang sepatutnya diberikan bagi memungkinkan kepimpinan negeri Kelantan mempersiapkan infrastruktur kecanggihan negeri yang didominasi oleh umat Melayu-Islam sehingga sekarang meskipun berdepan tahun 2020.

Namun rezeki milik Allah SWT dan ternyata negeri Kelantan tetap tidak kalah dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Kekangan daripada aspek kewangan tidak dapat mematahkan semangat dan tekad pucuk pimpinan negeri Kelantan untuk mengemudi negeri ini berteraskan prinsip UMI - Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan yang diterapkan ke dalam sistem Pengurusan Ihtirafi.

Di sebalik batas yang diwujudkan kerana perbezaan parti politik yang memerintah sebelum ini, kerajaan Kelantan telah mengatasi perkara tersebut dengan kaedah alternatif yang sangat kreatif lagi bijaksana.

Persoalannya, apakah yang diamalkan oleh saf pimpinan ulama teknokrat yang berdepan pelbagai kekangan bagi membolehkan negeri Kelantan tetap terus bersaing meskipun serba kekurangan?

Penulis menyimpulkan bahawa saf pimpinan negeri berfikrah politik islamiah mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bermula dari tahun 1990 setelah mengambil alih tumpuk pentadbiran daripada pemerintahan terdahulu yang beraliran kebangsaan.

Saf pimpinan ulama menerajui perubahan dengan menukar dasar kebangsaan kepada dustur Ilahi melalui dasar Membangun Bersama Islam telah mengamalkan teori akronim I.S.L.A.M dalam pemikiran dan tindakan mereka.

PERTAMA: I - INTELEKTUAL

Ibnu Khaldun pernah berkata, "Akal adalah timbangan yang cermat dan hasilnya pasti dapat dipercayai." Perkembangan intelek atau dikenali juga sebagai kecerdasan akal adalah satu elemen yang penting dalam pembentukan rakyat ke arah pemikiran yang berdaya saing dan berilmu. Sesuatu negeri hanya akan bertambah maju jika rakyatnya juga mempunyai cara berfikir untuk terus maju ke hadapan.

Perkembangan intelek rakyat sememangnya diutamakan oleh pimpinan negeri Kelantan selaras dengan usaha kerajaan mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamadun sains dan teknologi masa hadapan. Justeru, kita telah dapat melihat betapa perancangan kerajaan dalam mengembang kelas-kelas sains tulen di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan tidak terhalang dengan faktor kewangan yang mendesak.

Antara contoh lain, institusi pendidikan negeri Kelantan sentiasa menggalakkan dan memberi sokongan kepada pelajar sekolah dan universiti untuk terlibat dalam program melibatkan sains dan teknologi. Misalnya, baru-baru ini suatu Pertandingan e-Matematik Terbuka Peringkat Antarabangsa anjuran Persatuan Alumni Sekolah Menengah Zainab (SEMENZA) telah diadakan pada 31 Mac 2019 yang mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records.



Pertandingan e-Matematik Terbuka diadakan untuk menguji minda pelajar dalam ilmu matematik menerusi pertandingan yang besar.



Kelantan tingkatkan jaringan pendidikan ke Timur Tengah.

Program berprestij

Penyertaan 2,824 peserta dari dalam dan luar negara seperti Syria, Vietnam, Thailand, Myanmar dan Bangladesh secara tidak langsung membantu pelajar tempatan lebih mengapresiasi pendidikan sains dan teknologi dan meningkatkan intelektual dan daya saing kerana format pertandingan tersebut menggunakan sepenuhnya aplikasi dalam talian iaitu peserta dikehendaki menjawab 15 soalan kuiz yang mencapai piawaian antarabangsa menggunakan telefon pintar masing-masing dalam tempoh 30 minit.

Terbukti pertandingan berskala antarabangsa ini membuka paradigma pemikiran dan mematangkan para pelajar tempatan dan secara tidak langsung dapat menggalakkan program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan pelajar sekali gus bertepatan dengan saranan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pastinya kerajaan negeri Kelantan akan terus menyokong penganjuran lebih banyak lagi program berprestij sebegini.

Selain daripada itu, sistem pendidikan di negeri Kelantan juga telah berubah sejajar dengan peredaran masa. Memetik kata-kata Hamka, anak adalah khazanah zaman yang akan datang, bukan sekarang. Maka, amat silap sekiranya seseorang berfikiran mahu mendidik zuriat dan berhasrat menjadikan anak mereka seperti mereka juga. Justeru itu, untuk membangunkan sesuatu masyarakat, pendidikan haruslah dibangunkan terlebih dahulu.

Pendidikan di Kelantan turut diperbaharui dengan bekalan gajet seperti tablet dan komputer riba untuk kemudahan pelajar mengakses maklumat semasa proses pembelajaran di dalam kelas. Guru-guru juga dapat menganalisa perkembangan semasa murid secara lebih efisien dan sistematik serta canggih.

Suku perbelanjaan

Bermula seawal tahun 90-an sehingga sekarang, peruntukan kewangan dalam perbelanjaan negeri tidak kurang dari satu perempat jumlah keseluruhan. Oleh itu, dapat kita lihat di sini walaupun peruntukan kewangan adalah berat sebelah untuk kerajaan negeri Kelantan, namun pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk mengembangkan daya keintelektualan rakyat dan mampan untuk menghadapi apa juarawasan.

Hasilnya? Saban tahun pelajar di negeri ini meraih anugerah demi anugerah kecemerlangan lantaran tingginya keintelektualan mereka mengatasi tahap pencapaian sekolah aliran arus perdana sama ada dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Hal ini terbukti dengan pengagihan dana purata RM6.2 juta sejak tahun 2006 sehingga 2018 sebagai hadiah kecemerlangan pelajaran kepada calon-calon peperiksaan utama yang mencapai keputusan terbaik.

Usaha ini sebagai motivasi kepada penerima dan rakan sebaya mereka untuk lebih gigih berusaha mencapai kejayaan cemerlang pada masa hadapan. Ini kerana kerajaan negeri peka bahawa agenda pendidikan adalah tonggak utama sebuah masyarakat berilmu yang memajukan diri dan menggerakkan aktiviti harian selari dengan panduan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia.



PT3 (2018) - 98 pelajar Maahad Lelaki dapat 11A



PT3 (2018) - 105 pelajar Maahad Perempuan dapat 11A

KEDUA: S – SPIRITUAL

Matlamat utama wawasan 2020 juga adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan akan keupayaan sendiri, berbangga dengan pencapaian sedia ada dan yang mahu digapai serta cukup gagah menghadapi pelbagai masalah.

Nah! Itulah penekanan yang dituntut oleh pemimpin kerajaan negeri Kelantan dengan mempersiapkan amalan dalaman rakyat agar mapan menghadapi pancaroba berteraskan spiritual yang teguh dan kuat, ia dapat memudahkan seseorang individu untuk terus maju ke hadapan dan tidak mudah berputus asa.

Memiliki ilmu sememangnya penting tetapi memiliki kekuatan dalaman atau spiritual adalah pelengkap kepada diri seseorang. Imam Al-Ghazali berkata, “*Inti sari ilmu yang sebenarnya ialah mengetahui sedalam-dalamnya apa erti taat dan ibadah.*”

Seimbang

Demi membentuk masyarakat Islam yang seimbang dari segi agama dan ilmu dunia, kerajaan Kelantan telah menganjurkan pelbagai program untuk mendekatkan masyarakat Kelantan kepada Islam dan menguatkan kekuatan spiritual. Contohnya, amalan solat yang menjadi kewajipan individu telah ditambah nilai oleh kerajaan pimpinan ulama teknokrat ini dengan penganjuran bulan solat pada setiap tahun. Program seperti ini dapat menarik minat masyarakat di negeri Kelantan untuk sama-sama berjemaah dan menghayati nikmat ibadah solat.



Majlis khatam al-Quran anjuran PMBK. Agensi-agensi kerajaan negeri turut aktif mengadakan program bagi membentuk masyarakat Islam dalam kalangan warga kerja masing-masing.



2018: Ribuan rakyat Kelantan menyertai solat hajat solidariti yang diadakan di Madinah Ramadan.

Kerajaan negeri menubuhskan Unit Halaqah yang berusaha siang malam menyampaikan tazkirah kepada rakyat melalui lisan ilmuwan dan agamawan. Agenda ini diyakini berjaya menaikkan semangat masyarakat Kelantan untuk berubah ke arah kebaikan sejajar dengan ajaran Islam yang mengutamakan peningkatan kekuatan setiap jiwa untuk hidup selaras dengan suruhan Pentadbir Alam agar seluruh makhluk-Nya mencapai kesejahteraan dan kelestarian yang bersinkronisasi dalam keharmonian seimbang.

Madinah Ramadan yang dinaikkan taraf daripada Qaryah Ramadan bukan sekadar untuk bersolat tarawih, tetapi juga dipenuhi dengan amalan-amalan penguat jiwa melalui qiamullail, tadarus dan ceramah agama.

Bagi menarik minat warga Kelantan hadir berduyun-duyun menunaikan solat tarawih di Madinah Ramadan, kerajaan negeri Kelantan menetapkan lokasi Madinah Ramadan berdekatan dengan bazar Ramadan dan juadah berbuka serta prasarana seperti penyaman udara, tandas dan karpet agar jemaah selesa semasa beribadah.

Semua terlibat

Selain itu, kerajaan Kelantan juga tidak lupa untuk melibatkan masyarakat Orang Asli dalam aktiviti kerohanian seperti Program Ihya' Ramadan di perkampungan Orang Asli yang dianjurkan di empat buah perkampungan di Pos Tuel, Pos Brooke, Lojing seterusnya di Pos Sungai Rual, Jeli dan Pos Lebir, Gua Musang.

Perkembangan spiritual Orang Asli juga dititikberatkan oleh kerajaan Kelantan membuktikan semua rakyat Kelantan mendapat hak mereka untuk mengenali Islam secara lebih dekat dan menarik minat saudara Islam baru dalam kalangan Orang Asli sendiri.

Semua agenda kebajikan ini dianjurkan bertujuan mencari reda Allah kerana pemimpin negeri hanya dengan reda Allah, rakyat mampu mencari kecemerlangan dan beroleh keberkatan serta membawa kemakmuran kepada negeri.

Amatlah membanggakan apabila pimpinan ulama teknokrat kerajaan negeri Kelantan sedar semua potensinya lalu bertindak proaktif dan tidak mengalah kepada sesiapa. Konsekuennya, berdirilah kerajaan negeri Kelantan sama tinggi dengan negeri lain dengan kedaulatannya tersendiri sekali gus dihormati oleh kawan dan lawan.

KETIGA: L – LIFE AND LIMB (JASMANI)

Apalah gunanya jika jiwa merdeka dan bebas tetapi tubuh dan badan lemah lesu? Pimpinan negeri ini berpegang teguh dengan sabda Rasul SAW yang bermaksud: *Aqal yang sihat dari tubuh yang sihat serta Mukmin yang kuat lebih baik dari Mukmin yang lemah.*

Dalam mencapai Wawasan 2020, perkembangan dari segi kesukanan juga harus diambil kira kerana sukan juga adalah antara penyumbang terbesar kepada ekonomi dan mengharumkan nama negara di persada dunia. Maka pimpinan negeri Kelantan amat menggalakkan rakyatnya untuk aktif dalam lapangan sukan.

Pasukan Ragbi negeri ini juga beberapa kali merangkul juara MSSM termasuk kriket. Tidak ketinggalan sukan untuk golongan wanita. Kelantan pernah beberapa kali



menganjurkan Sukan Nisa' yang memberi tumpuan khusus kepada golongan ini untuk bersukan secara eksklusif dan patuh syarie.

Tambahan pula, Majlis Sukan Negeri (MSN) Kelantan juga mempromosikan sukan sebagai ibadah dengan menganjurkan Karnival Sukan Kelantan (Kasukel) 2019. Penganjuran sebegini dapat mencungkil bakat-bakat anak muda untuk mewakili negeri Kelantan

ke Sukan Malaysia (SUKMA) dan mewujudkan semangat kesukanan yang kental dalam kalangan masyarakat Kelantan. Larian-larian amal juga semakin aktif dilaksanakan di negeri Kelantan termasuklah program Walk with Me – berjalan bersama KDYMM Sultan Kelantan.

Tempat untuk beriadah? Silakan ke Taman Tengku Anis, Pengkalan Chepa atau berkunjung ke taman mini Jepun yang dinamakan Memorial Keamanan Kota Bharu bertempat di Taman Al-Fursan jika anda di Kota Bharu untuk melakukan aktiviti senamrolik, jogging, memanah dan berkuda. Bagi penggemar acara lasak seperti berkenu, boleh sahaja ke Jeram Linang atau Lata Berangin. Para pendaki gunung boleh merehatkan spiritual dengan menerokai alam malar segar atau mencabar kekuatan mental dan fizikal menawan puncak Gunung Stong juga berenang di Pantai Bisikan Bayu atau Pantai Melawi yang landai.



Kerajaan Kelantan telah berusaha sedaya upaya untuk menyokong perkembangan sukan dengan menyediakan prasarana yang cukup. Penglibatan sektor swasta dalam menyokong pembangunan sukan di Kelantan juga dialu-alukan agar sukan di Kelantan terus berkembang.

Apakah yang membezakannya? Ikutlah aturan yang digariskan agama. Tiada unsur pergaulan bebas, menutup aurat sepenuhnya, serta tidak melampaui batas sehingga lupa tuntutan agama yang lain terutamanya solat.

KEEMPAT: A – ATMOSFERA

Bumi yang kita duduki ini adalah tanggungjawab bersama. Kita bertanggungjawab untuk meninggalkannya dalam keadaan yang baik kepada generasi akan datang. Jika sungai yang kita terima daripada ibu bapa kita maka sungailah juga yang perlu kita wariskan bukan sekadar longkang!

Jika hutan yang kita terima maka hutanlah yang perlu kita wariskan bukan gondolan bukit-bukau. Justeru, hasrat inilah yang terpahat utuh di dalam fikiran pimpinan negeri.

Dalam kekangan sumber kewangan, usaha secara berhemah telah dibuat untuk meminimumkan kerosakan alam. Ternyata segala halangan dan tohmahan bukanlah penghalang kerana saban tahun negeri inilah antaranya (jika pun tidak satu-satunya) yang sering kali menerima anugerah persekutuan dalam sektor pengurusan hutan negeri. Penerimaan anugerah Sijil MS 9001:2008 di atas kejayaan pengurusan pengeluaran kayu secara berkekalan di hutan simpan kekal adalah bukti ampuh.

Jabatan Alam Sekitar Kelantan juga telah bekerjasama dengan beberapa jabatan kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, Institusi Latihan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menganjurkan pelbagai program kesedaran alam sekitar. Apabila kesedaran penjagaan alam sekitar dapat diwujudkan dalam sesuatu masyarakat, pastinya kelestarian alam sekitar dan atmosfera bumi dapat dipelihara. Inilah konsep Go-Green (Kelantan Bersih dan canggih) yang menjadi aspirasi kerajaan negeri.

KELIMA: M – MATERIAL

Wang bukanlah matlamat utama tetapi dengan wang segala-galanya dapat dilaksanakan. Semua pemikir dan pencetus idea bernesah sahaja memberikan pendapat untuk membuat sesuatu. Namun apakah ia praktikal daripada aspek kewangan untuk melaksanakannya?

Menyentuh urusan kewangan pula apakah kita dibenarkan bebas sebebas-bebasnya? Tentu sahaja tidak kerana kepimpinan negeri yang setia menggalas amanah di bawah slogan Membangun Bersama Islam sejak dari awal pemerintahan telah menekankan konsep ekonomi Islam.

Dalam suasana kerusi meja belum teratur elok, Menteri Besar yang baharu dilantik yakni Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Abdul Aziz Nik Mat telah mengisyiharkan pemindahan akaun kewangan negeri daripada bank konvensional ke perbankan Islam. Pemindahan ke perbankan Islam adalah untuk mengelakkan unsur riba dan penindasan ke atas harta seseorang selaras dengan undang-undang syariah.

Hasilnya hampir keseluruhan bank yang ada di negara kita pada masa ini waima bernama Hong Leong Bank sekalipun sudah mempunyai unit perbankan Islam.

Seawal bulan kedua sebaik memegang tampuk pemerintahan, satu arahan pentadbiran telah dikeluarkan kepada semua PBT untuk tidak lagi membentarkan mana-mana premis perniagaan dalam negeri Kelantan terlibat dengan aktiviti perjudian dan loteri. Larangan tersebut menjadikan ekonomi negeri Kelantan bersih daripada unsur-unsur yang dilarang oleh Islam. Sistem ekonomi yang adil dapat dilaksanakan dan eksplorasi dalam ekonomi juga dapat dikurangkan sejajar dengan Wawasan 2020 untuk mengatasi cabaran dalam ekonomi Malaysia.

Hasilnya? Sehingga sekarang anak-anak muda di negeri Tadahan Wahyu ini tidak mengenal istilah Magnum melainkan jenama aiskrim dan TOTO sebagai pelapik tidur dari Thailand.

Kelantan juga menggunakan pembiayaan Qardhul-Hasan (tanpa riba) kepada kakitangan kerajaan, disamping mempelopori sistem pajak gadai Islam (Ar-Rahn) sebagai alternatif kepada amalan riba dan mekanisme untuk merancakkan perniagaan kecil dan memecahkan belenggu kemiskinan.

Naik taraf

Di samping itu, untuk menaikkan taraf ekonomi Kelantan, pihak kerajaan negeri Kelantan juga memberi sokongan terus menerus untuk sektor ini yang meliputi industri batik Kelantan, kraftangan, pasaran bebas cukai dan menjaga pantai-pantai yang menjadi produk tarikan pelancong.

Disebalik kekurangan dana daripada kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri menyasarkan Kelantan masih mampu menarik minat kehadiran 5.5 juta pelancong dengan keunikan budaya, kepelbagaiannya makanan dan kawasan peranginan yang sedia ada di Kelantan. Kerajaan Kelantan juga akan mempergiatkan program kesenian dan kebudayaan selain daripada bekerjasama dengan pihak persatuan hotel untuk mempromosikan Kelantan ke seluruh dunia.

Inilah keistimewaan rakyat negeri ini. Sekalipun seringkali dinafikan hak material yang sepatutnya oleh Persekutuan; seumpama royalti dan bantuan per kapita, pimpinan negeri dan pegawai sentiasa bergerak selaras prinsip Islam sehingga mencapai belanjawan surplus selama dua tahun berturut turut sejak tahun 2018.

Penutup


Rumusannya, jelaslah bahawa pimpinan kerajaan Kelantan amat serius mempersiapkan negeri dan rakyat Kelantan untuk mengharungi Wawasan 2020. Kerajaan Kelantan tidak lagi akan menoleh ke belakang dalam misi mencapai status negeri maju.

Walaubagaimanapun, sokongan daripada kerajaan Persekutuan amat diperlukan untuk membantu negeri Kelantan mengharungi Wawasan 2020. Seorang aktivis politik Helen Keller ada menyebut: "**Hanya sedikit pekerjaan yang boleh dilakukan sendirian, namun bersama-sama boleh mengerjakan banyak hal.**" ■

EDUCATION 4.0

EDUCATING THE DIGITAL KELANTANESE

By: Dr. Samhani Ismail



A student at Maahad Tahfiz Darul Quran Wal Qiraat, Pasir Mas, Kelantan.

Kelantan's vision to empower education through Islamic mission has gained high reputation by integrating the fragmentalized knowledges and disciplines. History of Kelantan showed that Islam played a pivotal role in the development of civilization. Under the royal power, Islamic education was upheld until Kelantan was once known as the cradle of knowledge. Until now, the state government of Kelantan continues this mission by capturing the revealed knowledge as its core; and recently launched a policy called Rabbani Education.

Currently, we are reaching a new era of extended digitalisation of the state which known as Industrial Revolution (IR) 4.0. In this era, we will find that internet is dominating the world and impetus transformation in educational system as well. The description of the awaited era is still fuzzy but researchers predicted that IR 4.0 will necessitate great changes in major aspects of education involving method of delivery, management and content.

Supporting tools

In later years, technology has shaped classrooms all over the world. Not too long ago, chalks and blackboards were all we needed, but then computers, tablets and the internet came along. Recently, in developed country, we see that education is being augmented by the virtual reality (VR) and artificial intelligence (AI) as reported by Pearson as, "The future offers the potential of even greater tools and supports. Imagine lifelong learning companions powered by AI that can accompany and support individual learners throughout their studies — in and beyond school — or new forms of assessment that measure learning while it is taking place, shaping the learning experience in real time."

Looking into the huge impact it will give to education system, vital steps, as elaborated in the following, must be taken by the state government of Kelantan to accommodate students and educational institutions in order to adapt to this new age challenges.

1

PROVIDING LEARNING INFRASTRUCTURE AND IMPROVING TALENT MANAGEMENT MIND SET

2

REVAMPING LEARNING METHODS

3

NURTURING NOBLE CHARACTER



**EDUCATION
SUPPORTING TOOLS**



1. Providing Learning Infrastructure and Improving Talent Management Mind Set

The use of technological advancements in teaching and learning can enhance the teaching and learning process and create the interest of learners to participate in the learning materials. Education in IR 4.0 era, also known as Education 4.0, in a way completes the phenomenon of digital penetration in our everyday lives.

In Malaysia, education 4.0 is highlighted to embrace the fourth industrial revolution as part of the call to revamp the Malaysian higher education system. To realize this, firstly, the process of using technological advancements in teaching and learning must be changed.



Source: UPKN Kelantan

A live preach covered and streamed from Medan Ilmu can be found on internet-base medium such as Facebook and website.

Paradigm shift

For one, in the foreground, it is important to look into changing the mindset of sub cultured society where excellence in grades is the essence of getting an education. By not equating good grades and learning, multitude of learning can be grafted into putting a base of the use of technological advancement in teaching and learning.

It is important to learn, unlearn and relearn the process so that a new mindset of teaching and learning can be formed at the level of teachers and learners. This may take time but working together – the government at the policy level, educational institutions at the operational level and the students as learners –will eventually incorporate the new innovative, creative, high technologically advanced assisted teaching and learning mindset will replace the stagnant, stoic, currently pursued education system.

In the state where education and learning infrastructure depend largely on the federal budget, the state government of Kelantan must adopt a creative and innovative thinking in building new infrastructure for IR4.0 era teaching and learning.

Worldwide, as policy makers continue to shift their focus from access to quality, it has been proven how data and a multi-faceted model can be helpful to promote effective learning environments. In contexts with limited resources, competing demands, and unequal

starting conditions, a holistic and data-driven approach is essential to keep the focus on the ultimate goal: improving the quality of education for all students.

New learners' infrastructure

When deciding on the infrastructure themselves, the government must take into account the subject of who, when and where the teaching and learning take place in this new setting. Maybe it is easier to decide on the infrastructure for new learners at the primary and secondary school levels, yet when it comes to higher learning, the who becomes entangled with youth, working students, career people looking for upscaling themselves, etc. that made up the lifelong learners.

Here, the aspect for infrastructure consideration may be easier or harder. That is why a holistic and data-driven approach is always helpful for policy makers to decide on what kind of learning/teaching facility to be designed and built. Clearly, our current system of teaching and learning is changing as institutions respond to our changing definition of learning. Information technology, Internet particularly, is playing a central role in those changes, driving the information explosion and making it possible for us to think about new ways of responding to new demands.

In short, what we need now is the infrastructure that can meet the need of tomorrow's learners, be it in term of properly connected institution buildings, moderators instead of teachers, and of course, student centred curricula.

2. Revamping learning methods

Many people worry about the work demand shrinkage due to spur on Internet of things (IoTs), advanced automations that can interact with human biological systems, big data and the advancement of artificial intelligence (AI). Undeniably, this coming robotic era impact our nature of working.

It is important to emphasize here that future will not eliminate jobs or human and be replaced by robots, instead it forged a unique collaboration between human and machine on complex tasks.

The new advancement in technology creates more jobs than it destroys; making human touch irreplaceable instead becomes more in need. Updated skill sets, attitudes and practices is needed to work in concert with new technology. These attitudes, capability and forward thinking are becoming non-negotiable requirements for existing and new industry era.



It was mentioned that 65 percent of children entering primary school today will ultimately end up working in completely new job types that do not yet exist (World Economic Forum, 2016). Nevertheless, as mentioned by the U.S. Government, 2017, "A key step towards preparing individuals for the economy of the future is providing quality education opportunity to all."

In this sense, students with cognitive flexibility in dealing with complexity are highly required because they will be working in the environment which does not only communicate with human, but trans-human and robots as well. Clearly, the nature of new jobs that will be created requires different skill sets and new competencies.



Source: Google

A student got interested in seeing bacteria.

As it is, the 10 top skills required in year 2020 or Era IR4.0 as reported in Future Jobs Report, 2016, point out skills such as complex problem solving, critical thinking, creativity, people management, coordinating with others, emotional intelligence, judgement and decision making, service orientation, negotiation and cognitive flexibility.

It is also cited from The World Economic Forum Report Future of Jobs published in 2016; "The Fourth Industrial Revolution, which includes developments in previously disjointed fields such as artificial intelligence and machine-learning, robotics, nanotechnology, 3-D printing and genetics and biotechnology will cause widespread disruption not only to business models but also to labour markets over the next five years, with enormous change predicted in the skill sets needed to thrive in the new landscape."

Hence, the state government is urged to create a new learning environment that cultivate critical thinking as a mean to fulfil those required skills. For example, pedagogical approach that currently being used will no longer be practical. Instead, education institution should employ fluid and organic curriculum by adopting innovations into its system. For instance, heutagogy and cybergogy should be more suited to be utilized in learning religious and academic knowledge.

Learning Approaches

Heutagogy approach is one of the alternative learning approaches that should be incorporated into our education system. Heutagogy is a form of self-learning system where learners are highly autonomous and self-determined to produce well prepared graduates who are able to face upcoming complexities of today's workplace.

Self-determined was defined by Knowles (1975) as a process in which individuals take the initiative, with or without the help of others, in diagnosing their learning needs, formulating learning goals, identifying human and material resources for learning, choosing and implementing appropriate learning strategies and evaluating learning outcomes.

The key concept in heutagogy is double-loop learning and self-reflection. In double-loop learning, learners consider the problem and resulting action and outcomes in addition to reflecting upon problem that resulting in action and outcomes, in addition to reflect. Pedagogical is not sufficient enough to prepare learners for thriving in workplace and becoming self-directed and self-determined.

Reflective practice was found to help learners gain more control over learning, as well as comprehend and apply what they have learned in practical situations. Reflecting on the learning experiences and relating these experiences to professional practice helped keep learners motivated to learn, to connect with other learners, and to continue on with the reflective process.

Critical Thinking

Reflective learning encourages critical thinking which ranks among what they believe to be the most necessary skills for our learners to have for life beyond school. In fact, this kind of thinking was clearly asked by Islam. The Holy Quran mentioned about reasoning repetitively by its important message, "*Those who listen to all statements and then follow the best of it. These are the ones whom God has guided, and these are the ones possessed of minds.*" (Al Quran 39:18)



Source: Google



Students in Kelantan speaking French with French Ambassador, Frederic Laplanche.

Source: Google



Amb. Paul Jones presented certificates to the 60 students from Aman Islamic Secondary School.

Source: Google



Dr. Muhamad and Prof. Kettner with student from Kelantan school.

Source: Google



Nor Ayuni Ishak got second place in 2019 Daejeon MBC Cup Seocheon International Open Taekwondo Championship.

In scientific stream learning, information and conclusion gathered from deep observation and experimental procedures involving laboratories and computational methodologies. They were then critically analysed by statistical calculation in order to draw the possible inferences.

Unfortunately, this kind of inductive reasoning not been applied in our Islamic Centred Educational Systems. Students habits of curiosity was not been attended. The pedagogical practices in diverse formal or non-formal Muslim educational setting does not having much variation but rather stick to traditional method by using repetition and memorisation of information to educate students or people make them passively accept those information, doesn't meant to develop their critical thinking, problem solving and decision-making skills. The mind of invention and innovations also ignored. Then, how could we see innovations from Muslims if we stick to this kind of learning approach that doesn't cultivate critical thinking habits?

Alternative model

Similarly, cybergogy is another alternative to pedagogical approach of teaching and learning. The Cybergogy for Engaged Learning Model is created by Dr. Minjuan Wang (Educational Technology, San Diego State University), and Dr. Myunghee Kang (Educational Technology, Ewha Womans University, South Korea). This model is a synthesis of current thinking, concepts, and theoretical frameworks on the extent and nature of the domains in learner online engagement.

The Cybergogy Model also provides a framework for generating meaningful and engaging learning experiences for distance students with diverse cultural and linguistic backgrounds. Engagement is positively correlated with motivation, which may be prompted in different ways for culturally different students.

There are four motivational conditions that the instructor and the learners collaboratively create. First, cultivating learners' competence about being effective in learning valuable things; second, creating a respectful and connected learning atmosphere; third, helping learners develop favourable attitudes toward the learning experience through personal relevance and choice; and fourth, creating challenging and thoughtful learning experiences that are consistent with learners' perspectives and values.

Online learning

The Cybergogy Model reflects the systemic approach to online learning. The key features of this systemic view include:

- a Putting the right people, elements and resources in place to succeed;
- b Evaluating results through learning outcomes; and
- c Providing feedback and taking action to maintain alignment with established educational and societal goals.



Several state government leaders with students whose will continue their studies in middle east.

Factors in the cognitive, emotive, and social domains are identified as critical elements in a learning environment when used as input in the system described. This input elements together transform the learning system into cognitive, emotive, and social presence, and they finally generate engaged learning as a whole. Consequently, learners will not only have the opportunity to accomplish their learning goals, but also will be actively involved in the learning process.

3. Nurturing Noble Character

The future industry predicted to be fast-paced, complex, constantly evolving, interwoven world of connections, simulations and algorithmic. This means that the future workers at any levels need to be equally fast-paced, having complex thinking, constantly evolving, flexible and interconnected. Their technological skills must be well blended with personal abilities such as fast-paced, resourceful, flexible, constantly evolving and tough.

Positive attitude

The Government of Kelantan is urged to enhance a noble attitude and character besides upgrading Kelantanese knowledge in order to prepare themselves with major changes and adapt with any situations. This kind of models cannot be replaced by machines or robots. On the other hand, Kelantanese would be able to manage themselves as change makers not just an object, smart users or controllers of technology, not victims of technology.

Congruently, Imam Ghazali once written that "Foul characteristics are the very sickness of hearts and the diseases of the soul, constituting an illness which deprives man of everlasting life." Therefore, the fundamental good traits of character are wisdom, courage, temperance and justice that lead to shape a positive attitude into our new generation of learners to enable them to face the challenges forward in the disruptive digital world, where dynamism, complexity

and fragility are norms. A noble mindset, coupled with proper attitude will be the bastion for our future generation to face the IR4.0 and its complex challenges.

Cognitive flexibilities

An approach to improve people's cognitive flexibility is by providing enriched environments like sound intrinsically a temporal and sequential signal that has been suggested to provide a kind of scaffolding for general cognitive abilities in human through neural connections between the temporal and frontal lobes of the brain (Conway and Knonenberger, 2009).

The Holy Quran was recognized for its nature of prose-poem metric rhythmicity of its reading system which possess a beauty audible that gives fascinating expression even on individuals who do not understand its meaning. Listening to Quranic scripture activates brain oscillations of relaxation and attention which indicate of (alpha).

Hence, this study provides evidences of significance practicing of Quran recitation and listening in daily Kelantanese Muslim routine for the rhythmic sound like the Holy Quran recitation may improve behavioural performance by modifying the brain at both functional and structural levels.

Taking into account the points above, the Government of Kelantan have to upgrade literacy rate and digital literacy of the Kelantanese in order to meet the rising pace of technology. For in the time of IR4.0 literacy is the commodity and digital is the currency. In short, without digital literacy, Education 4.0 unable to be properly implemented and it will be a great loss to the State Government in putting their mission of Rabbani Education a success. To be successful for the coming era, Kelantan needs smart, intellect and sincere people, and the Quran may provide the guidance. Due to this fact, the Government has to provide such ecosystem to meet the changes. ■



Sambutan Ulang Tahun
**HARI KEPUTERAAN
SULTAN KELANTAN**
SARAT PENGISIAN ROHANI & DAKWAH MELALUI TELADAN

Oleh: Dr. Wan Adi Wan Yusoff

Menyingkap kembali pada awal tahun 1980-an sewaktu saya masih kanak-kanak, sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Kelantan bagaikan satu pesta cahaya. Seluruh bandar Kota Bharu dihiasi dengan gemerlap lampu neon berwarna-warni. Ayah selalu membawa kami seisi keluarga melihat pertunjukan anjuran kerajaan negeri Kelantan pada waktu itu seperti permainan kanak-kanak di tapak expo, pertunjukan kereta berhias dan bunga api, pertandingan hiasan pintu gerbang, persembahan dikir barat, wayang kulit dan pencak silat.

Kemeriah sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan al-Sultan Kelantan ataupun lebih popular dengan panggilan "puja umur" ini amat dirasai oleh rakyat jelata sehingga menjadi topik perbualan hangat di kedai kopi berhari-hari sebelum dan sesudah acara.

1	2	3	4	5	6
7	8	9	10	11 HARI KEPUTERAAN DULI SULTAN KELANTAN	12 HARI KEPUTERAAN DULI SULTAN KELANTAN
13	14 HARI DEEPAVALI	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30

11 dan 12 November pada setiap tahun merupakan hari kebesaran bagi negeri Kelantan

Cuti umum

Berdasarkan jadual cuti kelepasan am bagi negeri Kelantan, kalendar mencatatkan secara adatnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kelantan akan memberikan limpah perkenan untuk pihak berwajib seperti kerajaan negeri Kelantan dan agensi yang berkenaan mengadakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan rasmi baginda secara besar-besaran pada 11 dan 12 November pada setiap tahun yang turut disertai oleh segenap lapisan masyarakat di negeri Kelantan.

Menurut orang dahulu, pelbagai jenis acara sukan seperti pesta rakyat, pertunjukan silap mata, makyung, perlumbaan perahu dan sukan air dijalankan dan seluruh majlis dilimpahi sinaran cahaya lampu serta perhiasan yang sangat menakjubkan. Malah sambutan Hari Keputeraan ini menjadi wadah bagi rakyat jelata untuk berkumpul sambil bersantai bersama keluarga dan kawan-kawan untuk menyaksikan pelbagai acara yang dianjurkan. Ini sahajalah cara mereka berhibur sambil menzahirkan rasa kekitaan dalam semangat "raja berdaulat" yang menjadi payung kepada rakyat jelata.

Kini setelah 30 dekad berlalu, penulis menyaksikan sambutan Hari Keputeraan tetap dianjurkan oleh kerajaan negeri Kelantan, tetapi sambutan yang diadakan sekarang dipenuhi dengan majlis-majlis ilmu yang sarat dengan pengisian rohani. Walaupun cara penganjuran berbeza, namun sambutan yang diberikan oleh rakyat jelata tetap tidak berubah bahkan bertambah meriah. Jika diikutkan pada zaman kini, terdapat pelbagai media hiburan tetapi acara sambutan tersebut tetap menjadi acara yang dinanti-nantikan oleh seluruh warga tanah air yang sinonim dengan julukan negeri Cik Siti Wan Kembang.

Solat berjemaah di stadium

Ternyata rakyat negeri "Serambi Mekah" ini sangat cintakan majlis ilmu dan pelbagai aktiviti yang berbentuk dakwah. Justeru penganjuran yang telah dirancang tetap serasi dan selari dengan proses pemodenan yang berlaku pada hari ini. Pengalaman penulis menghadiri salah satu sambutan Hari Keputeraan amat unik sekali kerana KDYMM Sultan Kelantan sendiri berkenan mengimami solat Isyak secara berjemaah di Stadium Sultan Muhammad IV.

Bayangkan seluruh rakyat jelata memenuhi stadium dapat berjemaah dan paling istimewa berpeluang berimamkan seorang raja yang amat tawaduk. Suasana ketika itu amat tenang, rakyat jelata khusuk dan terharu mendengar bacaan ayat al-Quran alunan gemersik suara penaung agama Islam bagi negeri Kelantan Darul Naim serta seluruh jajahan takluk baginda.

Bagi mereka yang tidak pernah mengikuti solat dalam perhimpunan raksasa sebegitu, mungkin pelik kerana solat diadakan di stadium kenapa tidak di masjid. Bagi rakyat Kelantan, stadium bukan sekadar tempat perlawanan bola sepak tetapi tempat berhimpun secara besar-besaran untuk mendengar ceramah, majlis ilmu dan solat berjemaah bagi memohon hajat untuk kemakmuran seluruh umat Islam khususnya yang tinggal di negeri Kelantan. Majlis ilmu sebegitu sangat dekat di hati rakyat kerana ia bukan sahaja diadakan di masjid-masjid tetapi turut diadakan di Medan Ilmu, Kota Bharu, pasar-pasar, kawasan rekreasi dan tepi pantai.



KDYMM Sultan Kelantan mengimami solat isyak berjemaah di Stadium Sultan Muhammad IV.

Lazimnya, KDYMM Sultan berkenan untuk berangkat bagi mencemar duli menghadiri majlis solat hajat, bacaan yasin dan doa selamat yang diadakan di masjid atau di mana-mana majlis yang dianjurkan oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bagi memberi ruang kepada baginda menghulurkan derma sambil beramah mesra dengan rakyat jelata.

Ceramah agama di istana

Salah satu aktiviti yang terkesan di hati penulis ialah seramai 700 orang anak-anak muda menghadiri program ceramah bersama Ustaz Azhar Idrus di dalam Istana Negeri, Kubang Kerian. Majoriti dalam kalangan mereka ialah pelajar-pelajar tahfiz, sekolah-sekolah pondok dan sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan. Inilah salah satu penganjuran program rohani bersempena sambutan perayaan ini yang bertujuan untuk "Membina Generasi Solat".

Ternyata program ini menarik minat para remaja bukan sahaja dapat bersama tokoh Ustaz Azhar Idrus malah

itu amat istimewa dalam hidup mereka. Hal ini mengingatkan penulis kepada zaman kegemilangan Melaka kerana salah satu faktor penyebaran Islam pada zaman Melaka ialah peranan pihak istana sebagai pusat penyebaran Islam semasa pemerintahan kesultanan Melaka.

Berjalan bersama

Gaya hidup sihat juga menjadi pengisian bagi sambutan ulang tahun Hari Keputeraan. Program Walk With Me atau Walkathon D'Raja Kelantan yang dianjurkan dapat memberi mesej kepada rakyat betapa pentingnya riadah demi menjaga kesihatan diri. Walaupun pada pandangan umum program ini hanya melibatkan aktiviti berjalan kaki sejauh enam kilometer, namun rakyat jelata berpeluang berjalan bersama dan beramah mesra dengan seorang sultan yang berjiwa rakyat.



Walk With Me yang diadakan pada tahun 2015.

Penulis sendiri merebut peluang membawa keluarga menyertai acara yang bukan sahaja sihat tetapi dapat membentuk hubungan keluarga yang harmoni dan menyeronokkan. Acara ini amat signifikan kerana disertai oleh semua golongan masyarakat dengan purata 20,000 penyertaan. Inilah acara yang sepatutnya disertai oleh rakyat jelata kerana kekuatan perpaduan rakyat Kelantan yang berbilang kaum dengan dominasi Melayu dapat berkolaboratif secara sihat sejahtera dengan kaum minoriti iaitu Cina, Siam dan India yang tinggal di negeri Kelantan.

Pengurniaan pingat

Satu-satunya yang menjadi kemestian setiap kali menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan ialah pengurniaan pingat dan darjah kebesaran. Majlis rasmi ini biasanya diadakan di Istana Balai Besar yang turut dihadiri oleh para tetamu dan dif-dif kehormat. Acara ini dianggap sebagai acara yang paling gilang-gemilang setiap tahun.

Upacara penuh adat istiadat yang amat formal ini eksklusif untuk individu undangan khas sahaja kerana semua orang yang hadir mestilah mengenakan busana tradisional Melayu berwarna hitam atau sut rasmi putih hitam (bagi penerima pingat yang bukan beragama Islam) yang khas, sesuai dengan etika adat istiadat berprestij yakni pengurniaan pingat dan darjah kebesaran yang diterima daripada KDYMM Sultan sendiri.

Dalam majlis tersebut, pelbagai pingat dan kurniaan diberikan kepada mereka yang meraih pencapaian cemerlang atau telah menyumbang bakti kepada masyarakat. Warganegara Malaysia kebiasaannya diiktiraf berdasarkan kepahlawanan dan kebaikan yang di lakukan. Upacara ini turut dihadiri oleh ahli-ahli keluarga diraja, pegawai-pegawai kerajaan dan wakil-wakil diplomatik.



Pengurniaan darjah kebesaran oleh Sultan Kelantan.

KDYMM Tuanku ghalibnya akan berkenan untuk bertitah kepada rakyat jelata sebagai tanda kesyukuran selama berada di tampuk pemerintahan dan harapan Tuanku terhadap pembangunan di negeri Kelantan. Antara inti pati titah ucapan baginda biasanya akan mengupas beberapa isu semasa politik, krisis global, dan cabaran yang dihadapi Malaysia. Walaupun topik yang diutarakan agak serius, KDYMM Tuanku biasanya bertitah dengan penuh mesra tetapi bersemangat serta memberi amanat yang amat bermakna kepada seluruh rakyat jelata.

Rumusan

Kesimpulannya, sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Kelantan sarat dengan pengisian rohani dan program dakwah melalui teladan (bil hal) selari dengan dasar kerajaan negeri Kelantan yang diterajui saf kepimpinan ulama teknokrat yang gigih memperkasakan agenda "Merakyat Membangun Bersama Islam" menuju ke arah aura lebih dinamik yakni Pengurusan Ihtirafi demi berkongsi Kebajikan, Keberkatan, Kemakmuran dengan seluruh rakyat.

Diharapkan kegembiraan terus wujud dalam konteks hubungan dan keakraban pihak istana dengan rakyat jelata. Semoga perayaan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Sultan Kelantan ini terus sarat dengan pengisian rohani dan sentiasa dekat di hati rakyat sekali gus menjadi kenangan terindah bagi sesiapa sahaja yang pernah menyertainya. ■

سکالوڠ تهنيئه

★ PENCAPAIAN U-KEKWA ★



Anugerah Penarafan Emas

KIK Hibrid Terbaik
Bidang Inovasi Sosial
(Kategori
Penambahbaikan)
sempena Konvensyen
Team Excellence (Mtex) 2020

- KIK Hibrid ini merupakan kerjasama antara U-KeKwa dan UiTM Machang



JOM DAPATKAN!

Jelira


Himpunan resipi terpilih
Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK)

RM23

sahaja seunit



Imbas QR Code untuk
membeli atau hubungi talian
013-984 5917



Jelira

Mengapa buku ini harus dimiliki oleh semua kategori?

Satu-satunya buku kuliner terbitan Kerajaan Negeri Kelantan yang dikumpulkan hasil koleksi resepi program Kursus Kuliner Desa Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di seluruh negeri Kelantan.

Buku ini sangat sesuai dijadikan rujukan untuk semua kategori sama ada pelajar, tonaga pengajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta juga suri rumah yang berada di desa dan bandar, la merangkumi bahan-bahan dan pernyediaan memasak bagi 12 bahagian resipi. Kandungannya sungguh menarik kerana setiap resipi dipaparkan dengan langkah yang mudah beserta gambar-gambar dan keterangan yang jelas.

Selain itu, buku ini sangat istimewa kerana terdapat doa-doa semasa di dapur, info & tip kuliner serta fiqh kuliner untuk panduan para pembaca. Anda pasti kagum dengan kelainan yang disediakan dalam buku ini.



Pusat Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK)
Projek Selainan
Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
Kemajuan Negeri Kelantan

بنتوان يعث دسالوركن

oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita
dalam tempoh Mac - Ogos 2020 bagi menghadapi Covid-19



SUMBANGAN ARMALAH

RM4.5 JUTA
(45 DUN)



BANTUAN ANAK YATIM

RM900,000
(45 DUN)

Anak yatim di Pusat Jagaan
RM17,950



PROJEK JAHIT PPE

9 PPWK
45 Tukang Jahit
12,106 Helai
(Gau, Tudung, Shoe Cover,
Boot Cover, Jumpsuit)



BANTUAN PENGASUH

18 Pengasuh di rumah
Skim Halimatul Saadiah
RM9,000



BANTUAN OKU
RM105,500

NGO OKU
RM7,000



BANTUAN IPT
3 IPT di Kelantan
RM4,500



BANTUAN KHAS MUDARRIBAH & PELATIH PPWK

Jumlah sumbangan
RM66,390



SUMBANGAN PETUGAS BARISAN HADAPAN

Pek makanan kepada
26 buah hospital,
klinik kesihatan & pusat surveyan

Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan

ukekwa@kelantan.gov.my

[ukekwa](#)

[u_kekwa](#)

[ukekwa](#)


[wanitakelantan.com](#)

EKONOMI KELANTAN 2020

CORAK JARINGAN DAN INDUSTRI HILIRAN

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin

ASAS EKONOMI KELANTAN (antara tahun 1950-an - 1970-an)



Syed Husin Ali. (1978)
Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan
Kuala Lumpur: Karangkraf Sdn. Bhd.

Statistik mencatatkan asas ekonomi Kelantan antara tahun 1950-an hingga 1970-an dijana menerusi lima sektor utama iaitu pertanian (termasuk perhutanan dan perikanan, 78%), perkilangan (7.8%), perniagaan (6.0%), pengangkutan (3.1%) dan perkhidmatan (3.1%) – (Syed Husin Ali. (1978), Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan, Kuala Lumpur: Karangkraf Sdn. Bhd.).

Seiring dengan dasar awal pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahu terus mengekalkan Kelantan sebagai negeri pertanian dan bergelar jelapang makanan, maka sektor pertanian giat diperkasakan.

Melalui dasar pertanian negeri, penekanan diberi terhadap pertumbuhan ekonomi, pembangunan tanah terbaik dan pertanian komersial bagi memaksimumkan pendapatan sekali gus menjadikan Kelantan jelapang makanan negara.


Pelbagai strategi telah disusun untuk menjayakan teknik kecekapan dan peningkatan daya pengeluaran melalui pemilihan tanaman. Paling menguntungkan, penggunaan teknologi moden dapat mempergiat dan mengembangkan sektor pertanian berskala besar dengan pembabitan sektor swasta di dalam bidang ini.

Penanaman padi organik mampu memberi impak terhadap pertumbuhan ekonomi Kelantan.



KDNK BAGI NEGERI KELANTAN, 2015-2019 PADA HARGA MALAR 2015

(Sumber: Jabatan Statistik Malaysia)



Strategi

Setelah hampir dua dekad berlalu, pengeluaran hasil pertanian seperti beras, buah-buahan dan ternakan meningkat melalui Pelan Strategik Pertanian Negeri Kelantan dan impian Kelantan berstatus negeri jelapang makanan ternyata bukan mustahil.

Sewaktu membentangkan Belanjawan Kelantan 2020, dalam persidangan kali yang ke-3 bagi tempoh penggal yang ke-2 Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) ke-14, Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob telah mengumumkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Kelantan untuk tahun 2018 adalah pada kadar 2.6% dan dijangka terus berkembang secara positif untuk tahun-tahun mendatang.

Sumbangan sektor ekonomi kepada KDNK negeri bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM24.10 bilion iaitu meningkat sebanyak 2.6% berbanding tahun 2017. Sektor perkhidmatan mendahului dengan kadar RM16.71 bilion (69.4%), diikuti sektor pertanian RM5.41 bilion (22.5%), sektor pembuatan RM1.28 bilion (5.3%), sektor perlombongan dan pengkuarian RM0.34 bilion (1.4%), sektor pembinaan RM0.32 bilion (1.3%) dan duti import RM0.02 bilion (0.1%).

Sektor perkhidmatan, khasnya perniagaan sinonim dengan rakyat Kelantan. Malah sejak dahulu lagi, bidang perniagaan menjadi mata pencarian utama bagi sebilangan besar wanita Kelantan sehingga mencetuskan gelaran pasar terkenal di Kelantan berinspirasikan nama ahli korporat wanita mulia iaitu Saidatina Khadijah binti Khuwailid.

Transformasi

Seiring perkembangan teknologi, bidang perniagaan turut mengalami proses transformasi. Konsep perniagaan dalam talian dan *dropshipping* semakin popular dalam kalangan belia Kelantan. Hakikatnya, Kelantan berkembang pesat semenjak tahun 2000 meskipun dimomokkan antara negeri termiskin.

Pembinaan pasar raya, kondominium, pangaspuri moden turut mengubah cara hidup masyarakat setempat.

Kemunculan kafe hipster, restoran makanan Arab dan Korea, kopitiam moden (sekadar menyebut beberapa contoh), ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini menggambarkan bahawa Kelantan juga berdaya saing dengan negeri-negeri lain di Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang lebih kehadapan daripada sudut ekonomi.

Hab pemborong

Berikutkan kelebihan rakyat Kelantan dalam bidang perniagaan, kerajaan Pusat berminat mewujudkan hab pemborong bertujuan memberi peluang kepada 4,000 usahawan untuk mempamerkan produk seperti pakaian, makanan proses, aksesori wanita, beg, kasut dan gajet.



Sumber: BH Online

Menurut Mantan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, pemilihan Kelantan sebagai perintis dibuat kerana sikap usahawan di Kelantan yang berdikari dan mempunyai kelebihan berbanding negeri-negeri lain. (BH Online, 25 Jun 2019)

Kedatangan tahun 2020 menyaksikan ruang-ruang pekerjaan baharu yang boleh diteroka oleh anak watan.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), terdapat beberapa sektor yang menawarkan peluang pekerjaan antaranya sektor perladangan. Dijangkakan lebih 1,000 pekerja diperlukan di sektor perladangan kelapa sawit dan getah. Manakala industri hiliran bagi sawit dan getah juga turut membuka peluang pekerjaan bagi mereka yang berminalat.

Industri hiliran

Berdasarkan kajian Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), antara industri hiliran sawit berpotensi ialah pembuatan minyak masak, sabun dan mentega, memproses tandan kelapa sawit untuk dijadikan perumah bagi tanaman cendawan.

Termasuk juga, industri membuat papan lapis daripada batang sawit dan penghasilan teh yang berkhasiat daripada serat batang sawit yang matang.

Manakala, industri hiliran getah pula menyediakan peluang pekerjaan dalam pembuatan kayu arang daripada batang getah ketika penanaman semula, pembuatan perabot, papan blok dan papan kecil, pembuatan palet dan kraf tangan. Malah dengan teknologi terkini, getah juga berpotensi untuk dibuat jalan raya.

Ironinya, bumi Kelantan yang difitnah sebagai miskin, hakikatnya berisi galian mineral seperti emas, manganese, feldspar dan marmor. Melalui penubuhan Kelstone Sdn. Bhd. yang bertujuan membangunkan industri berdasarkan sumber mineral dan pengkuarian di negeri Kelantan, sektor perlombongan turut diperkemas melalui pemberian lesen perlombongan dan penerokaan. Industri hiliran yang ditawarkan ialah pembuatan barang kemas emas dan perak, pembuatan rim dan alatan sukan (manganese), pembuatan gelas kaca (feldspar) dan blok marmor untuk hiasan.

Ekopelancongan



Lojing kini sedang giat dibangun sebagai salah satu destinasi ekopelancongan.

Bersempena tahun melawat Kelantan 2020, sektor pelancongan turut diperkasakan. Kerajaan negeri melalui agensi berkaitan telah mempromosikan produk pelancongan dari seluruh jajahan dan majlis daerah mengenai tempat menarik, penginapan, kawasan yang

perlu dilawati, kawasan perniagaan, pondok pengajian dan permainan tradisional.

Selain itu, kerajaan negeri juga turut berusaha merealisasikan Lojing sebagai destinasi ekopelancongan melalui penjenamaan semula Lojing kepada Lojing Highlands, menambah baik infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan rehat dan rawat di Lojing Highlands. Pemerkasaan sektor pelancongan ini diyakini dapat memberi manfaat kepada masyarakat setempat untuk saling bersaing secara sihat demi meningkatkan ekonomi isi rumah.

Pembangunan bandar-bandar baharu seperti Tunjong, Pasir Pekan, Pasir Tumboh, Bukit Kwong di Pasir Mas dan Kota Nilam Perdana di Ketereh bakal merancakkan lagi kegiatan ekonomi Kelantan.

Di samping itu, kerajaan negeri telah mengenal pasti cadangan untuk pembinaan taman-taman awam baharu bagi menyediakan keperluan rekreasi rakyat seperti Taman Rekreasi Bukit Kepang Machang, Taman Wetland Tok Bali, Taman Awam Islamic City Mukim Tiong Tunjong dan Taman Awam Bandar Baharu Pasir Mas. Pembinaan taman-taman awam ini juga bakal menarik pelancong untuk berkunjung ke negeri Kelantan dan seterusnya dapat menjana ekonomi rakyat.

e-Dagang

Dalam era kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, kerajaan negeri tidak ketinggalan menubuhkan Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB), sebuah agensi milik penuh kerajaan negeri menerusi PKINK. Ia berfungsi sebagai sebuah agensi sehenti kepada pembangunan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan Pelan Hala Tuju ICT Negeri Kelantan.

Antara agenda utama penubuhan syarikat ini adalah:

- Perancangan dan pemantauan pembangunan industri ICT negeri Kelantan.
- Pemantauan pelaksanaan projek-projek ICT kerajaan negeri.
- Menyediakan khidmat nasihat berkaitan pembangunan ICT negeri kepada kerajaan negeri Kelantan (polisi, perancangan, projek).
- Memanjangkan isu-isu berkaitan ICT kepada kerajaan negeri atau agensi kerajaan Pusat yang berkaitan.
- Menyediakan khidmat perundingan kepada agensi kerajaan dan pihak swasta.
- Menyediakan perkhidmatan perbekalan perkakasan dan perisian kepada agensi kerajaan dan swasta.



- Mempromosi serta menarik pelaburan berkaitan ICT ke Kelantan.

- Mempromosi produk serta perkhidmatan berkaitan ICT dari Kelantan.

Melalui agensi ini, terdapat pelbagai kursus ekonomi digital dan e-dagang disediakan, antaranya kursus membaiki telefon bimbit dan gajet.

Strategi utama

Sememangnya tidak dapat dinafikan, era globalisasi menuntut wanita memainkan peranan penting sebagai penjana ekonomi. Malah dalam konteks negeri Kelantan, peranan wanita dalam sektor ekonomi begitu signifikan.

Menyedari hal ini, kerajaan negeri melalui Dasar Wanita Kelantan, telah melaksanakan beberapa strategi utama untuk membantu memperkasa golongan wanita. Antaranya ialah pembentukan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWa), Majlis Perundingan Wanita Kelantan (MPWK), pelaksanaan program Induksi Dasar Wanita Kelantan seperti Kempen Kepekaan Gender dan memperuntukkan belanjawan untuk melaksanakan program pembangunan wanita Kelantan secara intensif.

Salah satu peranan utama UKeKWa ialah melatih golongan wanita dalam bidang kerjaya, kemahiran dan perekonomian menerusi penubuhan 45 buah Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di peringkat 45 DUN bermula tahun 2005.

Yuran serendah RM5 atau RM10 sebulan amat berbaloi dan mendapat sambutan baik daripada golongan wanita setempat memandangkan mereka dilatih dengan kemahiran jahitan, asas berdikari, keusahawanan dan perniagaan sehingga berjaya menghasilkan produk-produk kegunaan wanita yang khusus bagi setiap PPWK

seperti baju kurung tradisional, baju kurung moden, pakaian kanak-kanak, blaus, skirt dan seluar slack. (Samhani Ismail, 2016).

Sehingga tahun 2014, seramai 1,765 orang peserta PPWK dianugerahkan sijil setelah berjaya menyempurnakan enam modul jahitan sebagaimana ketetapan pihak UPWK (Asmak Husin, 2016). Di samping pembelajaran bermodul tersebut, PPWK juga telah berjaya menganjurkan beberapa program untuk memupuk sifat berdikari antaranya; projek Jom Buat Duit Dari Rumah, Bengkel Pengendalian dan Penyelenggaraan Mesin Jahit dan Kem Bina Usahawan PPWK yang membuktikan keprihatinan kerajaan negeri Kelantan menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan masyarakat mengikut bidang berseuaian dengan membekalkan ilmu dan kemahiran menurut keperluan semasa. (Nurul Akma bt Mohamed @ Sheikh Mohd Amin, 2016).

Kesimpulannya, tahun 2020 membuka lembaran baharu buat rakyat Kelantan mencorak jaringan dan pola ekonomi ke arah negeri Kelantan yang maju dan canggih yang mampu memperbaiki taraf hidup dengan kental kerana rezeki tidak pernah salah alamat kepada yang cekal dan bertawakal. ■

Rujukan:

1. Persidangan kali ke-3, penggal ke-2, Dewan Undangan Negeri Kelantan kali ke-14.
2. Belanjawan Kelantan 2020.
3. BH Online: 25 Jun 2019.
4. Jurnal Perspektif Jil. 6 Bil. 3 (98-110) ISSN 1985 - 496X Kegiatan Ekonomi di Kelantan, 1950-an hingga 1970-an - Haryati Hasan Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
5. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016 Program Wanita Negeri Kelantan Di Bawah Dasar Membangun Bersama Islam: Pencapaian Dan Cabaran - Nurul Akma bt Mohamed @ Sheikh Mohd Amin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan.
6. Dasar pertanian Kelantan.
7. Dasar Wanita Kelantan.
8. www.wanitakelantan.com
9. www.kigsb.com.my



MABNA MBI

MERCU TANDA KELANTAN BERBUDAYA DAN CANGGIH

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin

Foto: Ahmad Na'ime Muhammad



Tuan Haji Mohd Razali Rajab menunjukkan beberapa keistimewaan seni bina Mabna di atas pelan lantai.

Mabna bermaksud nama bagi tempat yang dibina dalam bahasa Arab. Tanggal 14 Jamadil Awal 1440 bersamaan 20 Januari 2019, mencatat sejarah apabila Mabna-MBI (Membangun Bersama Islam), bangunan baharu setinggi 12 tingkat yang menjadi mercu tanda kompleks pentadbiran kerajaan negeri Kelantan di Kota Darulnaim telah beroperasi secara rasmi.

Nama Mabna-MBI telah dicetuskan oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob bersesuaian dengan dasar kerajaan negeri yang meletakkan Islam sebagai teras pentadbirannya.

Menyingkap kembali pembinaan bangunan yang menelan belanja sebanyak RM42.5 juta ini, idea asal pembinaannya telah dicetuskan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun 2012, dan akhirnya tersugam indah setelah mengambil masa hampir tujuh tahun untuk disiapkan.

Krew majalah Qiadah telah berpeluang menemui bual Haji Mohd Razali Rajab, arkitek di Jabatan Kerja Raya Kelantan yang bertanggungjawab mereka pelan Mabna untuk berkongsi kisah dan falsafah di sebalik pembinaan bangunan tersebut.



Kompleks Kota Darulnaim.

Cetusan idea

"Idea menghasilkan pelan bangunan Mabna ini tercetus sewaktu saya melawat Masjid Demak di Indonesia. Binaan masjid tersebut saling tak tumpah seperti masjid Kampung Laut di Nilam Puri, Kelantan. Saya jadikannya sebagai asas dan kemudian saya sesuaikan dengan kehebatan seni bina tradisional Kelantan," ujar beliau membuka bicara.

Meminati seni bina islamik, anak kelahiran Kampung Meranti, Pasir Mas ini memberitahu, sebelum diberikan tanggungjawab menyediakan pelan bangunan Mabna, beliau pernah diamanahkan membuat pengubahauan bilik Menteri Besar di blok lama pentadbiran Kota Darulnaim.

"Pada tahun 2004, Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew melawat Kelantan. Saya telah diamanahkan oleh Allahyarham Tok Guru Nik Aziz, selaku Menteri Besar Kelantan waktu itu untuk membuat pengubahsuaian sebelum kedatangan pemimpin tersebut. Kelantan memang terkenal dengan ukiran kayu yang cantik, tetapi memandangkan kesuntukan masa, saya telah menggantikan ukiran kayu dengan *glass fibre reinforced concrete* (GRC) bermotifkan corak islamik", hurai arkitek yang gemar menadah kitab silam.

Menurut beliau, pada awalnya anggaran kos pengubahsuaian menelan belanja hampir RM100 ribu. Bagaimanapun setelah bertemu Tok Guru, beliau diminta untuk membuat pengubahsuaian dalam lingkungan RM50 ribu sahaja. Beliau telah berjaya mengurangkan kos pengubahsuaian sehingga RM75 ribu iaitu RM50 ribu dibayar oleh kerajaan negeri manakala bakinya ditanggung oleh pembekal GRC.

"Bagi melunaskan amanah, saya telah membentangkan idea kepada Tok Guru. Memang sejak dahulu saya mengkhusus dalam seni bina Islam. Contoh kisah yang berlaku pada zaman pemerintahan Sayidina Umar jadi teladan. Suatu ketika beliau telah mengunjungi Muawiyah bin Abi Sufian yang menjadi gabenor di Syam. Ketika beliau sampai di sana, dilihatnya Muawiyah memakai pakaian yang menampakkan kebesaran serta diiringi oleh pengiring laksana seorang raja, lalu beliau menegur perlakuan Muawiyah. Bagaimanapun Muawiyah memberi penjelasan bahawa keadaan mereka di situ dikelilingi raja-raja besar yang suka memperlekeh dan menginjak umat Islam. Jika

mereka tidak menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Islam, maka mereka akan terus diinjak oleh raja-raja tersebut", tegas Mohd Razali.

Syiar Islam

Begitu juga dalam konteks negara yang berbilang kaum dan agama, syiar Islam perlu ditunjukkan kerana kebanyakan orang bukan Islam tidak membaca al-Quran dan mempelajari hadis. Maka keindahan Islam itu perlu dipamerkan menerusi seni bina atau penampilan lain yang boleh dilihat oleh mereka.

Berbalik kepada pembinaan Mabna, idea asal pelan blok lapan ini dicetuskan oleh beliau sendiri selaku ketua arkitek negeri dan ketua jabatan ketika itu serta dibantu oleh dua arkitek lain iaitu Nik Muhammad Syahman Nik Ibrahim dan Mustafa Kamal Zahari @ Annuar. Perkara utama yang dititikberatkan beliau dalam pembinaan bangunan ialah ia mesti menjadi syiar, harmonis dan wujud (exist).

"Elemen seni bina Islam sebenarnya mudah dan ia menampilkan ciri-ciri harmoni, konteks, tidak membazir, hormat alam sekitar dan mampu berfungsi sebagai syiar. Hormat alam bermaksud kita membina bangunan dengan menggunakan bahan tempatan, mendapatkan cahaya maksimum dan bahagian basah bangunan seperti tandas dibina di arah barat atau matahari jatuh manakala pintu masuk di sebelah timur. Seni bina yang menghormati konteks, tidak akan sama sekali bersalah dengan keadaan sekeliling sama ada dari segi fizikal, bahan, budaya, spiritual dan sebagainya" hurai arkitek yang mengagumi karangan Dr. Yusuf al-Qardawi itu.

Justeru tidak hairanlah dalam merangka pelan, beliau melakukannya pada tahap maksimum. Bahkan, setiap reka bentuk mesti mengambil kira prinsip asas *maqasid syariah* iaitu agama, harta, maruah, keturunan dan keselamatan. Ringkasnya beliau sangat menitikberatkan aspek rekayasa dalam reka bentuk yang dihasilkan.

Elemen sedia ada

Mengulas mengenai elemen konteks dalam mereka bentuk bangunan, beliau gemar mengaitkannya dengan apa yang telah *exist* atau sedia ada di bandar raya Kota Bharu. "Saya lihat waktu itu, *landmark* bagi bandar raya Kota Bharu ialah jam di Bulatan Jam Besar atau dahulunya dikenali sebagai Bulatan Kijang. Oleh itu saya menjadikan struktur tersebut sebagai kesinambungan. Sebab itu, apabila melangkah masuk ke kawasan Mabna kita dapat lihat menara jam terlebih dahulu. Inilah refleksi inti sari surah al-Asr (demi masa)", hurai penggemar buku The Great Court of British Museum tulisan Norman Foster.



Tambahnya, elemen konteks dan *exist* sangat penting dalam pembinaan sesebuah bangunan kerana ia akan membantu memberikan keseimbangan dan kespaduan kepada reka bentuk secara keseluruhannya.

"Apabila kita ingin membuat sesebuah bangunan, ambillah elemen-elemen bangunan yang sedia ada sebagai garis panduan, tapi kita ubah suai dalam skim yang lebih tinggi. Elemen konteks ini akan memastikan bangunan baru kelihatan seimbang dan sepadu dengan bangunan yang sedia ada. Sekali gus membuktikan kita menghormati sejarah setempat dengan memasukkan elemen yang amat ketara di dalam kota tersebut. Tanpa kesimbangan dan kespaduan, reka bentuk akan gagal", jelas Mohd Razali terperinci.

Menurutnya, beliau juga gemar menampilkan unsur latar (backdrop) dalam reka bentuk yang dihasilkannya. Objek seperti jam, bangunan rumah Kelantan yang menampilkan elemen kemelayuan menjadi titik fokus dari arah mana bangunan ini dilihat.

Binaan kontemporari

Berkonsepkan *traditional modern approach*, binaan Mabna menggunakan bahan-bahan binaan kontemporari supaya tahan karat dan nampak moden. Namun demikian, ia tetap mengekalkan ciri-ciri seni bina tradisional Melayu Kelantan. Asas seni bina Melayu Kelantan biasanya boleh dilihat menerusi bumbung berbentuk piramid dan ukiran ekor itik.



"Asas seni bina Melayu Kelantan ada dua; untuk bangunan biasanya piramid kecil sebagai asas, manakala rumah kediaman, asasnya dipanggil binaan rumah 12 tiang," tambahnya lagi. Sememangnya tidak dinafikan, seni bina Kelantan menggabungkan aspek keselamatan, kesenian dan juga agama. Sebagai contoh, binaan pintu dapur yang rendah, mempunyai sebab mengapa ia dibina sedemikian rupa.

"Jika rumah dimasuki pencuri dan si pencuri hendak lari keluar dengan cepat, ada kemungkinan akan terhantuk dan jatuh. Jadi pintu rendah itu berfungsi sebagai aspek keselamatan. Begitu juga kain kuning diletakkan di atas tiang yang kononnya dikaitkan dengan tujuan mistik atau jin. Sifat kayu akan mengembang dan menguncup mengikut cuaca. Waktu musim tengkujuh kayu akan mengembang dan mengeluarkan bunyi apabila berlaga di antara kayu dan tiang. Dengan meletakkan kain, bunyi tidak akan terhasil. Tidak semestinya kain berwarna kuning, cuma ada pihak yang percaya dengan perkara mistik lalu menggunakan kain tersebut," sambung beliau lagi.

Berciri tradisi

Bercerita mengenai Mabna secara rinci, pembinaannya seboleh mungkin mengekalkan elemen-elemen tradisional seni bina Melayu Kelantan seperti pemeleh, tebar layar, ekor itik, ande-ande atau andam-andam, pintu gerbang, tunjuk langit, gunungan, kekisi dan tiang gantung



Mabna dan lain-lain bangunan pentadbiran diterapkan dengan seni bina Kelantan.



Manakala dinding janda ria atau janda hias pula digantikan dengan kaca supaya sesuai dengan reka bentuk bangunan selain berfungsi sebagai penampang sewaktu musim tengkujuh.

Tunjuk langit Mabna diperbuat daripada tembaga setebal 2mm dengan ketinggian lima kaki. Ia juga berfungsi sebagai penebat jika berlaku kilat. Binaan tunjuk langit ini bukan sekadar untuk menambahkan elemen tradisional tetapi ia mempunyai falsafahnya tersendiri. Ia sebagai simbolik Tuhan yang satu dan menyatakan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana rumah/bangunan telah dapat disiapkan.

Kepelbagaiannya ruang

Sebagai pusat pentadbiran negeri, Mabna menepati ciri-ciri asas pembinaan bangunan iaitu mempunyai ruang awam, ruang separa sulit dan ruang sulit. Dalam masa yang sama ia tetap mempunyai daya tarikan, apakah lagi menampilkan keunikan seni tradisi. Gabungan aspek modenisasi pula disesuaikan mengikut keperluan setempat. Sebagai contoh, penggunaan kayu di tempat terbuka, diganti dengan bahan lebih sesuai bagi mengelakkan ia mudah reput dan jangka hayat lebih panjang.

Dengan ketinggian 12 aras, menurut Mohd Razali, pembinaan bilik mesyuarat di tingkat paling atas (rooftop) agak mencabar. Ini kerana reka bentuk asal hanya mempunyai satu tangga, sedangkan pihak bomba menetapkan pembinaan dua tangga. Oleh itu, pengubahsuaian pelan perlu dilakukan dengan membina satu lagi tangga seperti lorong tikus.”

Berkongsi kisah di awal mereka pelan bangunan, beliau kagum dengan keupayaan Allahyarham Tok Guru selaku pemimpin yang mempunyai pengetahuan dalam bidang agama tetapi pada masa yang sama mampu mengaplikasikan pengetahuan tersebut ke bidang seni bina.



“Sewaktu saya membuat pembentangan mengenai pelan Mabna ini kepada beliau, Allahyarham Tok Guru bertanya apa yang ada di bahagian bawah tangga berhadapan dengan dewan dan berapa ketinggian ruang tersebut. Apabila di beritahu ketinggian ruang dan cadangan untuk dibina stor di situ, terus beliau meminta saya menukar ruang tersebut menjadi surau bagi memudahkan orang ramai menggunakan jika ada acara yang dijalankan di dalam dewan. Pemahaman sebegini memudahkan kita menerapkan konsep seni bina Islam di dalam pembinaan”, lirih suara artikek berjiwa besar itu terharu mengimbau nostalgia lampau.

Mercu tanda

Sebagaimana dalam industri hiburan yang ada unsur pop dan malar segar, bidang seni bina juga turut mempunyai ciri yang sama. “Bangunan berciri moden, identiti seni binanya tidak mampu untuk bertahan lama berbanding seni bina tradisional yang lebih bersifat malar segar, malah semakin lama semakin unik dan semakin tinggi nilai estetikanya. Sebab itu, kita kena berhati-hati dalam memilih dan membuat reka bentuk bangunan kerana ia akan memberikan kesan jangka panjang, sama ada daripada aspek keselamatan ataupun nilai seninya,” ujarnya menutup bicara.



Perubahan gaya hidup selari dengan proses modenisasi dialami majoriti penduduk dunia melalui proses evolusi. Lazimnya, masyarakat mengekalkan nilai-nilai tradisi sedia ada atau mereka menyerap sepenuhnya pengaruh luar yang datang secara penjajahan, perdagangan, migrasi penduduk, perkahwinan campur atau media massa.

Sama ada kita sedar atau tidak, perubahan gaya hidup masyarakat di negara kita juga turut menerima impak yang sama. Melalui perhatian penulis, walaupun proses modenisasi telah berlaku dalam kalangan penduduk di negeri Kelantan, namun mereka tetap mengekalkan nilai-nilai tradisi "oghe Kelate" yang dominan dan tersendiri.

Inilah cetusan idea yang ingin disampaikan oleh penulis untuk dijadikan santapan yang menunjuk-kan walaupun apa jua perubahan gaya hidup yang berlaku, rakyat Kelantan mempunyai gaya yang tersendiri dengan mengekalkan nilai-nilai istimewa sebagai anak jati negeri Kelantan.

GAYA HIDUP BAHARU ORANG KELANTAN TAHUN 2020 MODEN TETAP BERBUDAYA

Oleh: Dr. Wan Adi Yusoff

Menukar gaya hidup

Akhir-akhir ini didapati kecenderungan anak muda Kelantan cuba menukar gaya hidup keluarga yang lama kepada gaya hidup elitis. Golongan muda khususnya di kawasan bandar mula membuat perubahan dengan keterujaan membeli kediaman kondominium atau pangaspuri yang berbelas-belas tingkat tingginya. Kalau 10 tahun dahulu, membeli kediaman kondominium di Kelantan bukanlah menjadi satu pilihan malah dianggap "merugikan" kerana bangunan kondominium diumpamakan sebagai "sarang burung merpati".

Tambahan pula, harga tanah lot masih mampu dibeli oleh penduduk bandar. Kini kos semakin meningkat, harga tanah lot di bandar sangat tinggi sehingga golongan muda yang tegar mahu tinggal di bandar terpaksa beralih kepada kediaman alternatif iaitu pangaspuri atau kondominium yang berpengawal dan dijaga rapi serta dilindungi hak strata.



Kediaman di awang-awangan

Secara perbandingan, jika mengikut selera orang tua, memilih kediaman pangsapuri amat tidak sesuai dan seperti hidup di awang-awangan kerana tiada halaman untuk berkebun, bercucuk tanam dan menternak ayam-itik. Orang tua selalu sebut, kalau menziarah anak cucu di Kuala Lumpur mereka sangat rimas kerana tidak dapat "pijak tanah".

Namun sekiranya soalan sama ditanya kepada pemilik pangsapuri atau kondominium, mereka akan memberi alasan tinggal di kondominium sebenarnya lebih selamat kerana adanya pengawal keselamatan, mudah bagi komuniti mahu beriadah kerana dilengkapi kolam renang, trek jogging dan gimnasium.



Unit kediaman pangsapuri, Troika.

Lagipun, hujah mereka pemandangan dari tempat tinggi lebih cantik, rasa lebih peribadi dan eksklusif, kawasan sekitar kondominium ada perkhidmatan penyelenggaraan, kebersihan terjaga dan yang lebih penting dekat jaraknya untuk berulang-alik dengan tempat kerja. Justeru, pihak pemaju akan berusaha menyediakan suasana kediaman yang moden dan selesa demi memenuhi cita rasa golongan muda.

Walaupun beberapa kelemahan seperti petak parkir kereta yang terhad, sukarnya pelawat keluar masuk dan terpaksa membayar yuran penyelenggaraan, namun hal ini tidak menjadi halangan kerana kos yang sama telah pun diketahui umum bagi semua pangsapuri atau kondominium di mana-mana bandar raya di negara kita.

Restoran hipster

Faktor kedua hasil daripada proses modenisasi kepada masyarakat ialah kemunculan restoran *hipster*, restoran



Restoran hipster: Tiny Elephant

Korea dan barat di pasar raya seperti di KB Mall, Tesco, Mydin Mall dan Aeon Mall di Kota Bharu. Implikasi proses urbanisasi khususnya yang diterima melalui Internet dan media elektronik menjadikan golongan muda mula terdedah kepada pengaruh luar.

Kemunculan kafeteria yang penuh dengan gaya moden menunjukkan masyarakat negeri ini juga turut mengalami perubahan. Kewujudan rangkaian kopitiam seperti Hayaki, D'Klasik White Coffee, Tiny Elephant, Kopi Mesin KB, Restoran Wau dan pelbagai lagi jenama restoran muncul dengan hiasan dalaman yang amat luar biasa sesuai dengan gaya hidup bandar dalam masyarakat khususnya di bandar-bandar utama di Kelantan.

Imej santai dan tawaduk

Menariknya, para pengunjung tetap mengekalkan gaya tradisi "oghe Kelate" yang sangat istimewa. Pemuda-pemuda di Kelantan masih sopan dan selesa mengenakan kopiah di kepala, berbaju Melayu malah ada yang berjubah atau kurta walaupun mereka makan di restoran "secanggih" itu.



Lepak selepas menunaikan solat Jumaat.

Bertambah unik apabila orang tua-tua pun sudah terbiasa dengan aktiviti makan di restoran dan bukan lagi ke kedai kopi. Akan tetapi mereka tetap berkain pelekat dan berkopiah. Hal ini menjadikan fenomena di kedai *hipster* meriah dengan keluarbiasaan sifat tipikal orang Kelantan ini.

Suasana sebegini tentu sekali tidak terdapat di negeri-negeri lain. Walaupun pada pandangan mata, gaya penampilan mereka nampak bersahaja tetapi sebenarnya mereka ini terdiri daripada golongan yang berkelebihan, berpendidikan tinggi serta mempunyai pekerjaan tetap bahkan profesional yang berpendapatan lumayan!

Contohnya, pada 27 September 2019, sebuah syarikat telekomunikasi gergasi dunia secara rasminya menawarkan model terbaru telefon pintar model terkini di Malaysia. Seorang lelaki separuh umur berimej sangat biasa dan tawaduk (bukan bergaya ala korporat segak berkemeja dan bertali leher atau berpenampilan gaya komuniti kenamaan yang berprestij) telah berjaya menjadi pembeli terawal gajet tersebut yang berharga RM6,499 di Kota Bharu Trade Centre.

Maka tular di media sosial mengenai kecaman netizen terhadap seorang lelaki yang kelihatan agak berusia,

berpakaian kasual dan berkopiah, disindir warga maya supaya menunaikan umrah daripada berhabisan wang membeli telefon pintar. Realitinya, individu yang digelar pakcik oleh netizen tersebut bukan calang-calang orang apabila terdapat pengguna Twitter mendedahkan identiti sebenar pembeli alat telekomunikasi pintar terkini itu ialah doktor pakar ginekologi di hospital swasta terkemuka di Kota Bharu.

Manakala golongan pemudi atau beliawanis masih anggun berbusana tradisional seperti baju kurung, kebaya dan bertudung. Ini berbeza dengan negeri di luar Kelantan, kaum wanita agak malu untuk berbaju kurung ketika keluar ke kompleks beli-belah ataupun untuk keluar makan di restoran sebegitu. Mereka lebih selesa memakai seluar berkain denim dan berkemeja-T atau blaus. Nah, inilah bukti betapa ajaran Islam serta adab budaya Melayu orang Kelantan tetap tebal dan utuh tersemat di dalam jiwa walaupun proses modenisasi berlaku dalam kehidupan mereka.

Permainan video siber

Pengaruh media elektronik dan Internet menyebabkan corak permainan dalam kalangan remaja juga turut berubah. Dahulunya, permainan tradisional seperti cah (galah panjang), sepak raga, tikam seladang, bola awal, congkok, lompat tali, wau, gasing, kertuk dan rebana menjadi pilihan.

Kini remaja Kelantan beralih kepada permainan berbentuk permainan video, futsal, *roller blade*, biliard, boling, snuker, e-sport. Permainan sebegini agak membimbangkan ibu bapa kerana anak-anak remaja atau belia mudah terdedah kepada unsur perjudian, budaya lepak dan pengambilan dadah.



Justeru itu, semua pihak khususnya ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak remaja mereka, agar akhlak dan iman yang disemai dapat mengawal diri remaja daripada menerima pengaruh negatif. Namun di negeri Kelantan, didikan agama yang disemai sejak awal usia kanak-kanak menyebabkan ramai belia tetap ke masjid untuk solat berjemaah dan mendengar kuliah agama.

Lebih membanggakan, kerajaan negeri Kelantan yang ditadbir urus oleh saf kepimpinan ulama teknokrat bertindak bijak mengambil langkah proaktif menge luarkan polisi mengehadkan waktu operasi pusat permainan dan premis menjual makanan sehingga pulak 12.00 malam sahaja demi menyeimbangkan gaya

hidup anak negeri yang tersohor dengan julukan Serambi Mekah ini, bak kata pepatah “dunia dikelek, akhirat dijunjung”.

Perniagaan dalam talian

Zaman Facebook dan Internet ini menjadikan kerjaya golongan muda turut beralih gaya dan corak. Mereka mula mencebur iklan bidang perniagaan dalam talian, Facebook langsung (live), serta suka kepada kerjaya yang berbentuk korporat, glamor dan popular. Pelbagai jenis iklan perniagaan yang menarik serta segala bentuk kemahiran pemasaran dilakukan oleh golongan ini melalui Whatsapp, Facebook dan Instagram untuk memasarkan produk mereka.

Antara yang popular termasuklah pakaian, produk kosmetik, tudung, barang terpakai (bundle), beg, jam tangan dan pelbagai jenis makanan termasuk jeruk. Inilah zaman yang amat mencabar bagi peniaga kerana peluang pasaran berada di langit terbuka.



Meskipun sesibuk mana mereka bekerja, golongan muda ini masih mengekalkan tradisi menuntut ilmu seperti menghadiri majlis ilmu dan mendengar kuliah di masjid. Mereka tetap mengekalkan budaya balik kampung untuk menziarahi kedua ibu bapa pada hujung minggu atau cuti umum.

Kesimpulan

Selari dengan kemajuan negara pada tahun 2020, penduduk di negeri Kelantan turut terkesan dan siap sedia berhadapan dengan cabarannya. Oleh itu, golongan muda perlu memperkemaskan diri dengan ilmu pengetahuan dan mempunyai jati diri agar wujud sinkronisasi antara nilai tradisi dengan budaya kontemporari.

Islam tidak menolak kemajuan dan teknologi, begitu juga dengan gaya hidup moden. Namun biarlah kita mempunyai jati diri Melayu-Islam yang mampan dalam menyuaipadankan gaya hidup moden dan berkualiti yang mampan.

Bagi anak-anak muda, proses pemodenan menjadikan mereka mudah terikut-ikut dengan fesyen, gaya rambut dan cara berpakaian para artis serta pemain bola yang menjadi pujaan mereka. Namun kita perlu berhati-hati agar tidak melanggar batas agama. Tidak salah sama sekali jika hendak bergaya, namun aurat dan maruah mestilah dijaga. ■

SKIM BANTUAN

Gerbang AZ-ZIWAAJ

PEMBERIAN RM 1,000.00

LAYAK DAN MEMENUHI SYARAT

PENDAPATAN PEMOHON MESTILAH TIDAK MELEBIH RM 1,000.00 SEBULAN

PERMOHONAN INI HANYA UNTUK PERKAHWINAN PERTAMA SAHAJA

f Urus Setia Belia dan Sukan **ubeskelate**

PENGURUSAN PEMBETUNGAN

PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

- 1 **PENYELENGGARAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN**
- 2 **PENGOSONGAN TANGKI SEPTIK (DESLUDGING)**
- 3 **AGENSI PERAKUAN PEMBETUNGAN BAGI PIHAK SPAN**
- 4 **MEMBERSIHKAN SUMBATAN LURANG (BLOCKAGE)**
- 5 **PERKHIDMATAN SEWAAN HIGH PRESSURE WATER JETTER TANKER UNTUK MEMBERSIH RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN, LONGKANG DLL**

i MAJAARI SERVICES

Syarikat rasmi yang menguruskan pembetungan bagi negeri Kelantan.

09-747 0005 **011-5757 9407**

sales@majaari.com.my



MAJAARI SERVICES SDN. BHD. (799699-X)

LOT 188-A, SEKSYEN 21, JALAN TENGU ISMAIL OFF JALAN TELIPOT,
15200 KOTA BHARU, KELANTAN.

TEL: 09-747 0005 / 09-743 0055 FAKS: 09-747 2223



MS ISO 9001:2015 QMS 02415



HALA TUJU POLITIK RAKYAT KELANTAN MENGHARUNGI 2020

Oleh: Marzuki Mohd Noor El-Feringhati

Formula Muafakat Nasional (MN) dan Perikatan Nasional (PN) adalah saling mempercayai dan lengkap-melengkap. Pemerksaan kefahaman ilmu Islam kepada ahli dan penyokong perlu dipergiatkan bagi mengatasi kesangsian yang timbul.

Prof Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah dari Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menyarankan agar tradisi ilmu diperkuatkan bagi mengelakkan pemikiran politik sempit.

Menurutnya, "Dalam kitab Jawahir al-Quran, al-Ghazali menyatakan politik satu daripada keperluan penting namun kadarnya satu per enam daripada mesej al-Quran, manakala baki lima per enam lagi menjurus kepada melahirkan Muslim berkualiti, faham serta mengamalkan Islam secara sempurna."



“ Selepas 30 tahun rakyat mempertahankan kerajaan Islam Kelantan, tahun 2020 melakar sejarah tersendiri apabila PAS menjadi sebahagian jentera pentadbiran kerajaan Pusat.”

Keterbukaan dan berprinsip

Moleknya perpaduan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)-Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) memandu arah tuju politik Melayu yang masing-masing mempunyai pengaruh dan penyokong tegar tersendiri, memfokuskan hal ehwal kelestarian kepelbagaian rakyat Malaysia berprinsipkan Perlembagaan dengan pemerksaan perkara 152 dan 153.

Rakyat Kelantan ada keunikan tersendiri dalam berpolitik; gaya berpolitik yang bijak, berani dan matang. Mereka faham PAS boleh bekerjasama dengan sesiapapun asalkan bersedia menerima dasar Islam.

Kisah Rasulullah SAW menangani kabilah Yahudi Madinah yang mencabuli perjanjian setia menjadi rujukan. Ahli dan penyokong PAS faham kisah Bani Nadhir diusir kerana khianat, apatah lagi Bani Quraizah, Bani Qainuqa' dan kabilah Yahudi lain. Malah kabilah Arab yang sebangsa pun menjadi seteru apabila mereka melakukan pembelotan dan menentang Islam.

Sejarah ini memberi jawapan kenapa PAS tidak bersama Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan). Provokasi berterusan terhadap usaha meminda perlembagaan bagi pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam di Malaysia, serangan dan tohongan secara konsisten ke atas Presiden PAS, malah dituduh tersasar dari landasan perjuangan. Dalam kalangan sahabat Nabi juga ada khilaf pendapat, bahkan pada era pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin juga berbeza pendekatan. Namun Islam kekal sebagai dasar utama.

Konsep ta'awun

Kematangan pemimpin kedua-dua parti tersebut jelas kelihatan saling sebaris ketika menghadiri majlis mengukuhkan lagi usaha kerjasama sehingga termetterai piagam MN pada 14 September 2019.

Konsep ta'awun terbukti melalui beberapa Pilihan Raya

Kecil (PRK) lepas. MN antara faktor penyumbang majoriti besar sebanyak 15,086 undian kepada calon Barisan Nasional di dalam PRK Tanjung Piai pada 16 November 2019 dan rakyat Chini juga menzahirkannya melalui majoriti 12,650 pada 4 Julai lalu.

Rakyat Kelantan pasti terharu dan berbangga dengan keluhuran sikap Menteri Besar Dato' Ahmad Yakob yang berterima kasih kepada Adun Kok Lanas di atas peletakan jawatannya sebagai ketua pembangkang di DUN Kelantan. Situasi ini memperlihatkan sifat *tasaamuh*, matang dan profesional antara dua belah pihak. "Kita perlu sangat kepada teguran daripada sahabat-sahabat," ujarnya.

Kerjasama ini mantap apabila dua parti Melayu terbesar menyertai Perikatan Nasional. Setiausaha PAS Kelantan, Dato' Che Abdullah Mat Nawi menyifatkan bahawa bukan setakat di Parlimen Kelantan "bulat" malah PAS seluruh negara "bulat". Kenyataan ini selari dengan Presiden PAS Tuan Guru Dato' Seri Abdul Hadi Awang yang menzahirkan dukungan PAS kepada Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perkongsian kuasa parti-parti utama Melayu ini saling melengkapkan wacana politik masa depan negara. Ahli Akademik Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah menyifatkan "kerjasama adik beradik."

PAS meneruskan Budaya Politik Matang Sejahtera untuk kepentingan ummah, manakala UMNO membuat pembaharuan politik parti lebih berdiplomasi dan mendengar luahan akar umbi.

Pada masa sama, kedua parti memberikan kepercayaan kepada Presiden BERSATU sebagai Perdana Menteri bagi menghadapi PRU15. UMNO dan PAS memiliki tapak kukuh di beberapa negeri, BERSATU pula masih dominan kerana kepemimpinan negara di bawah pengurusnya. Tidak wajar mempersoalkan untung-rugi kerana ketiga-tiga parti itu berpegang kepada jiwa Islam dan Melayu.



myMetro

#PenjaraKaosocial • Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan | Kumpul teman | 33 09 41 | Nanti Berita Terkini Covid-19

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAPIRAPXTRA BISNES METROTV COVID-19 PKP PKS AGRO SPEKTRUM

AKADEMIA #TMETRO NUANSA SANTAI P&P DEKOTAMAN WM ADDIN RENCANA SIHAT XPERI VROOM GALERI INFOGRAFIK

Kelantan bukan lagi negeri pembangkang

MyMetro | Mutakhir

Pensyarah Pusat Akidah dan Keamanan Global, FPI, UKM, Prof. Madya Dr. Mazlan Ibrahim yakin bahawa fikrah rakyat Kelantan selari dengan arus perdana, "PAS akan semakin teguh melalui kerjasama ini kerana rakyat Kelantan yang bijaksana dan matang lebih mencintai penyatuan Melayu berbanding persengketaan sesama bangsa selama 68 tahun."

Terjemahan kesatuan yang dizahirkan oleh Perikatan Nasional (PN) melalui lantikan lima ahli parliment dari Kelantan diamanahkan sebagai Menteri dan tujuh lagi dipertanggungjawabkan sebagai Timbalan Menteri.

Daripada jumlah itu, lima lagi anggota Parlimen PAS dari Kelantan diserap ke dalam barisan kabinet. Pelantikan ini seakan-akan menggambarkan kerajaan Malaysia bersolidariti memberi pengiktirafan di atas kematangan rakyat Kelantan berpolitik dan selama 30 tahun rakyat Kelantan istiqamah mempertahankan kerajaan Islam Kelantan yang diterajui PAS sejak tahun 1990. Semoga menerusi pelantikan jemaah menteri baharu itu, hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan terus diperkuuh selaras dengan semangat Persekutuan demi kesejahteraan rakyat.

Sebahagian daripada kerajaan Persekutuan

Selepas 30 tahun rakyat mempertahankan kerajaan Islam Kelantan, tahun 2020 melakar sejarah tersendiri apabila PAS menjadi sebahagian jentera pentadbiran kerajaan Pusat.

Ya, Kelantan bukan lagi negeri pembangkang. Sejarah merakam kali kedua PAS menjadi sebahagian daripada kerajaan Persekutuan. Kali pertama pada tahun 1973, ketika PAS bergabung bersama UMNO untuk membentuk Barisan Nasional.

Ahli Majlis Profesional Negara Kluster Perpaduan Nasional, Prof. Madya Dr. Nur Azuki Yusoff menyatakan kemenangan PN penyebab Kelantan menjadi negeri kerajaan satu kejutan besar buat rakyat Kelantan

terutamanya yang berusia 30-an yang lahir di bawah pemerintahan PAS sebagai negeri pembangkang (MyMetro, 1 Mac 2020).

"Siapa sangka Kelantan sebelum ini negeri pembangkang dan sering dipinggirkan kini menjadi sebuah negeri kerajaan? Bagi saya, ini kejutan kedua buat rakyat Kelantan. Ketika PAS bekerjasama dengan UMNO sehingga terbentuk Muafakat Nasional kejutan pertama kerana selama ini mereka sering bergaduh namun akhirnya boleh bekerjasama" kata Nur Azuki yang mengakui rakyat Kelantan semakin bijak.

Hakikatnya, rakyat tidak meletakkan permintaan tinggi dengan mendesak limpahan kemudahan mesti dilakukan secara mendadak. Sebaliknya berharap semua parti berusaha memainkan peranan masing-masing untuk mengekalkan kesatuan PN bagi mengelak sejarah lama berulang dan enggan melihat "bumi dipijak milik orang".

Besar impian dan kehendak rakyat Kelantan untuk melihat pembangunan agama, budaya dan sosio-ekonomi memuncak. Ruang dan peluang pekerjaan terbuka luas. Kemudahan infrastruktur serba canggih disediakan serta manfaat royalti dikembalikan kepada rakyat setelah Kelantan menjadi sebahagian daripada jentera pentadbiran kerajaan Persekutuan.

Rumusannya, hala tuju politik negara khususnya rakyat Kelantan jelas menyokong penyatuan atas dasar agama dan martabat bangsa demi kepentingan Islam.

Keegoan dan kepentingan peribadi dikorbankan untuk mencapai matlamat lebih besar iaitu penyatuan umat Melayu-Islam di Malaysia tanpa mengeneppikan prinsip Rukun Negara kerana menghormati kepelbagaiannya kaum lain sebagaimana saranan Islam. ■



“...sambutan ‘moklok’ sinonim dengan jamuan, selawat dan ceramah tentang sirah kelahiran Rasulullah SAW...”

PERAYAAN MAULIDUR RASUL

BERDAKWAH MELALUI CERAMAH DAN SEDEKAH

Oleh: Ramli Abdul Halim

Bagi pencinta Rasulullah SAW, mengingati Maulidur Rasul adalah suatu kemestian berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 56 yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi dan ucapkanlah salam kepadanya.”

Kehadiran bulan ketiga dalam takwim Hijrah yakni Rabiul Awal lebih dikenali oleh masyarakat Kelantan dengan bulan Maulidur Rasul atau “bulan moklok”.

Sambutannya bersifat memartabatkan budaya Islam melalui dakwah dan bersedekah kerana ia mampu menyatukan umat Islam pada satu majlis keramaian. Sebab itulah, sambutannya berlangsung dari awal hingga akhir Rabiul Awal demi menghayati dan menghidupkan sunah.

Budaya berdakwah sambil bersedekah

Kaedah dakwah melalui sedekah makanan amat mudah memikat khalayak mendekati masjid atau madrasah. Teknik ini dipelopori oleh alim ulama sejak dahulu kala sebagai tanda menzahirkan kegembiraan dan kesyukuran sempena bulan kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Dalam konteks masyarakat Kelantan, Maulidur Rasul seerti dengan menjamu makanan bermatlamat untuk mendapat berkat. Oleh itu, kenduri kahwin pun dipilih khas pada bulan Maulidur Rasul.

Oleh itu, tanggal 12 Rabiul Awal pada setiap tahun menjadi tarikh keramat bagi masyarakat Melayu-Islam Kelantan menyambut Maulidur Rasul yakni perayaan



Selawat ke atas Rasul SAW dapat di dengar di sekolah-sekolah pada bulan "moklok".

mengingati tarikh keputeraan Nabi Muhammad SAW. Dialek Kelantan serasi dengan sebutan "moklok" yang disesuaikan dengan perkataan "maulud" bermaksud kelahiran.

Menariknya di Kelantan, sambutan "moklok" disambut dengan jamuan, selawat dan ceramah tentang sirah kelahiran Rasulullah SAW yang tidak hanya diadakan di masjid dan surau, bahkan turut diadakan di rumah orang perseorangan secara bergilir-gilir sehingga tamat sebulan Rabiul Awal.

Sumbangan orang ramai secara saling bermuafakat atau dikenali sebagai "berbalas degha" berdasarkan kemampuan masing-masing bagi menampung kos kenduri yang dipanggil "jjamu moklok" akan diberikan oleh masyarakat setempat dengan matlamat mendapat berkat.

Bahan-bahan mentah untuk jamuan seperti beras, rempah-ratus, kerisik, santan, daging, ayam atau ikan dan sayur-mayur disedekahkan oleh orang kampung. Pokok pangkalnya, semua penduduk sekampung pasti bersedia mengambil bahagian untuk mendapat saham dalam bekwoh (kenduri) moklok walaupun hanya mampu menyumbang serba sedikit hatta sebuah lengkuas atau seruas kunyit!

Mutakhir ini, sesuai dengan peredaran zaman, sumbangan diper mudahkan berbentuk wang pula dan bukan dalam bentuk barang. Namun gaya permuafakatan masih kekal tidak kira sama ada dibuat di masjid, surau atau madrasah. Contohnya, kerja-kerja menyediakan jamuan masih lagi dibuat oleh anak mukim secara bergotong-royong. Jika kenduri diadakan di rumah individu, kerja-kerja penyediaan jamuan dilakukan oleh sanak saudara dan jiran terdekat. Seisi

mukim atau jiran kampung sebelah dijemput untuk makan sahaja.

Oleh kerana kenduri "moklok" membabitkan acara makan percuma, maka pemberian wang oleh para tetamu jemputan akan ditolak secara baik. Pun begitu lazimnya, para jemputan tetap akan bawa buah tangan, khususnya gula atau susu tin atas alasan mahu tumpang mendapat pahala juga.

Sejarah bermula

Secara tradisi, orang Kelantan dipercayai meraikan sambutan Maulidur Rasul bermula sejak Islam diterima sebagai anutan kira-kira 520 tahun lampau. Acara ini dimulakan oleh raja dan para pembesar istana.

Pedagang Timur Tengah dari Arab dan Turki berdagang dengan matlamat utamanya adalah berdakwah. Maka, pada era keagungan kerajaan Uthmaniah berpusat di Turki, para pedagang itu lebih awal menyebarluaskan Islam sehingga sampai di Kelantan dahulu berbanding Melaka.

Ketika itu Kelantan sebahagian daripada negeri yang berada di bawah naungan kerajaan Melayu-Islam Patani sebagai kerajaan. Pelabuhan Patani berkedudukan sangat strategik menjadi tumpuan para pedagang dari timur dan barat, termasuklah dari Timur Tengah.

Masyarakat Melayu-Islam di Kelantan sememangnya pencinta ilmu. Aktiviti selepas bekerja di sawah dan ladang ialah ke madrasah untuk menadah kitab pada waktu senggang antara maghrib dan isyak.

Di dalam majlis itulah mereka sering diperdengarkan inti sari ceramah di dalam kitab Al-Bidayah Wa an-Nihayah. Para pendakwah memaklumkan bahawa

penulis kitab tersebut yakni Imam Ibnu Kathir menjelaskan Raja al-Muzaffar menganjurkan sambutan terawal Maulidur Rasul pada bulan Rabiul Awal dengan mengadakan perhimpunan secara besar-besaran.

Dikisahkan Raja al-Muzaffar bersifat alim, adil dan sanggup membelanjakan 300,000 dinar saban tahun untuk menyambut Maulidur Rasul di Ibril, terletak berdekatan Syam, bermula tahun 604 Hijrah hingga dihadiri rakyat dari segenap tempat untuk menyambut Maulidur Rasul kerana kecintaan baginda terhadap keagungan Nabi Muhammad SAW. Bermula dari situlah sambutan perayaan ulang tahun keputeraan junjungan besar Rasulullah SAW mula merakyat sehingga ke nusantara.

Ceramah mencetus kerinduan luar biasa

Kerinduan terhadap Rasulullah SAW yang tidak berbelah bahagi adalah satu fenomena luar biasa kerana masyarakat Islam di Kelantan hanya mengenali nama dan sejarah baginda Rasulullah SAW melalui ceramah moklok yang disampaikan oleh para alim ulama atau popular dengan julukan lebai.



Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat negeri Kelantan 1441H turut diisi dengan ceramah agama.

Daripada lisan para lebai itulah masyarakat Melayu-Islam Kelantan mengenali dan mulai mengingati salasilah dan sirah Nabi Muhammad SAW. Inti sari ceramah "moklok" juga memperihalkan mengenai Rasulullah SAW menerima wahyu pertama ketika sedang bersendirian di Gua Hira'. Baginda wafat pada 8 Zulhijah 10 Hijrah

bersamaan 7 Mac 632M, selepas turun ayat al-Quran terakhir yang terkandung di dalam ayat 3 hingga 5, Surah Al-Maidah.

Sambutan dihiasi bunga rampai

Maulidur Rasul berkait rapat dengan amalan sedekah yakni menjamu makanan kepada seluruh ahli qariah. Lazimnya di masjid, hadirin makan selepas mendengar ceramah dan berselawat di dalam qasidah berbahasa Arab mengikut alunan khas sebagai acara kemuncak.

Semasa berselawat, imam akan mengagihkan bunga rampai kepada hadirin. Bunga rampai tersebut diperbuat daripada daun pandan yang dirincis, bunga kenanga, kuntuman melur dan kesidang serta direnjis air mawar. Tanpa bunga rampai, "jjamu moklok" dianggap tidak lengkap.




Bunga rampai dihasilkan daripada daun pandan yang dicampur dengan pelbagai jenis bunga yang harum.

Seingat penulis, pada era 1960-an sempena *jjamu moklok*, seluruh masjid di jajahan utama di Kelantan meriah dengan kenduri dan pada malamnya akan diserikan pula dengan acara berzanji dan berqasidah.

Amat membanggakan, sambutan Maulidur Rasul yang diadakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan masih kekal hingga sekarang bagi meneruskan tradisi yang dimulakan oleh ulama tersohor Kelantan bernama Tok Selehor. Motif utama acara ini dahulu ialah menyatukan umat Islam di Kelantan yang berpecah-belah kerana berlainan ideologi politik.

Sambutan perayaan Maulidur Rasul dengan pengisian program kerohanian sebagaimana yang diamalkan oleh orang Kelantan wajar dikekalkan dan dipulihara oleh generasi demi generasi bagi menghidupkan amalan bersedekah yang menjadi kesukaan Rasulullah SAW dan menjamin kemantapan perpaduan ummah. ■



SENI BINA & REKA BENTUK **ISLAMIK**

GARIS PANDUAN
BANDAR RAYA ISLAM
MENGIKUT KETETAPAN
MPKB-BRI

Oleh: Wan Mohd Sharafi Wan Mustafa

Tiga Perkara Asas Ukuran & Ketandaan Bandar Raya Islam

1

LOKASI

Di mana bandar itu dibina, di situ lah dasar yang menjunjung syariat Islam mesti ditegakkan.

2

MASYARAKAT

Ahli masyarakat yang hidup di dalam sebuah bandar raya perlu menterjemahkan keindahan Islam dalam aktiviti kehidupan mereka.

3

BANGUNAN

Struktur susunan dan seni bina bangunan di dalam bandar raya Islam melambangkan keimanan dan ketamadunan penduduk bandar raya tersebut.

Membangun Bersama Islam sebagai teras dan dasar kepada kerajaan negeri Kelantan telah mengilhamkan kerajaan Kelantan untuk mewujudkan sebuah bandar raya berdasarkan Islam di tengah ibu kota negeri ini.

Kesyumulan Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia termasuklah aspek seni bina dan reka bentuk. Walaupun al-Quran dan hadis tidak menyebut secara khusus tentang seni bina, tetapi secara prinsip telah terangkum dalam firman Allah (surah al-Baqarah: 208) yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu masuk ke dalam Islam secara "kaffah" (menyeluruh). Dan jangan kamu mengikuti langkah syaitan kerana mereka itu adalah musuh kamu yang nyata".

Secara terminologi, para pemikir dan pengkaji ilmu seni bina memberi definisi berbeza tentang keluasan skop interpretasi yang tidak dieksklusifkan oleh Islam dengan mengkhususkannya dalam al-Quran mahupun hadis.

Kebanyakan sarjana barat berpendapat, seni bina Islam itu lebih kepada aspek fizikal dan tipologi bangunan. Maka para arkitek Muslim perlu memainkan peranan dalam membuat takrifan dan falsafah seni bina dan reka bentuk pelan bangunan dengan mengambil kira aspek syariah.

Mercu kegemilangan

Ibn Khaldun melalui Mukaddimah menyatakan, seni bina ialah satu ciri ketamadunan yang penting kerana ia lambang kegemilangan sesuatu bangsa atau negara. Keagungan dan ketinggian sesebuah tamadun dapat diukur berdasarkan pencapaiannya dalam bidang seni bina (Ibn Khaldun, 1980).

Ukuran dan ketandaan bandar raya Islam dilihat pada tiga perkara asas iaitu; pertama, di mana bandar itu dibina, di situ lah dasar yang menjunjung syariat Islam

mesti ditegakkan. Kedua, ahli masyarakat yang hidup di dalam sebuah bandar raya perlu menterjemahkan keindahan Islam dalam aktiviti kehidupan mereka. Ketiga, struktur susunan dan seni bina bangunan di dalam bandar raya Islam melambangkan keimanan dan ketamadunan penduduk bandar raya tersebut.

Konsep arkitektual

Oleh itu, konsep bandar raya Islamik ditakrifkan sebagai satu kawasan yang menyediakan ruang-ruang berkesan dalam melaksanakan hubungan sejagat merangkumi hubungan tiga hala iaitu hubungan manusia dengan pencipta-Nya, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar (Pelan Induk Landskap MPKB 2002).

Maka pemikiran dan konsep arkitektual Islam ialah menjadikan seni bina dan reka bentuk yang berlandaskan syariah yang boleh mendekatkan diri manusia kepada Allah SWT. Reka bentuk rumah umpamanya hendaklah sekurang-kurang mempunyai tiga bilik yang merangkumi satu bilik untuk ibu bapa dan dua bilik lagi untuk anak lelaki dan perempuan secara berasingan.

Reka bentuk rumah dan bangunan juga diutamakan ruangan solat yang berasingan, ruang khas untuk wanita dan keluarga bagi mengelakkan keadaan *ikhtifat* lelaki dan perempuan. Setiap pembinaan hendaklah dipastikan kesesuaian mengikut arah kiblat untuk memudahkan kedudukan saf solat berjemaah dan tandas yang dibuat tidak mengadap ke arah kiblat.

Ternyata kerajaan negeri Kelantan bertindak proaktif kerana telah lama meletakkan syarat kelulusan rumah tiga bilik ke atas syarat pemaju perumahan dan mesti menyediakan sebuah masjid atau musala, menyediakan ruang solat dan syarat bangunan baharu hendaklah menepati fasad Islamik (berunsur seni bina Islam) seperti berkubah dan berpapan tanda tulisan



Strategi pembangunan

Merujuk Rancangan Tempatan MPKB-BRI 2035 (Penggantian), MPKB-BRI sebagai bandar raya Islam turut memberi impak terhadap pembangunan reka bentuk setempat. Terdapat beberapa strategi pembangunan reka bentuk bandar yang dikaji untuk mewujudkan reka bentuk bercirikan Islam dan meningkatkan kualiti visual di bandar Kota Bharu. Antara strategi pembangunan yang dapat membantu meningkatkan nilai estetika dan kualiti bandar ialah:

1 Cadangan Pemuliharaan Bangunan yang tidak seragam daripada aspek ketinggian yang berpunca daripada perbezaan pembangunan sedia ada dan baharu;

2 Cadangan Penggunaan Warna dan Mural Budaya Islam bagi menceriakan kawasan jalanan yang agak suram. Penggunaan warna berdasarkan elemen Islam, seni lukisan dan kaligrafi Jawi sebagai penghidup lorong belakang dapat menyerlahkan kawasan kurang ceria dan akan menjadi tarikan visual. Pendekatan warna dan mural pada lorong bangunan boleh menarik perhatian golongan belia di samping berpotensi untuk mengurangkan kadar jenayah yang kerap berlaku di lorong-lorong belakang kedai;

3 Cadangan Penggunaan *Architectural Screening* yang merupakan kaedah fleksibel untuk digunakan pada bahagian hadapan bangunan serta bumbung dan direka bentuk khas. Corak geometri Islam adalah corak yang akan digunakan bagi menerapkan unsur-unsur seni bina Islam. Penggunaan *Architectural Screening*, ketinggian rumah-rumah kedai dapat dikawal dan diselaraskan agar kelihatan lebih teratur dan seragam;

4 Cadangan Pelaksanaan *Islamic Streetscape* sebagai jajaran visual di sepanjang jalan berdasarkan reka bentuk bermotifkan Islam sekali gus dapat mempromosikan budaya Islam dan meningkatkan tata gaya Islamik dalam pemandangan yang diketengahkan;

5 Cadangan Perkarangan Aktiviti dan Pengenalan *Hardscape* di Sekitar Stadium. Lokasi stadium bukan saja dikerumuni semasa musim sukan sebaliknya ia sentiasa maju dengan pelbagai aktiviti dan program sepanjang tahun. Untuk itu suatu reka bentuk *hardscape* yang intensif dilengkapi dengan tempat berteduh, ruang pejalan kaki dan tempat beriadah sekali gus dapat menaik taraf ruang terbuka yang sesuai untuk pelbagai aktiviti seperti trak makanan, pasar tani, ruang acara, pusat belia, pusat sukan dan Madinah Ramadan.

Imej Islamik

MPKB-BRI melalui Cadangan Pembangunan Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2020 telah menge-mukakan suatu pelan cadangan pembangunan ke arah Kota Bharu sebagai imej bandar raya Islam. Cadangan ini mengemukakan pelan reka bentuk pusat bandar bertujuan meningkatkan imej dan identiti pusat bandar Kota Bharu berbeza dari bandar-bandar lain dengan mewujudkan persekitaran dan perbandaran yang meng-aplikasikan ciri-ciri serta konsep Islam dalam peran-cangannya. Cadangan-cadangan tersebut meliputi;

1

Corak dan fabrik pusat bandar Kota Bharu bertujuan untuk mewujudkan struktur guna tanah bandar yang lebih jelas, skala bangunan teratur dan berkesinambungan dengan jalan.

2

Cadangan Projek Pembangunan Baharu seperti;

Dataran Bandar Raya Islam; pembangunan kawasan perniagaan yang berkonsepkan bazar, *suq* (kedai) serta pembangunan bercampur. Mengaplikasikan seni reka bentuk bangunan yang berkonsepkan seni bina Islam dan Melayu Kelantan sebagai imej Islam di Kelantan. Meningkatkan kualiti persekitaran dengan elemen-elemen skap (scape) menarik serta bermotifkan kesenian Islam seperti penggunaan bentuk-bentuk geometri, batu berkalisografi zikrullah dan dihiasi tanaman pokok palma pelbagai jenis.

Pusat Kebudayaan dan Warisan Islam; peningkatan kualiti persekitaran zon Budaya Warisan sedia ada sebagai ka-wasan pelancongan. Selain kebudayaan, pembangunan semula sekitar Masjid Muhammadi sebagai pusat pengembangan keilmuan Islam. Cadangan bagi pembangunan ini antaranya menonjolkan imej *suq* emas di jajaran kedai Bazar Buluh Kubu. Ia bakal meningkatkan kualiti persekitaran dengan elemen skap yang menonjolkan imej keislaman dan budaya tempatan.



3

Pengekalan dan pemuliharaan bangunan warisan.

4

Penyediaan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam elemen skap jalan.

5

Kawasan Tindakan Khas; Beberapa kawasan dikenal pasti akan dinaik taraf mengikut garis panduan dan piawaian khusus bagi mewujudkan ciri-ciri dan karakter bandar menggambarkan imej bandar raya Islam seperti Medan Ilmu. Cadangan pembangunan Medan Ilmu antaranya ialah; mengubah suai fasa bangunan sedia ada di sepanjang Jalan Dato' Pati dengan fakad berseni bina Islam, meningkatkan kualiti skap jalan dengan mengaplikasi reka bentuk elemen *streetcape* dan *hardscape* yang bercirikan keilmuan seperti penggunaan simbol kitab serta gambar-gambar yang relevan bercirikan bandar raya Islam.

6

Penyusunan Elemen Bandar yang dikenal pasti untuk diintegrasikan dengan cadangan pembangunan baharu ke arah pembentukan imej dan identiti bandar raya Islam seperti:

a

Pintu Gerbang yang mempunyai Menara Taqwa (jam waktu solat, azan automatik dan petunjuk kiblat), musala dan tempat rehat berserta papan tanda.

b

Meru Tanda di Dataran Bandar Raya Islam selaras dengan konsep halaman (courtyard) di dalam pembangunan bandar raya Islam.

7

Peningkatan skap jalan.

8

Imej landskap pusat bandar Kota Bharu yang lebih menarik.

Kesimpulan

Ringkasnya, seni bina Islamik mempunyai nilai estetika tersendiri yang praktikal dan mesra pengguna untuk melestarikan keharmonian manusia dalam kehidupannya dengan alam dan Tuhan. Itulah tonggak falsafah dan penciptaan seni bina dan reka bentuk kediaman dan bangunan yang menjadi syarat ketetapan pihak MPKB-BRI demi kemegahan bandar Kota Bharu dan kesejahteraan komunitinya.

FENOMENA SRITI WADAH GENERASI RABBANI

Oleh: Dr. Samhani Ismail



Sebagaimana tanah gersang lagi tandus, Allah SWT turunkan hujan untuk menyiraminya sehingga ia mampu menumbuhkan pepohon hijau yang akhirnya menghasilkan buah ranum. Sekali gus menyediakan ekosistem sempurna bagi menyokong kestabilan biodiversiti. Demikian juga dengan pendidikan, khususnya pendidikan berteraskan Islam yang berpaksikan al-Quran dan al-sunnah.

Pendidikan berteraskan al-Quran dan al-sunnah adalah wadah pengubah masyarakat dan membentuk jiwa manusia terpimpin dan berkepimpinan. Meskipun proses pendidikan sebegini terpaksa melalui jalan sulit lagi panjang, namun hanya dengan pendidikan bersifat ketuhanan cita-cita untuk melihat umat Islam maju dan berdaya saing (generasi Rabbani) mampu dicapai.

Pengasingan cabang ilmu

Perkataan jiwa dan roh yang kembali dipelajari pada peringkat universiti dengan penampilan terma "psikologi" yang berasal daripada bahasa Greek yang bermaksud "Ilmu Kejiwaan" memberi pertembungan nilai yang mengelirukan. Lalu wacana adab menjadi kekok, adakah ia datang daripada Islam ataupun barat?

Kekeliruan sebegini sering kali timbul dan dipersulitkan lagi dengan pengasingan cabang ilmu yang memisahkan aspek ilmu dan nilai agama. Apatah lagi ilmu-ilmu mengalami fragmentasi yang dipecah-pecahan. Sebagaimana muzik dipesongkan daripada agama sedangkan notasi muzik berkait rapat dengan subjek matematik.

Sinkronisasi muzik dan matematik secara langsung wujud dalam al-Quran. Bahkan alunan al-Quran melalui seni taranum yang berharakat mengikut kiraan panjang-pendek dari takah satu hingga enam itu sendiri bersifat muzikal dan matematikal. Maka, siapakah generasi yang akan menyatukan kembali ilmu-ilmu yang telah terpisah sekian lama, lalu mewujudkan umat Islam yang kuat dan memimpin?



Sistem pendidikan yang menerapkan kedua-dua aspek dunia dan ukhrawi mampu menjadi wadah pembinaan tamadun Islam yang ulung selari dengan kemajuan sains dan teknologi. Bagi memenuhi keperluan ini, Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) yang berpusat di Sabak Bernam mengambil tanggungjawab berat menyediakan kurikulum pendidikan berteraskan al-Quran dan hadis tanpa mengesampingkan pendidikan akademik. Walaupun baharu sahaja beroperasi hampir empat tahun, perkembangan pantasnya sudah menghasilkan 145 buah cawangan sekolah di seluruh negara dengan bilangan pelajar seramai 10,566 orang.

Silibus seimbang

Apa yang membuatkan SRITI menjadi sebuah fenomena baharu dunia pendidikan negara masa kini? Ketidakstabilan sistem pendidikan negara telah berjaya ditampung oleh silibus SRITI yang bersifat menyeluruh dan seimbang. Ia bukan rekaan manusia semata-mata, bahkan berdasarkan al-Quran dan sunah. Lantas silibus itu jelas sifatnya, berorientasi kemanusiaan dan standard penilaianya pun turut sama meraikan kepelbagaiannya potensi yang ada pada manusia; dari kekuatan aspek intelektual, jasmani dan sebagainya.



Silibus SRITI merangkumi tiga sistem utama iaitu sistem Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diadun dengan sistem diniah (keagamaan) dan pengajian tahfiz. SRITI menerapkan pembentukan manusia yang seimbang, mencakup keseluruhan aspek termasuk fizikal, intelektual, kejiwaan, agama, seksual dan akhlak. Walaupun sistem yang diguna pakai adalah berdasarkan buku teks KSSR, pihak SRITI telah membentuk satu jawatankuasa khas yang dianggotai oleh pakar-pakar pendidikan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan serta luar negara bagi membina silibus khusus yang turut diberi kepada setiap seorang pelajar mereka.

Silibus akademik yang turut meliputi aspek sains dan matematik ini menerapkan konsep akidah dan tauhid secara tuntas. Misalnya, bagi silibus pada peringkat Darjah Satu bertajuk Manusia, pihak SRITI turut merangka silibus bertajuk Manusia juga. Bezanya, ia bukan hanya berkisar tentang anatomi dan fungsional semata-mata, namun turut ditekankan adalah falsafah jiwa beragama serta hukuman, dosa dan pahala yang bersabit dengan anatomi dan fungsional tersebut.



Silibus Darjah Dua pula misalnya bertajuk Alam Semulajadi ditukar kepada istilah Tumbuh-tumbuhan kerana secara konsepnya, tumbuh-tumbuhan bukanlah wujud secara semulajadi melainkan ciptaan Allah SWT. Lantas pemahaman ini turut dimasukkan secara adil tanpa bercanggah dengan kehendak agama dan silibus KSSR menjadikan pelajar lebih terbuka dan luas daya pemikiran mereka.





Kaedah menyeluruh

Silibus Diniyah yang diajarkan di SRITI bernama Kaffah (menyeluruh). Sistem ini mencakup pembelajaran agama Islam berkaitan tauhid, akidah, fiqh, akhlak dan sebagainya. Kedua-dua silibus ini diajarkan dengan satu lagi silibus penting mereka iaitu Tahfiz Quran dan Sunah.

Melalui pembelajaran ini, pelajar diminta menghafal bukan sahaja ayat-ayat suci al-Quran, malah mereka turut diajar supaya memesrai hadis. Sebagaimana hadis mampu melembutkan jiwa manusia lantaran ia gambaran tentang peribadi baginda Rasulullah SAW, maka jiwa yang terikat dengan hadis akan lebih lembut dan lunak serta lebih yakin terhadap akidah mereka.

Modus operandinya ialah pelajar diminta menghafal sekurang-kurangnya enam juzuk al-Quran pada peringkat sekolah rendah dan beberapa buah hadis pilihan. Uniknya, hafalan hadis dan al-Quran adalah berdasarkan tema.

Maknanya, di samping mereka mengulang kaji hadis secara hafalan, mereka turut menghadamnya dengan kefahaman berserta amalan. Perkara inilah yang menyebabkan sesetengah ibu bapa begitu teruja menghantar anak-anak mereka ke SRITI bahkan turut sama menghafal ayat al-Quran dan matan hadis.

Ibu bapa tambah teruja menghantar anak-anak mereka ke sini lantaran SRITI memakai sistem persekolahan satu sesi yang panjang dari pukul 7.30 pagi sehingga 4.30 petang yang mana mereka diberi makan tiga kali sehari (sarapan, makan tengah hari dan minum petang di sesetengah tempat), menyebabkan para ibu bapa bekerja berasa selesa dan yakin untuk menghantar dan mengambil anak pulang dari sekolah.

Yuran berpatuton

Yuran yang dikenakan juga sangat berbaloi dan boleh dikatakan agak rendah. Hal ini turut menjadi faktor ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke SRITI. Daripada RM100 - RM200 di Kedah, RM300 - RM380 di Selangor, jumlah ini tidak menjadi satu bebanan kepada golongan B40.

Tambahan pula, kos kemudahan fizikal persekolahan kebanyakannya ditampung oleh derma daripada orang ramai, dan tapak sekolah kebanyakannya tanah wakaf yang diberikan percuma. Kemuliaan hati penderma

bukan hanya diterima oleh si anak, bahkan turut dirasai oleh seluruh keluarga pelajar. Sekali gus nikmat barakah inilah pemangkin kejayaan SRITI.

Para pengajar dipilih dan dilatih di dalam siri-siri latihan kursus anjuran pihak pengurusan SRITI bagi memastikan mereka mampu menguasai kemahiran penting menjadi pendidik.

Panduan bersinergi lapangan kurikulum, ko-kurikulum, kendiri, pedagogi, evaluasi dan beberapa kursus lain adalah kursus wajib untuk para guru hadiri bagi menambah kemahiran mereka yang sebenarnya ialah graduan universiti dalam bidang pendidikan kerana selain mengajar, sifat murabbi yang disemai pada diri guru juga amat penting.

Memahami keperluan

Pihak pengurusan SRITI tidak memandang enteng aspek kebajikan guru dan turut menyediakan tabung kebajikan bagi menampung keperluan kebajikan pelajar dan guru. Jika muhul diukur akan kejayaannya, masa empat tahun adalah terlalu singkat. Namun ia sudah dapat memberi gambaran awal.

Pertambahan drastik bilangan sekolah dan pelajar menjadi satu kayu ukur penting. Bermula dari kosong pada tahun 2015, bilangan pelajar telah meningkat kepada 10,566 orang pada tahun 2019. Jumlah pembinaan SRITI mendapat sambutan cukup positif. Bukan sahaja pertambahan kuantiti sekolah yang didirikan, malah silibus SRITI turut diguna pakai oleh beberapa buah sekolah agama lain dan pihak pengurusan tersebut secara sukarela telah menukar nama kepada SRITI.

Perkembangan ini bukan sahaja dilihat sebagai satu kejayaan SRITI, bahkan ia indikator penting kepada kejayaan sistem pendidikan Islam yang tulen berteraskan al-Quran dan sunah yang dipandu oleh mereka yang benar dan berkorban demi perjuangan pendidikan, bukan kerana perniagaan pendidikan.

Rumusan

Benarlah apa sahaja berkaitan dengan Islam pasti menjadi mulia. Begitu juga sistem pembinaan manusia berteraskan al-Quran sebagaimana yang diguna pakai di SRITI menggabungjalinkan silibus KBSR, Diniyah dan Tahfiz Quran Sunah.

Keberkesanan silibus SRITI memberi impak ketara sehingga pembuat dasarnya dijemput memberi sumbangan idea kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia berhubung pendidikan negara. Malah, kejayaan pada peringkat Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan SRITI akan diteruskan dengan penubuhan Sekolah Menengah Islam pula bagi menyediakan kelangsungan pendidikan Islami yang syumul kepada generasi Muslim di seluruh Malaysia agar generasi bakal lahir nanti benar-benar menghayati konsep keilmuan dan akhlak yang mampu memimpin dunia dan melakukan perubahan besar selak.



Dinar Dirham *Warisan* Negeri Kelantan

web: www.kgt.com.my

Simpanan

Tabungan

Cenderahati

Mahar Perkahwinan

Peluang Perniagaan



Kelebihan:

Dijamin Kualiti
& Nilai Produk

Tukaran Nilai
Perak Kepada
Emas Yang
Pertama Di Malaysia



Aset Pelaburan
yang stabil

Diterima untuk gadaian dengan
margin harga tertinggi sehingga 80%
di lokasi terpilih.

Hubungi : 09 744 1901

Hotline : 019 352 1901

emel: marketing@kgt.com.my

Pakej Residential Dari
Penginapan & 5 kali makan RM 150
Pakej Mesyuarat Dari
RM 40
Bilik Deluxe Dari
RM 248



DUYONG
MARINA & RESORT
TERENGGANU



UNTUK TEMPAHAN, SILA HUBUNGI

09 627 7735
018 983 1200



DUYONG MARINA & RESORT



DATO' SR. HAJI AZAMI MOHD NOR

MEMBANTU RAKYAT SATU KEPUASAN

Oleh: Norzana Razaly | Foto: Koleksi peribadi Dato'



Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti Negeri Kelantan merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Air Kelantan Sdn Bhd, Dato' Sr. Haji Azami Mohd Nor (Haji Azami) yang juga tokoh baharu dalam senarai pelantikan Exco kerajaan negeri Kelantan bagi penggal ke-14 ini merupakan mantan murid Sekolah Kebangsaan Kedai Piah, Kota Bharu, Kelantan lahir pada 18 Oktober 1957.

Sejurus mendapat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) di Sekolah Menengah Ketereh pada tahun 1974, beliau menyambung pelajaran ke sekolah berasrama penuh di Sekolah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah. Di situ beliau mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan cemerlang lalu melayakkan beliau melanjutkan pendidikan ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Pengurusan Harta Tanah mulai tahun 1975 sehingga tahun 1980.

Berkat doa dan restu berterusan daripada ayah dan bondanya, pasangan Haji Mohd Nor Haji Hassan (mantan Imam Masjid Mukim Dusun Rendah, Kadok) dan Hajah Rakiah Hamzah, tuah siswa muda ini semakin menyerlah. Pada awal tahun 1980, beliau terus ditawarkan berkhidmat dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Kelantan sehingga bulan November 1983. Sebulan kemudian, beliau meletakkan jawatan.

Membuka syarikat

Bermula dari Disember 1983 berbekalkan sedikit ilmu dan pengalaman yang sudah pun ditimba semasa bekerja makan gaji, beliau memberanikan diri menubuhkan syarikat perunding dan penilaian harta tanah yang dikenali sebagai Azami & Co. Sdn. Bhd. sehingga sekarang. Syarikat tersebut mempunyai tujuh pusat operasi yang beribu pejabat di Kelantan selaku tempat beliau mula bertapak yang mana cawangan pertama adalah di Kuantan manakala kedua di Selangor.

Menurut beliau, masyarakat Malaysia menyambut baik perkhidmatan perundingan dan penilaian harta tanah yang ditawarkan sehingga membolehkan beliau memilih kota raya Kuala Lumpur menjadi cawangan ketiga dan empayar niaganya kian melebar ke utara dengan pembukaan cawangan keempat di Alor Setar dan yang kelima di Sungai Petani, Kedah.

"Alhamdulillah, cawangan keenam di Putrajaya sudah pun dibuka. Kesemua cawangan itu diuruskan dengan baik oleh rakan kongsi saya", katanya penuh kesyukan.

Berkhidmat kepada rakyat

Sekali lagi, cerita kehidupan Haji Azami berubah haluan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018. Allah SWT mentakdirkan pakar perunding dan penilai hartanah ini untuk berkhidmat secara langsung kepada rakyat dan negeri Kelantan melalui kemenangan sebanyak 7,025 undi dengan majoriti 1,864 undi di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kadok mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Mengimbau sejarah penglibatan awal dalam bidang politik, sebagai ahli PAS pada tahun 1997, Haji Azami dilantik menganggotai senarai Ahli Majlis Daerah Ketereh. Setahun kemudian, tokoh pemimpin serba sederhana ini dilantik pula sebagai Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Ketereh kemudian memegang jawatan Setiausaha PAS Kawasan Ketereh sehingga tahun 2008.

Apabila pucuk pimpinan PAS Negeri merangka strategi kolaboratif ulama dan profesional, maka latar pendidikan dan pengalaman Haji Azami sebagai pakar penilai hartanah profesional disepakati amat layak bertanding di DUN Kadok pada PRU-12 yang berlangsung pada 8 Mac 2008. Sekali lagi amanah yang sama beliau galas ketika PRU-13 pada 5 Mei 2013 dan PRU-14 pada 9 Mei 2018.

Selama tiga penggal berkhidmat sebagai wakil rakyat, suami kepada Hajah Che Nodzan Che Mat dan Hajah Maznah Awang Lah serta ayah kepada lapan orang anak (dua daripadanya mewarisi kepakaran menjadi



Gambar keluarga.



Meluangkan masa bersama rakyat setelah selesai majlis di masjid.



Menyaksikan Kejohanan Sepak Takraw Tertutup bagi kawasan Kadok.



Penyampaian Rumah Dhuafat kepada rakyat di Kampung Tokong.

Jurunilai Hartanah) ini mengakui amat gerun memikirkan amanah besar rakyat dan negeri yang dipikulnya apatah lagi untuk penggal ketiga bergelar Yang Berhormat, beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan (AMMK) Penggal ke-14.

Namun sokongan padu daripada keluarga yang harmoni menguatkan iltizam dan tekadnya untuk memberi perkhidmatan terbaik untuk meneruskan segala perancangan Exco terdahulu di samping menambah baik pelan sedia ada khususnya mengenai bekalan air bersih dan terawat kepada rakyat dengan secukupnya tanpa mengira agama dan bangsa.

"Saya bersyukur atas segala ketentuan Allah SWT. Sama ada kemenangan ini menjadi kebaikan atau ujian, semuanya saya anggap nikmat dan menerima qadak qadar-Nya dengan reda. Saya juga berterima kasih kepada Dato' Bentara Kanan Menteri Besar kerana memberi kepercayaan dengan melantik saya sebagai salah seorang Exco baharu. Selaku AMMK

negeri Kelantan, saya juga diamanahkan untuk menjaga portfolio Kerja raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti yang mana syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) adalah salah satu daripada GLC yang terlibat di bawah portfolio saya”, ucapnya terharu.

Tindakan segera

“Saya mulai dengan tindakan segera turun ke peringkat jajahan untuk mendengar taklimat dan mendapatkan data permasalahan berkaitan dengan sistem bekalan air kepada rakyat setempat. Contohnya, hasil tinjauan saya di Loji Air Merbau Chondong, Machang hampir 70 peratus rakyat telah pun mendapat bekalan air bersih. Insya-Allah tindakan susulan kita akan cuba bekalkan keperluan air bersih sebaik mungkin kepada baki 30 peratus pelanggan kita.”



Berperwatakan lembut dengan air muka yang manis, personaliti Haji Azami terzahir kepekaan dan kesihatinan beliau terhadap keperluan rakyat pada waktu puncak terutama pada musim perayaan besar, cuti sekolah atau musim tengkujuh.

“Kita sangat faham masalah mereka dan segera menyediakan tangki-tangki statik untuk membolehkan rakyat mendapat bekalan air bersih di Perumahan Telok Mesira, Bachok. Peringkat awalnya kita bekalkan dua tangki dengan kapasiti 3000 gelen, selepas itu ditambah pula dengan tiga lagi (dua tangki 1500 gelen setiap satu dan satu tangki 500 gelen). Maknanya lima tangki statik di Telok Mesira dapat menyelesaikan masalah jangka pendek”, hurainya sambil tersenyum puas kerana berjaya meringankan beban rakyat.

Kerjasama

Pengalaman bermakna bagi beliau ketika membuat lawatan bersama-sama dengan Dato' Bentara Kanan Menteri Besar di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) lalu diberikan taklimat berkaitan keperluan air tambahan semasa pada waktu puncak (waktu tengah hari) menyebabkan bekalan air sedia ada tidak mencukupi.

Beliau berterima kasih kepada pihak Aksb atas kerjasama dan komitmen kerja yang tinggi apabila terus akur dan faham hasrat beliau yang mahu melaksanakan arahan daripada Menteri Besar supaya cuba mengatasi masalah tersebut dengan segera. Langkah drastik terus diambil dengan menyediakan lori-lori tangki air yang membekalkan air dua kali sehari supaya masalah air di HRPZ II ini dapat diatasi.

Selama berkhidmat sebagai wakil rakyat dan menjawat jawatan sebagai Exco khususnya berkaitan dengan portfolio Kerja raya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti ini, beliau sebolehnya cuba menuaikan



manifesto khususnya berkaitan dengan AKSB yang melibatkan liputan bekalan air bersih kepada 90 peratus menjelang tahun 2021.

Jaringan bersepada

ADUN Kadok ini juga gemar bekerja secara kolektif melalui jaringan bersepada dengan menjalinkan hubungan baik melalui pelan strategik bersama pihak Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Syarikat Air Terengganu (SATU) serta pelbagai lagi pihak demi memenuhi kepentingan rakyat.

"Berhubung dengan perkara ini, kita telah berkunjung hormat ke Terengganu selepas saya difahamkan bahawa dahulunya kita ada membeli air dari Terengganu untuk dibekalkan ke jajahan Pasir Puteh dan sebahagian Bachok. Perbincangan semakan harga dan perkara berkaitan dalam mengeratkan hubungan dua hala di antara AKSB dan SATU juga dibuat," tambahnya.

Menyentuh soal semangat federalisme pula, wakil rakyat berjiwa besar ini berpendapat seharusnya hubungan baik di antara kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan dipertingkatkan lagi berbanding dengan kerajaan dahulu.

"Sebagaimana yang kita sedia maklum, kalau dahulunya kita dianaktirikan dalam beberapa program kerajaan Persekutuan dan kita mengharapkan agar kerajaan baharu dengan slogan Malaysia Baharu benar-benar mengotakkan janji dengan membuat perubahan sikap agar layanan sama rata seluruh negeri di Malaysia supaya mendapat faedah apa yang perlu diberi oleh kerajaan Persekutuan mengikut Perlembagaan Malaysia."



Sesi santai bersama pemimpin Persekutuan.



Turut serta dalam sesi lawatan.



"Kita tidak nafikan banyak projek dan program yang telah diberi oleh kerajaan Persekutuan kepada Kelantan. Tetapi sebahagiannya ada lagi yang sepatutnya kita dapat, tetapi belum diperolehi sehingga kini khususnya berkenaan isu royalti petroleum dan gas. Kita perlukan bayaran royalti untuk mengagihkan kebajikan melalui perkhidmatan tadbir urus negeri yang cemerlang dan pembangunan seimbang kepada rakyat", tegasnya.

Politik matang

Wakil rakyat yang mengamalkan prinsip hidup ala kadar seperti biasa yakni serba sederhana melihat pola pemikiran dan cita rasa rakyat Kelantan terhadap politik pada tahun 2020 dengan kaca mata positif.

Menurut beliau, Muafakat Nasional diharap dapat memberi nilai tambah kepada kejayaan besar pada PRU akan datang kerana rakyat sudah lama mahu lihat seterus yang selama 60 tahun berbalah kini sudah boleh berganding bahu dan berjalan seiring.

Jangkaan Haji Azami terhadap landskap politik Malaysia selepas PRU-15 ialah sekali lagi Malaysia akan berhadapan dengan perubahan kerana baginya sekali rakyat berani mengubah, tidak mustahil mereka tegar untuk meminda corak pentadbiran negara sampai mereka puas hati kerana rakyat Malaysia menyukai politik matang demi melestarikan kesejahteraan negeri dan negara.

"Tugas wakil rakyat pula ialah taat bekerja secara kolektif dan terus istiqamah memberikan perkhidmatan terbaik untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan ideologi politik kerana membantu rakyat itu sebenarnya ialah satu kepuasan yang tidak terungkap dek kata-kata." Hurainya mengakhiri wawancara dengan senyuman mesra.

KELANTAN ARTS

REQUIREMENT OF REBRANDING AND REFINING

By: Dr. Ruzanifah Kosnin

Photo: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan



Kelantan is a land of colorful traditions and scenic beauty. Not only known for its natural attractions, cuisines and shopping heaven, it is also known as the birthplace of some ancient Malay cultural arts in Malaysia such as wayang kulit (shadow puppet show), mak yong, menora, dikir barat and others. Some of the cultural arts such as mak yong is recognized by UNESCO as Masterpieces of the Oral and Intangible Heritage of Humanity in 2005.

Wayang kulit is a unique form of theatre that uses the principle of light and shadow to bring its characters to life, depicted by intricate beautiful hand-crafted puppets. The master puppeteer (Tok Dalang), is the only one responsible to make the show alive by controlling the movements of the puppets and provide each one of them with different voices, and at times, to sing.

Mak yong is another ancient Malay theatre that combines acting, vocal and instrumental music, gestures and elaborate costumes. Experts believed that mak yong appeared well before Islam came to the country. It was performed as a royal theatre under the direct patronage of the Kelantan Sultanate until the 1920s.

Later on, the tradition was preserved in a rural context without forsaking the numerous refinements acquired at court, such as its sophisticated costume design. A typical mak yong performance will start with an offering followed by dances, acting and music as well as improvised monologues and dialogues. A single story can be presented over several consecutive nights in a series of three-hour performances.

Kelantan Entertainment Control Enactment

In 1990, when Parti Islam Se-Malaysia (PAS) came into power in Kelantan, it introduced new political idea for an Islamic State by introducing philosophy of Islamic administration with the slogan of Membangun Bersama Islam (Developing with Islam). Several Islamic reforms in various administrative sectors had been implemented including cultural and entertainment sector.

Due to the claims that wayang kulit, mak yong, menora, main puteri and several other ancient performing arts contain elements contrary to Islam, the staging of these arts were prohibited in the state. According to Prof Mohd Taib Osman, mak yong, wayang wulit, menora and main puteri contain elements from pre-Islamic belief such as Hinduism and Buddhism. The Malay community during that time were strong in believing the unseen, whether it was being recognized in Islam or what was inherited.

Later on, Kelantan state government approved the State Entertainment Control Enactment 1998 to incorporate the value of Islam in every performance as well as to avoid the practice of superstition such as rituals of worshipping the spirit in performing arts. To ensure continuous survival of these arts, some of the performances had gone through transformation or being performed outside of Kelantan.



Art performances of Menora.

For example, wayang kulit in Kelantan today has emerged from the traditional tale of Hikayat Sri Rama - the Malay adaptation of the epic Hindu Ramayana – to the stories based on local folklore, history, popular comedies, current issues and secular tales. Whereas mak yong, although limited in number, has continuously been performed outside of Kelantan. An example is mak yong Raja Besar Maha Gading which was performed at Istana Budaya in October 2019, a story based on ancient Malay folk tales with royal characters, divinities and clowns.

In recent development, the ban on mak yong has been lifted and the Deputy Chief Minister of Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah in response to that said that those who wish to stage the dance can only do so if it is on par with the shariah requirements and guidelines.

That includes making it compulsory for mak yong performers to observe their aurat. Similarly, guidelines are also imposed upon wayang kulit and other traditional artistic Malay art performances by ensuring that only Islamic-related performances are performed to the audience. With the uplift of the ban, the state government called for artists to perform their arts creatively and most importantly, in line with the Islamic guidelines.

Islamic elements in traditional performing arts (Wayang kulit)

Professor Ghulam-Sarwar Yousof highlighted the significant element of Islamic culture that have shaped Indonesian and Malay traditional theatre. Instead of becoming obsolete and extinct, wayang kulit was resurrected from extinction and became greatly popular and was known as "the most artistic transformation" that is in line with Islamic values.

The connection of Islamic learning with the performance of wayang kulit Java through the language has been studied by Ferdi in 2017. His findings showed that the wayang kulit scripts contains various Islamic values and wisdoms.

The Islamisation Process

According to Professor Ghulam, in order for the local performing arts to be suitable for the Muslim audience as well as being acceptable by the non-Muslims at that time, Sunan Kalijaga made alterations to the wayang kulit and other performances through various ways. The transformation process can be divided into four ways; through physical changes to the figures of the characters, reinterpretation of traditional plots, the creation of new story and lastly making the performance available to Javanese Muslim communities.

Consequently, the transformation process of the traditional theatre turned to serve as a vehicle for propagation (dakwah) of Islam. It is to be noted that the transformation represents a fusion of indigenous (peribumi) elements with those from Hinduism, Buddhism and Islam. The first transformation is through the change of the puppets' figures by altering the puppet shapes and colors according to their characters that capture their psychological or emotional states.

The second way of transforming the arts by reinterpreting the traditional plot to suit Islam so that the shadow play is acceptable by the Muslim community. The interpretation given by the nine saints to the wayang kulit is particularly interesting. The wayang kulit show is seen as a symbol that reflects "image of law" or shari'ah. "The wayang reflects all humanity, the puppeteer (dalang) corresponds to Allah, Creator of universe."



Art performances & attire of Mak Yong

Another element where shadow play has a direct connection with Islam is by the invention of new stories using materials derived from Islamic legends or history. One noteworthy shadow play is Wayang Kulit Menak, created to represent the life of Amir Hamza, a maternal uncle of Prophet Muhammad, known in Java as Wong Agung Menak (The Great Amir Hamza). The process of Islamisation of wayang kulit in Java can be an excellent example of how cultural arts in Kelantan can be popularized again.

Way Forward

Arts and cultural activities have long been considered as important elements that spur not only tourism industry but also educational platform and excellent medium for propagating values and religion especially Islam.

Therefore, performing artists should take the initiative to incorporate Islamic values into their artistic activities. Whereas the enforcement authority needs to evaluate the arts activities in a broader context in religious reasoning by taking into account how the previous craftsmen such as the nine saints especially Sunan Kalijaga made improvements and reinterpretation to local performing arts in a prudent, gentle and highly effective way of preaching.

Awareness and knowledge on the origins, development and philosophical meaning behind these ancient artistic performances will provide better understanding and evaluation. By doing so, the audience can see the beauty and perfection of Islam behind these art performances.



Dikir barat



Menora



Mak yong



Wayang kulit



WAW MDP SERVICES SDN. BHD.

We provide the following consultancy services

- **ARCHITECTURE**
- **ENGINEERING (CIVIL STRUCTURE, MECHANICAL & ELECTRICAL)**
- **QUANTITY SURVEYING**

WAW MDP SERVICES SDN. BHD.

TINGKAT SATU, LOT 195, JALAN KUALA KRAI, 15050 KOTA BHARU, KELANTAN

TEL: +609-747 4819 EMAIL: wawmdp@gmail.com

PULUT SERI KAYA

Aura Dalaman Memancar Keluar

Oleh: Zanazanzaly | Foto: Ahmad Naime Muhammad



Sesungguhnya kata-kata ialah cerminan jiwa. Istilah mulut longkang tetapi di dalam hati ada taman hanya-lah rekaan manusia kontang iman dan lompong kasih sayang kerana Rasulullah SAW jelas bersabda "Sungguh seorang hamba itu mengucapkan suatu perkataan yang dia tidak peduli (dosa atau pahala), kerananya dia dilemparkan ke dalam api neraka dengan jarak yang lebih jauh dari jarak antara timur dan barat" (riwayat Bukhari dan Muslim).

Memahami maksud hadis di atas dan meyakini segala amalan mulia bermula daripada niat murni, maka lelu-hur Melayu-Islam peka kepada suruhan berbuat baik dan menjauhi mungkar bermula dari dasar sanubari, baharulah serinya memancar keluar. Tarbiah inilah menjadi paksi falsafah ciptaan resipi Pulut Seri Kaya atau Sekaya oleh seorang pemerintah Kelantan.

Menurut cerita lisan dahulu kala, Seri Kaya berkait rapat dengan pasukan tentera wanita bernama "Seri Wijayamala" yang ditubuhkan oleh Puteri Adruja Wijayamala Singa (Cik Siti Wan Kembang 1), pemerintah pertama Tanah Seri Indah (Serendah) Sekebun Bunga selama 10 tahun bermula tahun 1335-1345 Masihi.

Resipi tradisi

Dihikayatkan bahawa Kerajaan Paduka Sri Sang Tawal (Sultan Muhammad) pemerintah terakhir kerajaan Jawaka yang menguasai Kelantan, Langkasuka dan Singgora (1267 hingga 1339) manakala pertahanan terakhirnya ialah pada kerajaan Malayur.

Namun serangan Raja Rama Khamheang dari Sukhothai menyebabkan Paduka Sri Sang Tawal terpaksa berundur menuju ke Chintawangsa, Kuala Krai, Kelantan bagi meninjau lokasi terakhir untuk dijadikan tempat bertahan baginda. Ketika proses pengunduran dari Kota Ligor ke Chintawangsa itulah Puteri Adruja telah menubuhkan pasukan tentera wanitanya.

Nah, apakah kaitan pasukan kesatria wanita ini dengan kuih Pulut Seri Kaya?

Petua rahsia

Nenda memulakan cerita menarik ini dengan membilas dan mengetos dua cawan beras pulut yang telah direndamnya selama empat jam. Kemudian, nenda berkongsi ilmu teknik rendaman ialah petua rahsia Puteri Adruja untuk mengelak angin menyerang badan tenteranya, menjadikan tubuh mereka lemau (letih) tidak bermaya. Sewajarnya sifat tentera harus sentiasa cergas, cerdas, tangkas dan gagah perkasa hatta pada susuk sorang wanita!

Bonda mencelah sambil tertawa, sebenarnya ia bertujuan menyingkirkan asid phytic yang bersifat anti-nutrien - pengganggu proses penyerapan zat di dalam badan penyebab keletihan- tubuh selepas memakan pulut.



Beras pulut direndam selama 4 jam.



Telur dipukul bersama manisan, dan ditambah daun pandan untuk membangkitkan aroma.

Jelita asli

Ketika mengukus pulut, nenda menyebut, "sebagaimana elok paras rupa tuan puteri yang memiliki kejeleitan asli, semua kesatria wanita itu juga amat rupawan kerana mereka menjadikan pulut sebagai makanan ruji."

Bonda yang sedang melarutkan campuran empat keping gula melaka (nisse kerek) dengan sedikit air berisi sehelai simpulan daun pandan dan sesuku sudu kecil garam halus dalam periuk di atas dapur dengan api sederhana turut berkongsi maklumat khasiat beras pulut yang diakui turun-temurun sebagai makanan sinonim dengan masyarakat Melayu Nusantara.

Kata bonda yang berkepakaran ilmu pemakanan, pulut mengandungi Amino Asid dan vitamin B1, B2, B3, B5 dan B6, vitamin terserap air dari kumpulan B-Kompleks yang mampu mencerahkan kulit sebagaimana saranan "the Food and Nutrition Board of the Institute of Medicine (IOM), USA" supaya setiap orang dewasa memakannya setiap hari.

Refleksi kesucian

Bonda semakin rancak bercerita mengenai keperluan merendam dan mencuci bersih beras pulut tersebut kerana semua bijirin termasuklah beras biasa, barli, beras pulut hitam, gandum, kacang hijau dan oat serta apa sahaja yang dikategorikan sebagai bijirin, mengandungi arsenik yang boleh meracuni sel-sel saraf dan mampu mempengaruhi fungsi otak dengan gangguan konsentrasi, pembelajaran dan memori serta mengurangi kecerdasan dan kompetensi sosial.

Ketara kelihatan senyuman bangga nenda mendengar penerangan anaknya yang cerdik lagi terdidik lalu nenda mengingatkan anak dan cucunya tentang maksud hadis Nabi Muhammad SAW. "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras, keturunan dan harta benda kamu, akan tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan-amalan kamu."

Paduan putih, bersih dan jernih

Bertitik-tolak dari kefahaman mafhum hadis itu juga nenda lunak menerangkan falsafah Pulut Seri Kaya yakni aura kecantikan dalaman terpancar keluar hasil daripada warna putih bergabung dengan sifat bersih dan selamat beras pulut yang sudah terhindar dari pada kandungan racun tersembunyi.

Sambil memasukkan beras pulut tadi ke dalam loyang, nenda mencurahkan satu cawan santan pekat berserta secubit garam lalu dikukus selama 20 minit. Sekali lagi, warna putih dan khasiat santan pula menambah rencah falsafah resipi tradisi ini.

Nah, terbukti betapa santan kelapa mempunyai banyak khasiat dan manfaat kepada kesihatan kerana kajian moden menunjukkan manfaat santan kelapa kepada sistem imunisasi dan penurunan berat badan.



Garam secukup rasa.



Bunga cengklik.



Satu cawan santan pekat.



Sedia untuk dikukus.



Gula melaka yang telah dicairkan dimasukkan ke dalam pulut.



Sedia untuk dikukus sekali lagi.



Kuih siap dikukus.

Hakikatnya, kira-kira 93 peratus daripada kalori santan datang daripada lemak termasuklah lemak tenu *medium-chain triglycerides* (MCTs). Sebab itulah para tentera Wijayamala cantik jelita dan cergas bertenaga serta baik pekertinya sebab mereka sering dijamu makan Pulut Seri Kaya hatta ketika berperang!

Kemurahan hati

Begitulah putih bersihnya nurani Puteri Adruja sentiasa bermurah hati melakukan kebaikan, menyantuni 41 orang anggota pasukan khas Seri Wijayamala terdiri daripada golongan hamba abdi, budak suruhan dan janda muda yang kematian suami di medan perang, berkemahiran dalam ilmu ketenteraan, pandai bermain senjata dan menunggang kuda.

Meskipun sedang diuji ketegangan mendepani perang, mereka tetap diberikan makanan berkhasiat hatta pada waktu darurat. Kebijaksanaan baginda merancang strategi peperangan pada saat genting menjadi buah mulut orang yang mengambil teladan.

Ketinggian martabat

Semasa dara sunti memukul ringan lima biji telur itik dengan tiga kuntum bunga cengklik dan dicampur dengan air manisan tadi untuk menyediakan lapisan atas kuih Pulut Seri Kaya, nenda meneruskan cerita.

Menurut nenda, lapisan atas Seri Kaya ialah citra ketinggian martabat Adruja Wijayamala Singa sebagai satu-satunya puteri dan raja perempuan di Kepulauan Melayu (Nusantara) yang memiliki pasukan perajurit wanita yang diketuainya sendiri.

Sementara warna coklat yang terbit daripada sebatian manisan, telur itik dan cengklik ialah arca keneutralan warna "tanah" bangsa Melayu-Islam sebagaimana kalimat bersemangat titah Puteri Adruja dalam bahasa yang sangat berhemah kepada satrianya; "Beta tidak dapat memberikan harta kepada kalian. Tetapi ingat! Ketika kalian mati, kalian akan syahid kerana mempertahankan agama dan negara. Insya-Allah, kalian dikenang sebagai bunga-bunga suci di medan perang dalam sejarah Grahi."

Hadiah bermakna

Ada juga cerita lisan mengatakan warna coklat dan permukaan kuih itu berkedut-kedut cerminan keduaan Adruja sehingga berkerut wajah tatkala melihat rakyatnya dicabut tentera Sukhothai. Puteri yang kepiluan itu kembali bersemangat setelah menerima seutas tasbih daripada seorang lelaki tua berserban dan bertongkat yang mendoakannya mencapai kemenangan luar biasa dengan izin Allah melalui zikir Ya Jabbar, Ya Qahhar.

Dari situ, Adruja memerintahkan pasukannya melilitkan kepala menutupi seluruh rambut dengan kain hijau seperti serban yang dipakai ayah, suami atau saudara mereka yang pergi berjuang bersama pasukan ayahandanya. Sebaik sahaja Puspa (pembantunya), sempurna melilitkan serban kuning ke

kepala baginda, laungan azan pun berkumandang di atas kota. Dipercayai, suara muazzin itu milik pemberi tasbih. Sebab itulah di negeri Terengganu, sajian ini dikenali sebagai kuih Tok Aji Serban.

Kesamarataan taraf

Apabila pulut masak, nenda menggaul rata sebelum ditekan padat di dalam loyang. Sedikit tepung gandum ditaburkan sebagai perantara wadah untuk menerima curahan bahagian lapisan atas yang ditapis perlahan-lahan melitupi semua permukaan pulut kukus kemudian dikukus semula 30 minit dengan api sederhana.

Setelah kuih sejuk, nenda memotong juadah tradisi untuk hidangan seisi keluarga. Sejurus melihat lapisan putih dan coklat bertingkat saling melekat, nenda mengingatkan inti sari surah al-Hujurat, ayat 13 yang menjelaskan semulia-mulia insan di sisi Allah ialah yang lebih tinggi takwanya, bukan yang lebih tinggi keturunan atau bangsanya. Itulah falsafah kesamarataan status hamba di sisi Tuhan.

Demikianlah falsafah dan ibrah juadah Pulut Seri Kaya, citra kecantikan jiwa pencipta-Nya, Puteri Adruja yang berhemah menyantuni pasukan Seri Wijayamala terpancar keluar aura kebaikan dek keikhlasannya mempertahankan maruah bangsa dan negara demi kedaulatan agama. Keberkatan sifat takwa puteri diraja itulah menyerikan kehidupan seluruh rakyat Seri Indah (Serendah) Sekebun Bunga.■



Penyediaan Pulut Seri Kaya oleh
Siti Khuzaimah Abdullah, Pengkalan Kubor.



PASAR TERAPUNG PENGKALAN DATU DESTINASI SEMAKIN SOHOR KINI

Oleh: Nor Zainah Nordin | Foto: Ahmad Naime Muhammad

Kelantan Darul Naim, sebuah negeri yang cukup tebal nilai budaya sememangnya menjadi destinasi pelancongan domestik mahupun antarabangsa. Begitu unik gaya hidup masyarakat Melayu Kelantan sehingga pasar-pasarnya pun menjadi tumpuan pelancong yang teringin merasai denyut nadi rakyat negeri Cik Siti Wan Kembang ini.

Selalunya, Pasar Siti Khadijah yang terletak di Kota Bharu menjadi tarikan utama pelawat-pelawat yang mahu membeli-belah. Namun, kini satu lagi lokasi menarik dan mengujakan boleh memenuhi itinerari pelancongan di Kelantan iaitu Pasar Terapung, Pengkalan Datu.

Secara khususnya, pasar terapung unik ini terletak di Cerana Villa Resort di Jalan Raja Sakti, Pengkalan Chepa yang mula dibuka pada 9 September 2017 beroperasi pada setiap hari Sabtu dari pukul 8.00 pagi hingga 1.30 petang. Pasar Terapung Pengkalan Datu amat unik kerana barang dijual oleh para peniaga dari atas bot atau perahu yang menyeluruh laluan Sungai Pengkalan Datu sepanjang 500 meter termasuk pasar tani pelancongan.



Legasi sejarah

Sungai Pengkalan Datu mempunyai warisan sejarah yang panjang. Alirannya sejauh 10 kilometer bermula dari muara Pantai Senok di Bachok memanjang sehingga ke Pasir Tumboh.

Sungai ini pernah menjadi pelabuhan utama di Kelantan pada tahun 1605 oleh pedagang dan pembebas dari Pattani, Thailand yang akhirnya bertapak di bumi Kelantan. Ia juga menjadi laluan Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong yang menyusuri sungai ini untuk ke Bukit Marak iaitu salah satu tempat persemayaman baginda.

Secara fitrah, kawasan sungai ini berbentuk muka bumi pesisir sungai dilatari pohon-pohon rendang dan bangunan kediaman yang mencerminkan rupa kedaesan yang unik di Kelantan.

Menjelaskan tujuan pembangunan sistematik kawasan Sungai Pengkalan Datu, Pengurus Persatuan Warisan Lembangan Sungai Pengkalan Datu (Waspada), Mohd Asri Husin menjelaskan bahawa usaha tersebut dibuat bagi mengembalikan sejarah kawasan berkenaan selain membuka jalan untuk menggiatkan ekonomi setempat.

"Biasanya, pasar terapung popular di Thailand dan kita mencontohi konsep tersebut bagi mencetuskan minat masyarakat setempat untuk mengaktifkan kawasan Sungai Pengkalan Datu. Setelah tiga tahun, kami mendapati konsep ini semakin mendapat perhatian dan ia terbukti apabila semakin ramai peniaga menyertainya serta jumlah pengunjung juga bertambah," katanya.



Produk pelancongan

Terkini, elemen keusahawanan yang cuba ditonjolkan oleh pihak Waspasa ialah dengan mempergiatkan aktiviti yang melibatkan komuniti. Aktiviti setempat dijadikan asas produk pelancongan termasuk kaedah menangkap ikan secara tradisional menggunakan bубу, jala, pukat dan lukah. Di samping itu, alat tersebut turut dijual kepada yang berminat.

Rekod mencatatkan, Pasar Terapung Pengkalan Datu kini dikunjungi oleh 500 hingga 800 pengunjung sehari yang mahu menikmati suasana jual beli atas perahu bagi mendapatkan juadah tradisi Kelantan seperti nasi kerabu, nasi berlauk, akok, tepung pelita dan colek.

Tidak hanya terhad kepada aktiviti jual beli di atas sampan, usaha tersusun untuk memajukan kawasan Sungai Pengkalan Datu turut mencambahkan industri pelancongan yang digiatkan oleh komuniti (community-based tourism) di Kelantan.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu, pasar ini ditutup. Manakala pada 27 Mei, aktiviti Restoran Terapung dan River Cruise mula beroperasi semula dan mulai dikunjungi ramai seperti sedia kala. Manakala operasi Pasar Terapung dan Pasar Tani Pelancongan akan mula beroperasi kembali pada 8 Ogos dengan Operasi Prosedur Standard (SOP) normal baharu.

Pakej nilai tambah

Selain membeli-belah, pengunjung juga boleh menikmati pakej nilai tambah persembahan muzik tradisional dan menyusuri Sungai Pengkalan Datu dengan tiket perjalanan bot berjumlah RM5 bagi dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak.

Aktiviti pelayaran menyusuri Sungai Pengkalan Datu sememangnya menawarkan pengalaman yang menarik dengan suasana yang memukau. Bayangkan anda belayar sambil menikmati pemandangan sungai yang indah ditemani hembusan angin yang nyaman.

Menurut Mohd Asri, mereka yang mengikuti pelayaran menyusuri sungai itu akan dapat melihat beberapa lokasi menarik termasuk kawasan tempat menyadap buah nipah serta melihat proses menghasilkan kerabu dan air nira nipah.

“Satu lagi aktiviti menarik ialah mencari lokan di mana pelancong boleh turun ke sungai dan mencari lokan bersama-sama dengan nelayan tempatan,” katanya.

Usaha menaik taraf

Menurut Mohd Asri lagi, banyak kerja menaik taraf dijalankan dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang mengadakan penyelidikan dan kajian bagi memartabatkan warisan, khazanah dan bangsa di sekitar lembangan sungai berkenaan.

Katanya, antara warisan yang masih dijaga termasuk seni silat, rebana ubi, kertok, dikir barat, wau ukir, gasing, mencanting batik, pertandingan ayam berk Kokok dan khazanah rumah lama Cina Peranakan berusia 250 tahun yang masih ada di lembangan Sungai Pengkalan Datu.

"Makanan tradisional yang dijual di Pasar Terapung pulak ialah ubi kayu parut, kerabu nipah, nasi kerabu dan nasi dagang dan beberapa jenis kuih termasuk serabai, akok, lompat tikam dan tepung bungkus selain masakan panas serta ikan bakar yang disediakan di Restoran Cerana Villa," katanya.

Pengunjung boleh menyaksikan pelbagai pameran dan aktiviti kraf tangan yang diadakan di sekitar Pasar Terapung Kota Pengkalan Datu seperti menyobek wau, bermain gasing dan mencanting batik.

Kegiatan sampingan

Kegiatan masa senggang yang sinonim dengan masyarakat Kelantan seperti pertandingan ayam berk Kokok, ayam serama dan sebagainya turut diadakan sebagai tarikan tambahan kepada pelawat-pelawat.

Salah seorang peniaga yang ditemui, Yusof Harun, 63, berkata, beliau mula menjual kuih-muih tradisional Kelantan seperti akok, roti jala dan tepung pelita di Pasar Terapung ini sejak dua tahun lalu.

"Ketika saya mendengar peluang perniagaan di atas sampan ini, saya teruja untuk menyertainya kerana saya suka kan idea tersebut. Ia satu cara bermiaga yang unik sambil mempromosikan pelancongan," katanya.



Pengurus Cerana Villa Resort, Azarishah Ahmad berkata, kehadiran pengunjung ke pasar terapung itu semakin meningkat lebih-lebih lagi setelah promosi strategik yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Tourism Malaysia Kelantan dan Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan (TIC) serta pejabat Kementerian Pelancongan Seni & Budaya Malaysia Negeri Kelantan.

Selain itu, sokongan daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dengan menyediakan kemudahan asas turut membantu meningkatkan kualiti lokasi dan membantu para peniaga.

Beliau berharap, gandingan mantap dan pemuaafatan yang terjalin antara pengusaha, agensi dan masyarakat akan berkekalan kerana ia menjadi nadi yang menjayakan rancangan pelancongan di Sungai Pengkalan Datu.

"Semangat saling membantu menjayakan program yang dirancang selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih banyak produk pelancongan agar prinsip Membangun Bersama Islam yang menjadi hala tuju kerajaan dapat dilihat daripada pelbagai sudut," ujarnya.

Pelancongan komuniti

Usaha menaik taraf kemudahan fizikal dan kualiti kebersihan serta keindahan persekitaran Sungai Pengkalan Datu giat dijalankan bagi tujuan rancangan pelancongan strategik. Industri pelancongan berdasarkan komuniti pasti berjaya dikembangkan.



Program pelancongan komuniti di pasar terapung ini boleh menjadi ruang kepada para remaja untuk mula membina kerjaya mereka di samping meningkatkan pemahaman dan mengasah bakat dalam warisan sejarah, seni budaya dan kraf tangan Kelantan.

Tahun Melawat Kelantan 2020

Bagi memastikan kelangsungan warisan budaya di Sungai Pengkalan Datu dapat dikekalkan, adalah penting untuk melibatkan golongan remaja dan anak muda dalam kegiatan dan program yang diadakan di kawasan tersebut.

Promosi lembangan Sungai Pengkalan Datu yang dijadikan destinasi pelancongan baharu kini sudah dimasukkan dalam kalender acara pelancongan negeri, juga pernah mendapat anugerah pertama "My Kampung My Future" di Kelantan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM 2020), sudah tentu Pasar Terapung Pengkalan Datu dan tari-kar di sekitarnya bakal menghiasi itinerari pengunjung yang melawat ke negeri Kelantan.

Hal inilah yang ditekankan oleh Pengurus Jawatan-kuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan, Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam Ab Rahman yang menyatakan bahawa perkembangan sektor pelancongan dapat dilihat melalui statistik kemaskuan pelancong ke negeri Kelantan.



Menurut data yang dikemas kini pada 7 Januari 2020 oleh TIC, sehingga Disember 2019 jumlah kemasukan pelancong ke Kelantan sebanyak 4,299,910 juta orang merangkumi 3,906,540 pelancong tempatan dan 393,370 pelancong antarabangsa.

Berdasarkan statistik tersebut, keyakinan pihak kerajaan negeri Kelantan dan semua agensinya mampu melonjakkan angka tersebut dengan mengambil pelbagai langkah dan inisiatif ke arah menarik pelancong ke negeri ini amatlah tinggi.

Magnet penarik

Lembangan Sungai Pengkalan Datu yang menyimpan pelbagai kisah dan sejarah sememangnya mampu menjadi lokasi pelancongan utama di negeri Kelantan. Oleh itu, Pasar Terapung, Pengkalan Datu bagaikan magnet penarik yang dijangka peniaganya tidak menang tangan menerima ribuan pengunjung dan pelancong yang terpikat kepada warisan sejarah, kesenian, kebudayaan juga alam malar segar serta kebudayaan tani dan makanan tradisional.

Berdasarkan hasil kaji selidik menerusi Indeks Pelancongan Muslim Global 2019 oleh Mastercard-Crescent, Malaysia kekal di tangga pertama bersama Indonesia sebagai destinasi pelancongan Islam paling popular. Maka, gaya ekopelancongan sebegini diyakini menarik selera pengunjung ke Pasar Terapung ini disebabkan keunikan yang boleh dimanfaatkan secara optimum untuk menjadi antara 10 lokasi pelancongan Islam paling menarik di Malaysia bahkan di dunia.

Oleh itu, kepada sesiapa yang berkunjung ke sini, jangan lupa untuk "snap and post" di laman Facebook, Instagram atau saluran media sosial yang lain dan letak tanda pagar #pasarterapungpengkalndatu agar ia terus menjadi sohor kini! ■

SUHAIL MOHAMED KAMARUDDIN

INSPIRASI GENERASI RABBANI

Oleh: Wan Noor Aziezan Baharuddin

Foto: Koleksi peribadi



Kisah kehebatan golongan Ansar membantu Muhibbin yang berhijrah ke Madinah memang luar biasa. Dalilnya pengiktirafan Allah SWT berkenaan seorang sahabat Rasulullah SAW daripada golongan Ansar yang berusaha memberi layanan terbaik kepada Muhibbin yang kelaparan.

Tuntas, Allah memuji akhlak mulia beliau sehingga peristiwa tersebut dirakam kemas menerusi surah al-Hasyr ayat 9; "dan mereka mengutamakan kepentingan orang-orang Muhibbin daripada kepentingan diri mereka sendiri walaupun mereka dalam kesusahan. Dan barang siapa yang dipelihara kan dari kebakhtilan dirinya, maka merekaalah orang-orang yang beruntung."

Sifat mengutamakan kepentingan orang tetap dimalkan generasi Z hari ini, apatah lagi generasi rabbani.

Generasi digital

Generasi Z ialah golongan *digital natives* yang lahir antara tahun 1995 hingga 2012 selepas Generasi X dan Generasi Y. Mereka dilahirkan pada era penuh cabaran dan terdedah dengan teknologi digital.

Qiadah kali ini menyorot kemilau mutiara mewakili Generasi Z yang gemar berkhidmat membantu masyarakat sekali gus melakar sejarah bergemerlap apabila meraih dua kategori anugerah iaitu Tokoh Belia Negara dan Tokoh Remaja Emas Perdana bagi tahun 2015. Beliau juga telah diiktiraf sebagai Tokoh Belia Wilayah Persekutuan pada tahun yang sama.

Suhail Mohamed Kamaruddin merupakan antara orang Malaysia terawal yang menerima Anugerah Tahap Emas, The Duke of Edinburgh International Award (DOE), London.



Pengasas dan mantan Presiden Malaysia Gold Award Association (MAGAA) - pertubuhan yang menaungi 1045 orang penerima anugerah yang sama di Malaysia - pernah dilantik sebagai pengurus Gold Award International Network (GAIN) di dalam pemilihan di Mauritius yang menaungi semua Alumni penerima Emas DOE di seluruh dunia.

Rebung diligentur elok

Suhail dilahirkan di Guchil, Kuala Krai, Kelantan pada 6 September 1985. Anak sulung daripada sembilan orang adik-beradik mempunyai latar belakang agama yang mampan apabila diantar belajar ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Ugama (Arab) Maahad Darul Anuar (SMUDA) Pulau Melaka, Kelantan. Sekolah yang diasaskan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (mantan Menteri Besar Kelantan dan Mursyidul Am Parti Islam Se-Malaysia) ini terkenal dengan julukan nama "Sekolah Tok Guru" rentetan nama pengasas sekolah tersebut.

Sepanjang belajar di SMUDA, beliau ibarat rebung yang diligentur elok kerana bukan hanya melalui sistem pendidikan formal di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bahkan turut berpeluang menadah kitab mempelajari ilmu Tasawuf di dalam kuliah subuh hampir setiap hari bersama Allahyarham Tok Guru kecuali ketika beliau berada di luar kawasan.

Sikap dan akhlak mulia Suhail sedikit sebanyak hasil daripada keindahan ilmu yang beliau pelajari semasa di SMUDA. Setiap malam Rabu dan Khamis, beliau menadah kitab ilmu Aqidah dan Akhlak dalam kuliah Maghrib di Masjid Pulau Melaka.

Setelah tamat pendidikan peringkat menengah, beliau melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Pembangunan Belia melalui program berkembar di bawah Commonwealth Youth Program (CYP), London. Sekarang beliau sedang menyiapkan pengajian pada peringkat sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan berhasrat menyambung ijazah kedoktoran di universiti luar negara.

Menabur bakti demi agama

Surah al-Maidah ayat 2 menyatakan "dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa, dan janganlah tolong-menolong dalam membuat dosa dan pelanggaran. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat sekannya."

Kalam Allah SWT ini memotivasi Suhail bekerja keras membantu rakyat negeri Kelantan berhadapan ujian bah kuning pada akhir tahun 2014. Banjir besar melibatkan kerugian infrastruktur dan aset awam hampir RM200 juta, tidak termasuk kerugian yang dialami perniagaan dan orang persendirian ini menunjukkan skala kemusnahan terbesar di kebanyakan daerah berhampiran Sungai Kelantan. Tsunami kecil tersebut menyebabkan rakyat terputus bantuan keperluan asas di samping rumah turut musnah dan beralih tempat.

Berbekalkan semangat tegar dan dibantu oleh segala kemudahan teknologi yang ada, Suhail berjaya menggerakkan 10,000 orang sukarelawan ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang bagi membantu pihak tentera menyusun barang bantuan untuk diterbangkan ke kawasan banjir. Beliau juga turut menghantar 300 sukarelawan menggunakan 8 buah bas bagi membantu mangsa banjir di Kelantan.



"Penyusunan makanan, ubat-ubatan dan minyak masak adalah tugas yang sangat mendesak pada ketika itu kerana ia perlu segera sampai kepada mangsa yang terputus hubungan akibat jalan darat dinaiki air. Penggunaan pesawat milik TUDM mustahak dengan bantuan yang diberikan oleh para sukarelawan, jumlah penerbangan untuk menghantar bantuan telah meningkat daripada empat penerbangan kepada 12 penerbangan sehari", ujar sukarelawan tetap Zoo Negara itu penuh iltizam.

Sumber inspirasi

Menurut bapa kepada tiga cahaya mata ini, pendorong utama beliau terlibat aktif dengan aktiviti kesukarelawanan ini adalah bapanya sendiri. Kerja-kerja kebajikan yang dijalankan bapa beliau menjadi pemangkin tarbiah awal untuk beliau aktif dalam aktiviti kesukarelawanan. Selain itu, nasihat daripada guru beliau seperti Ustaz Nasruddin Mahmud Muhaidin dan Cikgu Masalini semasa di SMUDA menjadi antara azimat pendorong beliau terus maju dan bersungguh-sungguh dalam kerja kesukarelawanan dan pembangunan belia.



Pesan Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff, ahli Parlimen Rantau Panjang yang juga Timbalan Menteri Wanita dan Keluarga (sahabat baik ibunya) ketika beliau masih kecil iaitu sentiasa ikhlaskan hati dalam memberi bantuan kerana dalam keikhlasan tersebut akan hadir pertolongan Allah tanpa disangka sentiasa segar di ingatan.

Suhail mengakui, kata-kata keramat ini menjadi pennguat semangat apabila beliau berada dalam situasi kritis atau pun kemampuannya untuk memberi bantuan kepada masyarakat sangat terhad. Walau bagaimanapun, pengalaman 12 tahun sebagai sukarelawan telah mematangkan beliau menyelesaikan permasalahan dengan kaedah berhikmah.

Kepuasan paling bermakna bagi Suhail setiap kali menjalankan kerja-kerja kesukarelawan, apabila beliau dapat mempraktikkan mafhum hadis Rasulullah SAW bahawa "sebaik-baik manusia ialah yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia". Itulah motivasi sebenar yang sentiasa beliau berikan pada sukarelawan yang lain.



Jurulatih pembangunan insan

Kebolehan membentuk keperibadian yang bertanggungjawab, profesional dan berakhlik adalah kejayaan terbesar buat Suhail semasa mengendalikan program latihan kepada masyarakat.

Pengalaman melatih lebih 100,000 orang daripada pelbagai latar belakang dan organisasi berbeza serta kerencaman program telah memberikan beliau peluang menimba banyak ilmu baharu mengenai sikap manusia dan organisasi yang pelbagai.



Antara klien beliau yang menjadi peserta dalam latihan pembangunan manusia adalah golongan profesional seperti doktor, guru, jurutera, pegawai tadbir diplomatik (PTD), pegawai penjara, warga pelantar minyak dan gas, setiausaha hakim, pegawai ketenteraan, para pegawai kerajaan pelbagai gred dari pelbagai kementerian, ibu bapa, mahasiswa, pelajar termasuklah pesalah juvana dan penghuni pusat pemuliharan akhlak dan ramai lagi.

Pengalaman unik dan berbeza ketika mengendalikan sesi latihan telah berjaya membangunkan jiwa besar pencorak keperibadian Suhail. Memilih profesyen sebagai Jurulatih Pembangunan Manusia Profesional telah membuka ruang dan peluang kepada Suhail untuk menyeru dan mengajak peserta program beliau kepada Islam sebagai agama yang membawa kesejahteraan sejagat. Di samping itu, beliau berjaya membawa mereka supaya berfikir tentang pandangan Islam sebagai satu cara hidup.



Penglibatan peringkat antarabangsa

Pengalaman berharga di dalam hidup Suhail adalah mewakili negara ke pelbagai program peringkat antarabangsa. Sehingga hari ini, beliau telah diberi rezeki oleh Allah SWT untuk menjelajah 23 buah negara bagi melihat keindahan ciptaan Allah SWT, demografi masyarakat dan geopolitik setiap kawasan untuk diambil sebagai pengajaran dan iktibar dalam menghadapi hari-hari mendatang.

Pada usia 25 tahun, beliau telah terpilih untuk mewakili Malaysia dalam Program Ship for Southeast Asian and Japanese Youth Program (SSEAYP) setelah melalui proses saringan ketat. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Kontinjen Malaysia yang berpeluang berkunjung ziarah ke rumah Perdana Menteri Jepun, Yokio Hatoyama dan ke istana Puteri Maharaja Jepun, Puteri Akishino. Beliau bijak mengambil peluang beramah mesra dan membincangkan hal-hal yang berkaitan pembangunan belia serta kepentingannya kepada dunia.

Beliau turut berkesempatan bertemu Perdana Menteri Thailand, Abhisit Vejjajiva dan beberapa menteri kabinet ASEAN sepanjang dua bulan program berkenaan.

Selaku penerima Anugerah Tahap Emas, The Duke of Edinburgh International Award, London, beliau telah dipilih oleh kerajaan Malaysia untuk mewakili negara ini ke Korea buat kali kedua selepas menyertai UNESCO Asian Youth Forum pada tahun 2011 dan 2014.

Kunjungan beliau ke Korea untuk menyertai Program International Gold Event serentak dengan beliau menerima penghormatan untuk membentangkan dua kertas cadangan berkaitan pembangunan Baeksa Village, Seoul dan juga Daejon Cultural and Education Centre di hadapan Prince Edward yang merupakan Pengerusi International Award Foundation.



Lebih membanggakan, beliau dikurniakan rezeki berpengalaman berkunjung ke rumah tokoh ulama dunia, Sheikh Dr. Yusuf Al-Qardhawi dan pemimpin tertinggi Hamas, Sheikh Khalid Mashal di Qatar. Beliau juga berpeluang menyampaikan ucapan di Dewan Utama Marlborough House, London (istana yang dihadiahkan oleh Queen Elizabeth II kepada pihak Commonwealth Secretariat).

Pada tahun 2014, beliau juga turut mewakili Malaysia di dalam pertemuan bersama Presiden China, Xi Jinping sempena sambutan 40 tahun hubungan Diplomatik Malaysia dan China. Pertemuan tersebut telah membuka minda beliau mengenai hubungan ekonomi dan politik antarabangsa.

Ikon generasi rabbani

Mengamati biografi tokoh pilihan Qiadah kali ini jelas kelihatan ciri-ciri generasi rabbani terdapat pada Suhail. Dalilnya dirujuk kepada kitab Tahdzib Al-Lughah (14/225) karya Al-Azhari, ahli bahasa Arab (meninggal 370H) yang memperincikan definisi rabbani sebagai sifat keunggulan peribadi yang bersepadu antara kapasiti ilmu, pembuktian amal, dan pengajaran ilmu.

Tidak keterlaluan dinyatakan bahawa tiga komponen ini wujud pada diri Suhail Mohamed Kamaruddin sekali gus memenuhi syarat dan konsekuensi seseorang yang layak disebut rabbani. Semoga anak muda Kelantan ini istiqamah menggabungkan tiga karakter kerabbanian yang mampu dengan lebih sempurna dan menjadi inspirasi kepada generasi rabbani akan datang. ■



DIGITAL MARKETING

Mastery

Exclusive by Fahdi Ghazali

FunnelEvo™

Oleh: A. Ubaidillah Alias

FunnelEvo™

Sdn. Bhd.

Jenama tempatan, jaringan antarabangsa

"Pagi!" Tagline dipopularkan oleh pengasas Funnel-Evo, Mohd Fahdi Mohd Ghazali (Fahdi Ghazali), anak sulung daripada empat adik-beradik yang berasal dari Pasir Puteh, Kelantan. Carian di Google menggunakan kata kunci "cara hasilkan copywriting" akan menemukan pelayar Internet dengan perkongsian bermanfaat daripada pemuda yang berwawasan dan berjiwa besar ini. Kepada pembaca yang berminat untuk mengenali atau mengikuti perkembangan semasa beliau dan pasukannya, boleh melayari Facebook dan YouTube beliau.

Latar Belakang

**"Kalau nak buat sesuatu, buat sungguh-sungguh!
Tak nak buat, tak payah buat!"**

Ungkapan ini sinonim dengan Fahdi Ghazali dan akan sering diulang sebut ketika berbicara dengan beliau. Beliau percaya, usaha keras, tidak mudah putus asa, dan paling penting berserah kepada Allah adalah resipi kejayaan.

Mantan pelajar Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra yang kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Teknologi Petronas dalam bidang kejuruteraan Kimia selesa menetap di Kelantan meskipun pernah bekerja sebagai jurutera di Proton, Shah Alam.

Ayah kepada tiga orang anak ini mula menceburi perniagaan dalam talian secara kecil-kecilan seawal tahun 2008 ketika masih belajar di Universiti Teknologi Petronas. Ketika itu, kebanyakan produk dan servis yang beliau tawarkan dipasarkan ke empat negara utama iaitu Amerika Syarikat (USA), United Kingdom (UK), Canada dan Australia. Medium permasaran yang digunakan ketika itu adalah 100 peratus menggunakan pemasaran dalam talian seperti Google.

Serius berniaga

Pada tahun 2010, selepas menamatkan pengajian di universiti, beliau mula terlibat dengan dunia keusahawanan secara serius. Manakala pada tahun 2012, beliau pulang ke Kelantan untuk menubuhkan syarikat sendiri yang memfokuskan perniagaan dalam talian.

Beliau percaya, negeri Kelantan perlu dibantu terutama dalam mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyatnya dan tidak hanya dengan bayaran gaji yang biasa-biasa, tetapi dengan gaji yang sama atau lebih tinggi dengan mereka yang bekerja di bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang.

"Semua ini boleh dicapai dengan perniagaan secara online. Walaupun dari Kelantan, perniagaan boleh sampai ke mana sahaja di dunia ini asalkan mempunyai talian Internet", ujarnya penuh yakin.

Berbekalkan semangat dan keyakinan itulah beliau jadikan batu loncatan untuk mencapai tahap yang lebih tinggi dalam perniagaan.

Cabarani perniagaan

Pada permulaan perniagaan, syarikat beliau melakukan pelbagai perniagaan seperti produk kecantikan, produk penjagaan rumah, produk kesihatan dan khidmat perundingan hartanah. Malangnya lumrah dunia perniagaan ada pasang surutnya. Waktu perniagaan sedang meningkat, sememangnya beliau begitu teruja dan bersemangat, sehingga pada tahun 2015 cabaran besar perniagaan menguji beliau.

Jualan merudum akibat daripada pelaksanaan cukai baharu oleh kerajaan. Ramai usahawan mengeluh akibat perubahan yang berlaku terhadap harga barang dan sebagainya. Keadaan kewangan syarikat beliau ketika itu amat tenat sehingga baki di dalam bank hanya cukup menampung bayaran sebulan gaji para pekerja pada ketika itu.

Berpandukan pengalaman yang ada, beliau dapat fokus kepada masalah tidak memberi sebarang



faedah tetapi fokus kepada penyelesaian itulah yang bermanfaat. Alhamdulillah, Allah membuka ilham beliau merangka semula strategi pemasaran melalui dalam talian dan pangkalan data sehingga berjaya bangkit semula.

Episod kejatuhan lalu banyak memberi pengajaran dan daripada pengalaman itu, beliau terpanggil untuk berkongsi pengalaman dan ilmu kepada para usahawan di Malaysia.

Penubuhan FunnelEvo

“Kamu akan berdosa jika kamu tidak berkongsi ilmu yang kamu ada kepada orang di luar sana!”, tegas mentor kepada Fahdi Ghazali ketika membimbing beliau.

Itulah kata-kata yang menyebabkan beliau bersemangat untuk berkongsi ilmu pemasaran dengan para usahawan di seluruh Malaysia dan luar negara. Maka, beliau menubuhkan jenama FunnelEvo yang dimiliki oleh syarikat beliau sendiri iaitu Sifoo International Sdn. Bhd.

Misi FunnelEvo adalah untuk membantu lebih ramai peniaga memasarkan produk atau perkhidmatan di dalam talian dengan menggunakan sistem *funnel*. Seminar pertama beliau bermula pada tahun 2016 yang dihadiri 50 orang peserta sahaja. Ketika itu FunnelEvo berkongsi mengenai *Online Marketing* kerana pada tahun itu perniagaan secara dalam talian sedang rancak di Malaysia.

Rekod syarikat mencatatkan sudah 100,000 usahawan mendapat manfaat daripada perkongsian ilmu tentang pemasaran di Internet melalui sesi seminar dan webinar anjuran FunnelEvo sehingga tahun 2018. Maka, Fahdi Ghazali sudah bulatkan tekad untuk membantu lebih ramai usahawan di luar sana. Tambah bersemangat apabila FunnelEvo sudah membantu ramai usahawan meningkatkan pendapatan dari enam hingga tujuh angka bercogan kata “Lawan Tetap Lawan!”

Sistem *Funnel*

Fahdi Ghazali tersenari antara usahawan dalam talian yang pertama memperkenalkan seminar sistem *funnel* bagi membantu lebih ramai peniaga memasarkan produk atau perkhidmatan secara maya dengan menggunakan sistem *Funnel* dan *Integrated Online Marketing*.

Sistem *funnel* bukan memfokuskan pemasaran satu dimensi sahaja (dalam kes di Malaysia, hanya fokus kepada pemasaran Facebook), tetapi menggunakan pakai konsep integrasi harmoni antara Facebook, Google, Website dan *Email Marketing*. Konsep ini adalah konsep pemasaran dalam talian alaf baru yang pasti memberi impak besar kepada mereka yang menggunakanannya.

Maknanya, misi Fahdi Ghazali supaya para peniaga di Malaysia bergerak dengan mengaplikasikan *integrated online marketing* (menggunakan semua saluran pemasaran dalam talian) untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

“90 peratus perniagaan gagal pada dua tahun pertama beroperasi dan banyak perniagaan terpaksa gulung tikar hanya beberapa tahun selepas dimulakan. 95 peratus punca kegagalan disebabkan ilmu yang cetek tentang ilmu pemasaran produk”, ujar Fahdi Ghazali.

Perkhidmatan latihan

FunnelEvo menyediakan perkhidmatan latihan, kursus dan konsultansi kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam meningkatkan kempen pemasaran, hasil jualan dan imej (branding) dengan menggunakan platform *digital marketing*.

Selain itu, FunnelEvo juga menyediakan perkhidmatan servis pemasaran, website dan software kepada agensi-agensi yang memerlukan kepakaran mereka.

Nasihat kepada usahawan

Bagi Fahdi Ghazali, perkara pertama harus ada dalam setiap diri usahawan adalah minat. Minat ini akan menjadi pembakar semangat untuk kita memberikan yang terbaik dalam apa jua perkara yang kita lakukan sekali gus membina jenama tempatan dengan jaringan berstandard piawaian antarabangsa.

Usahawan mestilah berilmu kerana tidak wajar kita mencebur sesuatu bidang perniagaan tanpa tahu selok-belok dunia niaga. Apatah lagi berkecimpung di dalam medan keusahawanan sekarang sambil lewa dek terikut-ikut oleh apa yang dilakukan orang lain ataupun hanya memikirkan keuntungan sahaja.

"Usahawan mesti menumpukan perhatian kepada aliran tunai yang sering kali dipandang remeh oleh para usahawan muda kerana terlalu ghairah menumpukan perhatian kepada keuntungan sahaja. Harus diingat bahawa aliran tunai inilah akan memastikan kestabilan dan kekalnya sebuah syarikat itu," nasihat beliau.

Mengakhiri sembang santai, pemilik FunnelEvo Academy yang beribu pejabat di Bandar Baru Kubang Kerian, Kelantan dan memiliki cawangan di Kota Damansara ini sentiasa mengingatkan diri beliau dan para usahawan bahawa setiap usaha yang kita lakukan hanya akan berjaya dengan izin Allah SWT.

Jadi secara tidak langsung, kita harus menganggap bahawa Allah SWT sebagai majikan dan rakan kongsi kita yang kekal abadi. Sebagai rakan kongsi pula, kita seharusnya berkongsi pulangan yang diterima dengan sewajarnya bersama pihak lain yang ada hak rezekinya di dalam rezeki yang kita nikmati. ■



PAKAR PERUBATAN AN-NISA'



**PAKEJ PEMBEDAHAN
AV FISTULA** **RM 2,500**
*Tertakluk kepada prosedur

PAKEJ TERMASUK

- >PENDAFTARAN
- >PROSEDUR PEMBEDAHAN OLEH DOKTOR PAKAR
- >UBATAN (UNTUK DIBAWA PULANG)

**KLINIK PAKAR
PEMBEDAHAN AM
AHAD (9 PAGI-1 PETANG)**

KKLIU1515/2020

SEBARANG MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

09-741 4444 / 741 4447 **011-1072 1484**



annisa.com.my

infoannisa.hostcare@gmail.com



[pusat perubatan annisa](#)



09-741 4443



فَرِیداننٰ حکما جو ان اقتصاد نگری کلنٹن
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



*“Penggerak
Pembangunan
Ummah”*

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.



Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.



www.pkink.gov.my



Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan



pkink@pkink.gov.my



Tel : 09-7414141



Faks : 09-7414140

PUSAT BIMBINGAN AS-SYUBBAN

20 tahun dipersada hati rakyat Kelantan

Oleh: Muhna Abdullah



As-Syubban bermaksud pemuda atau kepemudaan dan ia sinonim dengan kebangkitan sesuatu bangsa sebagaimana yang disebut dalam peribahasa Arab iaitu **شباب اليوم رجال الغد**

"Anak muda hari ini adalah bakal pemimpin pada masa akan datang". Inilah yang menjadi asas kepada penubuhan As-Syubban 20 tahun yang lalu sebagaimana azam pengasasnya iaitu Ustaz Zamri Zahari.

Graduan Universiti Al-Azhar, Mesir dengan pengajian Ijazah Bahasa Arab ini merupakan anak kelahiran Kampung Aur, Telong, Bachok. Beliau telah terlibat dalam dunia pendidikan hampir 25 tahun dan sekarang menetap di Pasir Mas, Kelantan.

"Kecintaan saya dalam Bahasa Arab telah membawa saya ke Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir. Kesibukan Kota Kaherah tidak meletihkan saya dalam menuntut ilmu. Segala pahit manis saya tempuh semasa berada diperantauan dengan suatu tekad untuk membawa butir-butir mutiara ilmu kepada anak bangsa". Telahnya ketika ditanyakan berkaitan asas penubuhan As-Syubban.

Dengan minat yang mendalam dan keyakinan bahawa ilmu yang ada perlu disampaikan kepada anak bangsa, beliau telah menubuhkan Pusat Pengajian As-Syubban. Bilangan kakitangan dan tenaga pengajar seramai 20 orang bertugas mengikuti sesi yang dipilih. Manakala pemantauan dibuat secara bertulis berdasarkan laporan yang akan dibuat oleh wakil pengurus setiap cawangan.

"Semuanya mesti akur kepada satu peraturan. Tambahan pula kami akan adakan usrah dan bermesyuarat sekali dalam sebulan bagi mengekalkan kesatuan antara semua tenaga pengajar As-Syubban dan sayalah naqib (ketua)", jelas beliau menceritakan ketetapan beliau dalam menguruskan As-Syubban.

Berkat kesabaran dan kesungguhan untuk mendidik, As-Syubban kini membesar dengan empat cawangan di tiga daerah. Kini usia As-Syubban sudah menginjak 20 tahun dengan jumlah pelajar melebihi 300 orang daripada pelbagai peringkat umur.

Pusat Bimbingan As-Syubban, Pasir Mas

Cawangan pertama yang ditubuhkan pada tahun 2000 di Kampung Danga, Pasir Mas kini mempunyai 100 orang pelajar dan diletakkan di bawah seliaan Ustazah Nazsriah Zahari yang dibantu oleh enam orang tenaga pengajar lain.

Dengan keyakinan bahawa pembentukan awal kanak-kanak bermula seawal usia tiga hingga empat tahun, Ustaz Zamri percaya adalah sangat penting anak-anak dididik dengan roh Islam seawal usia kecil bagi melahirkan remaja dan pemuda yang mengungguli zaman akan datang.

Lahirnya As-Syubban yang pertama adalah hasil cetusan idea dengan melihat keperluan semasa pada masa itu, terutamanya rungutan ibu bapa akan keperluan untuk mewujudkan kelas-kelas pengajian al-Quran.

"Atas faktor pengajian al-Quran yang dilihat sebagai kelompongan pendidikan yang perlu diisi, As-Syubban memulakan langkah dengan kelas pengajian al-Quran dan fardhu ain sebagai mengisi kekosongan dan kekurangan para guru al-Quran di taman-taman perumahan bahkan juga tidak terkecuali di kampung-kampung", jelas beliau.



As-Syubban, Pasir Mas.

Dengan bermodalkan silibus dan simpanan yang ada, tugas As-Syubban pertama ditubuhkan dengan yuran munasabah antara RM70 hingga RM230 mengikut jenis pengajian dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Pusat yang beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga 9.30 malam ini menawarkan sesi pembelajaran asas pendidikan untuk kanak-kanak dan asas pengajian Qiraati dan fardu ain. Malah, asas pengajian Bahasa Arab untuk tingkatan satu dan dua juga diwujudkan bagi memenuhi keperluan semasa.

"Saya rangka silibus berpandukan pengalaman dalam bidang pendidikan dengan membukukan sukanan tersebut dalam satu buku. Ia meliputi subjek tauhid, fiqah, tajwid, akhlak dan sirah, selain al-Quran sebagai teras pengajian. Melalui silibus ini, anak-anak As-Syubban akan diuji dalam bentuk ujian sebulan sekali bagi memastikan pelajar dapat faham, ingat dan amalkan dengan baik", tambah beliau lagi.

Pusat Bimbingan As-Syubban, Telipot

Melalui pendekatan yang sama, As-Syubban cawangan kedua ini diwujudkan di Taman Hilal, Telipot (hadapan Majlis Sukan Negeri Kelantan) pada tahun 2003. Pusat ini beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga 9.30 malam dengan pelbagai pengajian dan perkhidmatan ditawarkan.

Dengan mensasarkan ibu bapa bekerja, tugas ini diwujudkan sebagai pusat asuhan dan tadika, malah turut menerima pelajar-pelajar transit berumur antara tiga hingga 12 tahun dari sekolah rendah berdekatan pada sebelah petang bagi mengikuti pengajian al-Quran dan qiraati sementara menunggu ibu bapa mereka pulang bekerja pada lewat petang. Lokasi yang sangat strategik di tepi jalan utama ini memudahkan ibu bapa untuk mengantar anak-anak mereka.

Yuran yang dikenakan ialah dari RM70 hingga RM230 mengikut kategori pengajian dan perkhidmatan yang disediakan. Cawangan ini diuruskan oleh Ustazah Nor Fatihah Mohd Zain dengan tenaga pengajar seramai lima orang bagi menguruskan hampir 70 orang pelajar.

Pusat ini turut menyediakan pengajian Bahasa Arab bagi membolehkan pelajar memahami ayat al-Quran melalui program Pengukuhan Bahasa Arab untuk remaja dengan jadual anjal mengikut kesesuaian pelajar dan guru.

Beliau percaya bahawa anak-anak bukan sahaja perlu diajar dengan ilmu pengetahuan tetapi perlu dididik dengan akhlak terpuji. Gabungan nilai pengajaran dan pendidikan inilah yang menjadikan beliau terus melakar kejayaan dengan penerusan As-Syubban sebagai sebuah pusat pengajian yang mementingkan nilai sepakat duniaawi dan ukhrawi sehingga ke hari ini.

"Saya amat yakin bahawa nilai pengajaran yang membawa anak-anak mengenal Allah SWT dengan ilmu-ilmu seimbang tauhid, fiqah dan akhlak akan menjamin keseimbangan dalam perkembangan kehidupan," telah beliau menjelaskan hasrat yang terbuku.



As-Syubban, Telipot



As-Syubban Consultant Cabang 3, Pengkalan Chepa

As-Syubban meneruskan agenda pendidikan dengan lebih besar melalui penubuhan As-Syubban Consultant Cabang 3, Pengkalan Chepa pada tahun 2015. Pusat bimbingan ini diuruskan oleh Ustazah Nor Syaiba Hassan dengan bantuan empat orang tenaga pengajar. Ketika ini sejumlah 70 orang pelajar sedang mengikuti kelas pengajian dengan jurang usia yang agak besar iaitu dari umur tiga tahun hingga 70 tahun. Di sinilah kelas dewasa pengajian Bahasa Arab diperkenalkan dan masih dalam peringkat percubaan.

Pusat ini beroperasi dari pukul 8.00 pagi hingga 9.30 malam seperti pusat-pusat yang lain. Malah yuran yang ditetapkan juga hampir sama iaitu bermula dari RM70 hingga RM230 mengikut kategori perkhidmatan yang ditawarkan.

Semua cawangan As-Syubban terikat dengan satu silibus pendidikan yang disusun dengan sentuhan Ustaz Zamri sendiri. Dengan itu, tiada perbezaan ketara di antara cawangan As-Syubban.

Walaupun silibus As-Syubban hampir sama, tetapi melalui peningkatan silibus yang diperbaharui mengikut keperluan semasa, termasuk pendekatan baharu memperkenalkan kelas pengukuhan Bahasa Arab tanpa

As-Syubban Consultant Cabang 3, Pengkalan Chepa



mengikut tahap umur, As-Syubban Consultant diwujudkan ke arah kerangka pendidikan yang lebih besar.

As-Syubban Consultant, Pengkalan Chepa adalah pusat rintis yang dijadikan percubaan untuk kewujudan sebuah pusat pendidikan pelbagai peringkat tanpa meninggalkan pengajian al-Quran dan memasukkan elemen pengajian Bahasa Arab.

“Saya percaya pelbagai lapisan umur di luar sana yang mahu mendalami pengajian Bahasa al-Quran. Ia boleh jadi sekumpulan pelajar atau makcik dan pakcik yang mahu mendalami al-Quran melalui pemahaman Bahasa Arab dengan lebih baik,” kata beliau.

Idea mewujudkan sebuah konsultan yang memberikan penekanan pengajian Bahasa Arab kepada masyarakat adalah janaan keazaman yang bukan mudah. Ia pastinya memerlukan kesungguhan dan kewajaran dalam menfleksibelkan masa yang ada bagi keselesaan semua pihak.

Pusat ini turut menyediakan khidmat rumah tumpangan dengan kemudahan selesa berkapasiti tiga bilik. Walau bagaimanapun, khidmat rumah tumpangan ini hanyalah bersifat tempelan.



Persada hati rakyat Kelantan

Apabila ditanya tentang perancangan masa hadapan, beliau tetap ampuh mahu menjadikan As-Syubban sebagai pemangkin kepada pusat tarbiah dan pengajian yang dapat melahirkan generasi yang baik dan mampu membawa kebaikan kepada ummah pada masa akan datang. Ini bersesuaian dengan visi dan misi As Syubban iaitu "Ke arah melahirkan generasi soleh, dan *muslih*".

"Jika diberi kekuatan dan kemudahan oleh Allah SWT, As-Syubban akan dikembangkan sebagai pusat pengajian berkoncep pondok yang memberi penekanan kepada penguasaan Bahasa Arab sebelum para pelajar meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Inilah impian saya untuk mengasimilasikan antara pengajian Bahasa Arab dengan sistem pengajian pondok," jelas Ustaz Zamri bersungguh.

Sememangnya kepakaran beliau dalam Bahasa Arab menjadi kelebihan dalam membawa As-Syubban mengikut rentak tari beliau sendiri. Sentuhan pendidikan yang disusun dari air tangan beliau sendiri ditam-

bah dengan pengetahuan berkaitan dengan sistem pengajian pondok yang ikonik dan unik di negeri Serambi Mekah ini.

"Kelemahan Bahasa Arab dalam kalangan masyarakat hari ini terutama pengajian Islam perlu ditingkatkan, dan pada masa yang sama As-Syubban adalah pusat pengajian yang sesuai untuk mengambil tanggungjawab tersebut dengan kudrat yang ada." Tegas Ustaz Zamri sebagaimana dikenali bekas pelajarnya, tegas dalam lembut.

Suami kepada Ustazah Noraini Binti Mohammad, guru agama di Maahad Muhammadi Pasir Mas ini juga mempunyai kesungguhan untuk meyakinkan masyarakat dengan kemampuan yang ada dalam menyediakan pelan pendidikan yang sistematik dan tersusun.

"Isteri saya adalah pembantu yang menjadi tongkat serandang kepada perjuangan saya ini disamping tenaga pengajar yang ada. Saya bermula dari sifar dan jatuh bangun saya dalam bidang ini, sokongan kuatnya adalah bermula dengan isteri dan keluarga," jelas beliau ketika disoal berkaitan sokongan yang menguatkan beliau. ■



Ustaz Zamri Zahari bersama anak-anak As-Syubban.

SABRI YUNUS

SENIMAN YANG MAHU DIKENANG SEBAGAI PEJUANG

Oleh: Nor Zainah Nordin
Foto: Ahmad Naime & koleksi peribadi



Siapakah peminat drama dan filem Melayu yang tidak kenal akan penggiat seni yang popular dengan nama Sabri Yunus?

Berusia 59 tahun, lahir di Kampung Landak, Pengkalan Chepa, Kelantan dan anak ketiga daripada tujuh adik-beradik kepada ketua kampung Landak ini mula memesraai pentas pertunjukan ketika darjah enam kemudian menceburi dunia lawak jenaka ketika di tingkatan satu dan dua apabila beliau dinobatkan sebagai juara pertandingan Bakat Sekolah mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.

Sebelum aktif berteater di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Sabri terlebih dahulu mengasah bakat sebagai pengarah bermula di tingkatan enam lagi. Ketika sambutan ulang tahun sekolahnya, tanpa sebarang pengalaman mengarah, beliau mengambil skrip teater Mayat daripada majalah Dewan Sastera untuk dipentaskan, sayangnya tidak kesampaian kerana kawannya menarik diri.

Terbukti rezeki tidak pernah tersilap alamat kerana kini, nama Sabri tidak perlu diperkenalkan lagi. Seniman serba boleh ini amat popular sebagai pelakon, pelawak, pengarah dan pengacara yang kadang-kala diundang khas sebagai tukang karut atau jogho untuk berdikir barat. Dikenali dengan lakonan berunsur komedi dan lawak jenaka seperti watak Pok Ya Cong Codei atau Wae Ismail Golok – Sabri sebenarnya lebih serius, seserius riak wajahnya kala mengelamun, tenggelam dalam fikirannya sendiri.

Temu bual wartawan Qiadah bersama beliau secara digital ketara menyerlahkan karakter seriusnya menerusi jawapan-jawapan beliau kepada soalan-soalan yang menyentuh pelbagai aspek pengalamannya dalam bidang seni lakonan, pengarahan, dan perfilman.

QIADAH: Boleh tuan ceritakan sejarah awal penglibatan tuan dalam lakonan dan pengarahan?

SABRI: Saya mula berlakon pentas pada tahun 1984 melalui teater "Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman" karya Johan Jaaffar yang diadaptasi daripada novel dengan tajuk yang sama karya SN Anwar Ridhwan.

Kemudiannya saya mendapat peluang muncul di televisyen. Drama TV pertama saya berjudul "Remang di Lorong Tua". Skrip teater tersebut memenangi anugerah Esso Gapena. Saya pernah mengarah teater ini pada malam meraikan kemenangan penulisnya, Othman Haji Zainudin; dan beliau juga yang mengarah naskhah ini untuk drama TV.

Hanya pada tahun 2010, baharulah saya mula mengarah drama TV. Itu pun secara kebetulan apabila syarikat produksi baharu yang percaya akan cerita saya, "Sanggul Beracun". Alhamdulilah drama itu dipilih memenangi empat kategori hadiah utama Anugerah Skrin 2011. Begitulah bermulanya sejarah penglibatan saya dalam dunia seni lakonan ini.

QIADAH: Apakah visi dan misi tuan dalam kerjaya seni?

SABRI: Saya ingin melaksanakan sahaja. Saya mahu berkongsi dengan masyarakat apa yang patut dikongsi. Apa yang saya rasa tidak patut untuk saya kongsi, tidak perlulah saya buat.

QIADAH: Boleh tuan ceritakan bagaimana tercetusnya idea Pok Ya Cong Codei?

SABRI: Saya sudah lama mengumpul kisah-kisah benar yang berlaku di sekeliling saya. (Dalam cerita Pok Ya Cong Codei), hanya watak Pok Ya Cong Codei itu sahaja yang tidak benar dalam penceritaan ini. Itu cara gurauan orang kita sejak wujudnya hotel itu. Saya hanya mahu menulis tentang manusia yang "manusia", ada kelebihan dan kelemahan.

QIADAH: Sepanjang tuan bergiat dalam seni lakon pentas, drama dan filem, sudah berapa banyak karya arahan tuan dan berapa jumlah drama/filem lakonan tuan?

SABRI: Sepanjang sembilan tahun saya mengarah, saya telah melahirkan kira-kira 30 telemovie, empat drama bersiri dan dua filem. Hanya lima daripada kesemua naskhah itu adalah daripada hasil penulis lain tetapi saya terlibat secara langsung dalam membuat olahannya.

Bilangan drama saya tidak ingat; saya telah bermula sejak tahun 1980-an lagi. Siri sitkom pun banyak. Bagaimanapun, filem lakonan saya lebih kurang dalam 10 buah sahaja. Saya mula berlakon pada tahun 1990 melalui filem "Driving School" manakala pada tahun 1992, saya terlibat sebagai pengarah seni untuk filem "Wanita Bertudung Hitam" arahan Dr. Mahadi J. Murat dan saya turut berlakon. Filem ini adalah antara pendedahan paling baik pernah saya terlibat di dalam produksi filem. Untuk filem "Jogho" saya diberi

peluang untuk mengawal selia dialog, ini juga memberi ruang kepada saya belajar lebih jauh dalam dunia perfileman.

QIADAH: Tuan banyak memilih untuk melakonkan watak komedi berdialek Kelantan seperti di dalam Pi Mai Pi Mai Tang Tu, Pok Ya Cong Codei, dan beberapa karya lain. Kenapa tuan berbuat demikian?

SABRI: Nombor satu, saya memilih untuk berlakon dengan watak yang berdialek Kelantan kerana kepercayaan saya pada keistimewaan loghat kita. Medium televisyen atau TV adalah besar dan luas. Nombor dua, saya percaya pada pendapat yang menyatakan bahawa menjadikan kelemahan itu sebagai kekuatan yang terbaik. Nombor tiga, ada perjuangan yang kita perlukan ramai pengikut; ada perjuangan yang kita perlu perjuangkan sendirian. Kemudiannya baharulah akan menyusul sokongan, dan pada saya, (dalam soal menonjolkan budaya Kelantan) saya berjaya melakukannya.

QIADAH: Bagaimana dengan pencapaian tuan dari segi anugerah atau hadiah serta pengiktirafan dalam bidang ini?

SABRI: Oh... Alhamdulillah, ada juga hadiah dan anugerah yang saya terima. Saya pernah enam kali dipilih sebagai penerima Anugerah Pelakon Komedi Popular Berita Harian/TV3. Selain itu, saya pernah sekali menerima Anugerah Pelakon Komedi Terbaik sempena Anugerah Seri Angkasa RTM 2006 dan mendapat satu Anugerah Pelakon Komedi Terbaik, Anugerah Komedi Warna Astro 2013. Kalau tidak silap, saya juga pernah menerima Anugerah Skrin 2011 iaitu untuk Skrip Terbaik dan Pengarah Terbaik; selain itu drama arahan saya juga dipilih sebagai pemenang Anugerah Drama Terbaik dan Fotografi Terbaik. Saya juga pernah menerima Anugerah Drama Rantaian Terbaik melalui drama bersiri "Rubber Band" pada Anugerah Skrin 2016.





QIADAH: Menyentuh tentang keluarga, adakah zuriat yang mengikut jejak tuan menjadi anak seni?

SABRI: Saya dikurniakan tiga orang cahaya mata, seorang lelaki dan dua orang perempuan. Setakat ini, anak lelaki saya, Saidi berminat dan turut terlibat dalam industri ini. Dua anak perempuan saya pada peringkat awalnya, semasa bersekolah rendah pernah terlibat dengan dua teater kanak-kanak. Namun setelah mereka belajar ke peringkat tinggi, saya nampak minat mereka ke arah lain pula. Walau bagaimanapun Saidi lain pula kisahnya; setelah beliau habis belajar, baharulah nampak minatnya dalam dunia lakonan.



QIADAH: Dengan pengalaman tuan, apakah yang boleh tuan cadangkan kepada penggiat seni di Kelantan?

SABRI: Siapalah saya untuk memberi cadangan kepada penggiat seni Kelantan. Saya sudah lama berada di luar lingkungan ini sejak berusia seawal 21 tahun lagi saya sudah berkelana ke Kuala Lumpur (KL) pada 2 Ogos 1982 kerana ditawarkan jawatan Penolong Pelukis oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tiga tahun kemudian, naik sebagai Pelukis. Saya sudah menjadi orang KL secara fizikalnya. Namun pengalaman (sebagai anak Kelantan) yang kukuh semasa usia remaja tetap utuh kekal dan sebatи. Oleh itu, saya rasa saya tidak seharusnya berani untuk memberi apa-apa cadangan dan pendapat tentang urusan yang saya tidak sertai.





QIADAH: Apakah harapan tuan kepada kerajaan negeri Kelantan?

SABRI: Secara peribadi, saya melihat kekuatan Kelantan dari sudut sejarahnya adalah pada seni budaya dan seni tradisionalnya. Pada saya, pimpinan negeri harus mengenal pasti kekuatan ini dan mewujudkan seni budaya Kelantan pada tempat sewajarnya untuk tatapan generasi akan datang.

Kita harus sedar bahawa kedudukan kita sebagai peminjam khazanah seni budaya bangsa Melayu-Islam Kelantan daripada nenek moyang dahulu kala turun pula ke anak cucu. Maka kita kena jaga dengan baik harta yang diamanahkan. Barulah harta kita tak diambil orang.

QIADAH: Apakah nasihat yang boleh tuan berikan kepada anak muda Kelantan yang berminat menceburii bidang seni pentas?

SABRI: Soalan ini juga sukar pada saya kerana untuk menasihati anak-anak muda sekarang yang lebih berilmu dengan kepesatan rangkaian teknologi maklumat. Bagi saya jika ada bakat, teruskan gilap. Perjuangkan hak anak seni secara berhemah mengikut prosedur yang betul berserta sebab yang tepat. Ruang amat terhad. Hanya ada ruang pentas seni teater, budaya tradisional dan kesenian rakyat. Tentunya, dalam soal ini, mereka lebih tahu daripada saya. Paling penting, jika sudah brehi (suka), kita pakat ikhtiar sampai jadi!

QIADAH: Bagaimana pula tuan melihat penghayatan budaya seni di Kelantan? Adakah bertambah baik atau harus dipertingkatkan lagi?

SABRI: Seni budaya Kelantan terkenal dan amat berpengaruh di luar. Saya secara peribadi ingin melihat perkembangan yang teratur selari dengan perkembangan lain di dalam negara ini. Sayang kalau dilihat KL lebih baik mengatur perkembangannya. Aktivis dan pentadbir urus negeri khususnya portfolio dan agensi kerajaan negeri yang menjaga hal ehwal berkaitan (budaya dan seni Kelantan) harus saling bekerjasama memikirkan untuk meletakkan perkara berkaitan seni budaya pada tempat yang sewajarnya. Semua ini harus ada anjuran dan sokongan, kita perlu saling berganding bahu.

QIADAH: Apakah ciri-ciri rakyat Kelantan yang membanggakan tuan?

SABRI: Saya melihat orang Kelantan daripada dua sudut pandangan. Yang pertama, saya lebih melihat orang Kelantan dari luar dan saya juga melihat orang Kelantan yang berada di luar Kelantan, ini yang pertama; kemudian barulah saya melihat orang Kelantan yang berada di Kelantan. Kedua-dua sudut ini berbeza; keistimewaan mereka juga berbeza dan percasialah semua tentang kita sangat istimewa.

QIADAH: Bagaimana tuan mahu diingati kelak?

SABRI: Saya mahu dikenang sebagai pejuang.





PMBK PENERAJU PERUMAHAN NEGERI KELANTAN

Oleh: Yusri Yaakub

Rumah Teres



Rumah Banglo



Rumah Berkembar



Rumah Bandar (town house)



**HARTANAH
JUALAN
DI
MALAYSIA**

Rumah atau unit kediaman terbahagi kepada dua jenis iaitu rumah di atas tanah dan jenis bersrata. Pada kebiasaannya, penduduk Malaysia mendiami atau tinggal dalam rumah di atas tanah (landed). Namun, sejak kebelakangan ini, semakin ramai yang meminati rumah berstrata bagi mengelakkan risiko banjir serta pakej kemudahan yang selesa.

Perbezaan yang sangat ketara antara rumah di atas tanah dan rumah berstrata ini adalah pembayaran yuran pengurusan yang ditetapkan kepada pembeli rumah berstrata. Manakala cukai taksiran/cukai pintu dan cukai tanah masih merupakan pembayaran tahunan yang mandatori kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kesemua jenis rumah tersebut.

Kondominium



Pangsapuri



Flat



Kediaman Servis (SOHO)



Terdapat persamaan di antara jenis kondominium dengan kediaman servis (SOHO), namun ianya dibezakan daripada segi kondominium ini berstatus hartanah kediaman, manakala SOHO ini berstatus hartanah komersial.

EMPAT PANDUAN BELI RUMAH

1



HAJAT DENGAN KEMAMPUAN

Apabila ingin membeli rumah, banyak kos yang terlibat namun pembeli yang bijak akan membuat pengiraan dan akan dapat menentukan jutal harga rumah yang sesuai untuk dibeli.

2



PILIHAN RUMAH IDAMAN

Membeli, memiliki dan mendiami rumah yang selesa dan memenuhi cita rasa sendiri merupakan idaman semua orang.

3



PENGETAHUAN KOS BERKAITAN PEMBELIAN RUMAH

Terdapat pula kos lain seperti deposit air dan elektrik, cukai tanah, cukai pintu dan kos kelengkapan rumah seperti lampu, perabot, dan sebagainya.

4



PENGETAHUAN HAK SEBAGAI PEMBELI

Pembeli mempunyai hak untuk memeriksa keadaan rumah dan buat aduan jika ada sebarang kerosakan, kecacatan atau ketidakpatuhan spesifikasi.

1. HAJAT DENGAN KEMAMPUAN

Setiap orang di dunia ini pasti mempunyai impian memiliki rumah idaman. Gambaran seperti rumah yang mewah dilengkapi perabot dan perkakasan yang mahal serta mempunyai laman landskap yang menarik dan kemudahan seperti kolam renang, gim merupakan mimpi yang sangat indah buat semua bakal pembeli rumah. Namun, dalam suasana realiti ini, sudah pastinya pembelian rumah tidak semudah yang disangkakan. Apatah lagi beranggarkan perkakasan yang mewah, elegan serta kemudahan yang sangat mengujakan sekiranya dibandingkan dengan wang dalam poket sendiri.

Justeru, adalah sangat penting untuk membeli harta tanah seperti rumah ini dengan membuat kiraan yang terperinci terlebih dahulu pada pendapatan bulanan sebelum mengambil komitmen bulanan bagi pembiayaan rumah. Lebih baik sekiranya pembelian jenis rumah yang akan menyebabkan pertambahan komitmen bayaran bulanan ini berdasarkan jumlah lebih pada pendapatan bulanan supaya risiko masalah kewangan dapat dielakkan.

Pada kebiasaan, sebelum membuat semakan pinjaman, pembeli disarankan untuk membuat saringan kedudukan kewangan terlebih dahulu bagi mengelakkan kegagalan kepada permohonan pembiayaan atau kelambatan kelulusan pembiayaan tersebut. Segala saringan ini yang dinamakan CCRIS Report boleh dirujuk dalam dua cara iaitu: Pertanyaan dan rujukan kepada pihak Bank Negara atau memeriksa sendiri melalui CTOSCredit.com.my.

2. PILIHAN RUMAH IDAMAN

Terdapat pelbagai kategori rumah yang perlu diberi perhatian kepada bakal pembeli. Setiap kategori ini mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri yang perlu diambil kira oleh bakal pembeli sebelum bersetuju melafazkan aqad jual beli. Kategori pertama adalah rumah dalam pembinaan (*under construction*) bermaksud rumah yang sedang dibina oleh pemaju dan masih belum pernah melalui proses jual beli atau pindah milik.

Manakala kategori kedua adalah rumah *second hand* (*subsale*) yang telah melalui proses jual beli dan tukar milik. Kebiasaannya rumah ini telah berusia sekurang-kurangnya satu tahun dan proses akad jual beli telah berlaku dengan pembeli yang terdahulu.

Kategori yang terakhir adalah rumah lelongan bank(*auctioned*). Lelongan harta tanah ini terbahagi dua iaitu Lelongan Perjanjian Pinjaman dan Serah Hak (LACA) untuk harta tanah yang tidak mempunyai hak milik individu atau strata. Manakala lelongan kedua adalah Lelongan Perjanjian Bukan Pinjaman dan Serah Hak (Non LACA) yang dijalankan melalui Mahkamah Tinggi untuk harta tanah yang mempunyai hak milik individu atau strata.

Setiap kategori rumah ini mempunyai kebaikan dan kekurangan yang tersendiri bergantung kepada niat pembeli sama ada bersifat pelaburan atau sebagai kediaman keluarga. Berdasarkan niat tersebut, barulah disesuaikan dengan tawaran dan promosi yang diberikan pada jualan rumah tersebut.

3. PENGETAHUAN KOS BERKAITAN PEMBELIAN RUMAH

Pengetahuan berkenaan kos yang terlibat dalam proses pembelian rumah ini merupakan ilmu yang sangat mustahak bagi bakal pembeli rumah untuk memastikan mereka ini telah bersedia dengan kewangan yang mencukupi dan bijak merancang penggunaan wang untuk pembelian rumah idaman. Pengurusan wang yang efektif membolehkan penjimatan dapat dibuat serta lebihan wang ini dapat digunakan untuk pembelian alatan rumah yang lain. Di antara kos yang perlu diberi perhatian semasa proses pembelian rumah adalah:

A. Bayaran Deposit

Deposit diambil mengikut budi bicara atau kaedah promosi penjual atau pemaju yang terlibat. Biasanya deposit rumah bagi mengesahkan proses perjanjian jual beli harta tanah dalam lingkungan 1-10% dari harga jualan rumah tersebut. Contoh kiraan melibatkan 10% deposit dari harga jualan (RM400,000):
 $10/100 \times RM400,000 = RM40,000$

B. Yuran Guaman bagi S&P & Duti Setem

Segala bentuk perjanjian jual beli rumah hendaklah melalui Kertas Perjanjian Jual Beli (S&P) dan pindah milik yang disediakan oleh pejabat peguam yang bertaualiah. Setelah PJB ini ditandatangani di antara kedua pihak (penjual dan pembeli), maka PJB atau S&P ini harus disetemkan. Kedua-dua proses perkhidmatan ini juga melibatkan pembayaran. Biasanya, pembayaran ini ditanggung oleh para pembeli. Bagi kos bayaran yuran guaman penyediaan PJB dan proses pindah milik serta duti setem, kadar yang ditetapkan di antara 3-4% dari harga jualan harta tanah tersebut. Contoh pengiraan seperti berikut: $3/100 \times RM400,000 = RM12,000$

C. Yuran Guaman Pinjaman & Insurans Pinjaman

Kebanyakan pembeli akan membuat pinjaman dengan mana-mana institusi pembiayaan untuk membuat pembelian harta tanah. Pinjaman yang telah diluluskan oleh pihak institusi pembiayaan ini juga perlu didokumenkan secara sah melalui pejabat peguam. Pembayaran bagi perkhidmatan yuran guaman pinjaman dan yuran penilaian bank ini akan diuruskan oleh pembeli. Kadar biasa pembayaran ini adalah sebanyak 2-3% dari harga jualan.
 $2/100 \times RM400,000 = RM8,000$

D. Pendaftaran Utiliti

Bagi rumah dalam proses pembinaan kurang dari 80%, pihak pemaju akan mendapatkan butiran pembeli untuk pendaftaran utiliti seperti meter elektrik dan meter air.

Pemasangan Meter Air

Pendaftaran untuk pemasangan meter air ini berbeza mengikut kerajaan negeri yang mengendalikan syarikat bekalan air. Bayaran merangkumi kos penyambungan meter, duti setem dan deposit. Anggaran kos bayaran bermula dari RM110 sehingga RM160.

Pemasangan Meter Elektrik

Pendaftaran untuk pemasangan meter elektrik ini hanya melalui TNB. Pemasangan meter elektrik ini berbeza harganya berdasarkan 2 kategori meter iaitu meter 1 Fasa (215V) dan meter 3 Fasa (415V). Bayaran yang perlu dibuat merangkumi deposit, duti setem dan kos sambungan meter tersebut. Anggaran kos bayaran bagi meter 1 Fasa bermula dari RM630 sehingga RM1360. Manakala kos bayaran bagi meter 3 Fasa bermula dari RM1160 sehingga RM2360.

Contoh Rumah Banglo menggunakan meter 3 Fasa:
Bayarannya RM1960

Contoh kiraan proses pembelian rumah yang berharga RM400,000, pembeli perlu menyediakan wang seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Deposit (10\%)} &= RM40,000 \\ \text{Yuran guaman SNP + Duti Setem} &= RM12,000 \\ \text{Yuran guaman pinjaman + kos valuasi rumah +} \\ \text{insurans} &= RM8,000 \\ \text{Pendaftaran utiliti (Meter elektrik + meter air)} &= \\ RM1960 + RM160 &= RM2120 \\ \text{Jumlah Keseluruhan} &= RM62,120 \end{aligned}$$

4. PENGETAHUAN HAK SEBAGAI PEMBELI

Setelah mendapat kunci dari pemaju atau pemilik, pembeli berhak memastikan pemaju menyempurnakan pembaikan kerosakan rumah dalam tempoh 30 hari dari tarikh menerima notis tuntutan pembaikan kerosakan dari pembeli.


Sekiranya gagal, pembeli boleh membaiki sendiri kerosakan tersebut dengan kos pembaikan dipotong daripada wang pertaruhan 5 peratus yang dipegang oleh peguam. Tetapi, pembeli hendaklah mendapatkan sebut harga kos pembaikan terlebih dahulu daripada kontraktor yang mereka lantik dan memberi peluang kepada pemaju untuk membaiki kerosakan tersebut dalam tempoh 30 hari.

Sebarang tuntutan boleh difailkan kepada Tribunal Pembeli Rumah bukan sahaja yang dibeli terus dengan pemaju, tetapi juga dengan pemilik pertama selagi mana tempoh liabiliti kerosakan tersebut masih dalam tempoh kuat kuasa. Biasanya tempoh liabiliti kerosakan rumah pemaju atau pemilik pertama ini sehingga 24 bulan dari tarikh serahan kunci kepada pembeli.

PEMBANGUNAN HARTANAH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN



DESA WADI IMAN FASA 1




2005

DESA WADI IMAN FASA 2




2010

DESA WADI IMAN FASA 3



2010

PERUMAHAN DESA WADI IMAN



2013

DESA WADI IMAN 2



2020

DESA WADI IMAN PMBK II



2020



2020



Sumbangan PENSANITASI TANGAN KEPADА MAIK UNTUK JEMAAH MASJID

Oleh: Siti Norazami Moham ed Anuar Foto: Ahmad Naime Muhammad

MAJLIS Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) telah membenarkan pelaksanaan solat Jumaat di negeri ini dengan jumlah 40 orang jemaah bermula 05 Jun 2020 ketika negara masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Walau bagaimanapun, kebenaran ini tertakluk kepada pelaksanaan yang diguna pakai oleh pihak pengurusan masjid, surau dan musala negeri yang perlu mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Bagi mengekang penularan Covid-19, normal baharu yang perlu dipatuhi oleh para jemaah sebelum memasuki masjid ialah memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta mengisi rekod kehadiran di samping mengamalkan penjarakan sosial satu meter, memakai pelitup muka dan lain-lain lagi.

Oleh itu, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) telah mengambil inisiatif menyumbang pensanitasi tangan sebanyak 1,206 botol kepada 603 masjid di seluruh negeri Kelantan yang disalurkan melalui MAIK pada 12 Syawal 1441 bersamaan 04 Jun 2020 sebagai persediaan awal pihak masjid mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Sumbangan ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) PMBK kepada jemaah masjid di negeri ini. Pensanitasi tangan tersebut merupakan produk keluaran anak syarikat PMBK iaitu Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd.



Wakil PMBK menyerahkan pensanitasi tangan kepada pihak MAIK sebagai simbolik sumbangan yang disalurkan.

LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19

DI SEKOLAH DAN TEMPAT KERJA



Pengurusan sekolah perlu melakukan nyahkuman / disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti:

1. Kerusi
2. Meja
3. Tombol pintu
4. Papan kekunci komputer.



Pejabat perlu kerap melakukan nyahkuman / disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti:

1. Ruang kerja
2. Kaunter perkhidmatan
3. Tombol pintu
4. Papan kekunci komputer



Sekiranya terdapat warga sekolah / pekerja yang disahkan positif COVID-19, sekolah / pejabat tidak perlu ditutup. Memadai kerap lakukan nyahkuman / disinfeksi.



Pakai penutup mulut dan hidung (mask) jika bergejala.

Basuh tangan dengan sabun dan air atau **hand sanitizer**.

Jarakkan diri sejauh satu (1) meter sekiranya bergejala dan nampak orang bergejala.

PROGRAM CEKOH DURIAN DENGAN NORMAL BAHRU

Kelab Mahabbah PMBK telah mengadakan Program Cekoh Durian bagi tahun 2020 sebagaimana kebiasaan tahun lepas. Namun, oleh kerana negara masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP), jawatankuasa Kelab Mahabbah telah memutuskan untuk melaksanakan acara ini dengan mematuhi normal baharu yang telah ditetapkan. Program kali ini disertai oleh ahli jawatankuasa sahaja yang mana isi durian diasingkan untuk diedarkan kepada semua ahli kelab.

Edaran isi durian telah dibuat pada 29 Zulkaedah 1441 bersamaan 21 Julai 2020 bermula pukul 2.30 petang di bangunan PMBK. ■





Pengumpulan pakaian dibuat mengikut kategori bagi memudahkan proses pengasingan.

Bertemakan "Tokse paka jange tohok, Pakak dermo sikit sebanyak", Kelab Muslimat PMBK (Cempaka) telah mengadakan pengumpulan pakaian terpakai (preloved) yang melibatkan tiga kategori pakaian iaitu pakaian lelaki, wanita dan kanak-kanak.

Program ini terbuka kepada semua warga kerja kumpulan PMBK yang ingin menyumbang pakaian terpakai kepada mereka yang memerlukan.

Proses pengumpulan pakaian dijalankan selama tiga minggu bermula dari 08 hingga 26 Mac 2020 bertempat di lobi bangunan PMBK.

Memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020, maka tempoh pengumpulan pakaian ini disambung sehingga Jun 2020.

Cempaka Charity ini merupakan kerjasama antara kelab Cempaka dan Kelab Kebajikan Asnaf Kelantan yang mana pakaian tersebut akan diagihkan pada setiap hari Jumaat dalam program *free market* yang diaturkan oleh kelab tersebut. Kerja-kerja pengagihan pakaian sumbangan telah diadakan pada 21 Julai 2020 bertempat di tingkat 5, bangunan PMBK.

Manakala majlis penyampaian pula diadakan pada 26 Julai 2020 bertempat di Kelab Kebajikan Asnaf Kelantan di Tanjung Mas, Kota Bharu yang turut disertai oleh Pengurus Operasi Rumah Asnaf iaitu Nurawati Zulkifli. ■

CEMPAKA CHARITY

MENYUMBANG KEPADA YANG MEMERLUKAN



Kotak-kotak berisi pakaian diberikan kepada Rumah Asnaf.



Pakaian yang telah siap diaringkan dimasukkan ke dalam kotak mengikut kategori.



TEROWONG MASA TIME TUNNEL

Sumber dan foto ehsan daripada Perbadanan Muzium Kelantan.



BULATAN KIJANG 1980an

Bulatan Kijang di Jalan Kampung Sireh sekitar tahun 1980an.

The Kijang Roundabout at Sireh Village Street in 1980s.

PERSIMPANGAN KIJANG

2020

Bulatan Kijang sekarang telah berubah menjadi persimpangan "flyover", gambar diambil tahun 2020.

The Kijang Roundabout has turned into intersection with flyover, picture taken in 2020.

Dialek KELANTAN

Oleh: Shariah Derahman

Disemak oleh Abdullah Mohd Yassin (Munsyi Dewan)



BOTOL PEK

BOTOL SUSU

Botol yang digunakan untuk menyusuan bayi.
Sebutannya 'botol pek'.

Bottles used for breastfeeding. It is called a 'boar-toll pack'.

SEKSOK

KEMUDIAN HARI

SEKSOK

KEMUDIAN HARI

Hari-hari yang akan datang.
Sebutannya ialah 'sek-sok'.

The days to come. The term is 'sack-sock'.

SENGGEY

JARAK

Jarak atau ruang antara dua benda atau tempat. Sebutannya ialah 'seng-gey'.

The distance or space between two objects or places. The pronunciation is 'seng-gair'.



SENYEK

LEMBAB

Pergerakan yang agak perlahan atau lambat. Sebutannya ialah 'se-nyek'.

Relatively slow or slow movements. The term is 'sir-nyek'.



ANOK KASO

PAHAR, TALAM GANGSA/TEMBAGA BERKAKI

Bekas yang digunakan untuk meletakkan barang hantaran kepada pengantin. Sebutannya ialah 'anok ka-so'.

Containers used to place delivery items to the bride. The term is 'are-nok car-saw'.



BAROH

SAWAH

Kawasan tempat penanaman padi yang biasanya lembah dan berair. Sebutannya ialah 'ba-roh'.

Areas of paddy cultivation that are usually valley and watery. The term is 'bar-ghoah'.





CAGOK BBIDAH

KAYU LASTIK BERBENTUK Y

Kayu berbentuk Y yang digunakan sebagai pemegang utama permainan lastik. Sebutannya ialah 'cca-gok bbi-dah'.

Y-shaped wood used as the main holder of catapult games. The pronunciation is 'char-goak bee-dah'.

TERO MASE

TOMATO

Tomato (*Solanum lycopersicum*) iaitu sejenis tumbuhan yang buahnya dalam kategori sayur dan ditanam sebagai makanan. Sebutannya ialah 'tero ma-se'.

*Tomato (*Solanum lycopersicum*) is a plant whose fruit is in the category of vegetables and is grown as food. The term is 'ter-row mā-sair'.*



KHAKO

KERANGKA

Rangka rumah, bangunan dan juga tulang-tulang (binatang atau manusia). Kerangka ayam yang bersalut tepung (tanpa daging) yang digoreng dan dijual di pasar tani atau pasar malam juga disebut sedemikian. Sebutannya ialah 'kha-ko'.

Frames of houses, buildings and even bones (animals or humans). Flour-coated chicken skeleton (without meat) fried and sold in farmers' markets or night markets is also referred to as. The pronunciation is 'kha-core'.



KHRELOK

MASUK KE DALAM

Sesuatu yang biasanya panjang dan dipendekkan secara mengundur ke dalam seperti perbuatan merendahkan sedikit kepala dalam situasi tertentu bagi mengelakkan daripada dilihat. Sebutannya ialah 'khre-lok'.

Something that is usually long and shortened in reverse, like the act of lowering the head slightly in certain situations to avoid being seen. The pronunciation is 'khre-lok'.



TELO' BAHAGIAN PERMUKAAN YANG TERPELOSOT KE DALAM

Permukaan yang tidak rata dan terpelosot ke dalam seperti lesung pipit di pipi. Sebutannya ialah 'te-lo'.

An uneven surface and sloping inwards like a dimple on the cheek. The pronunciation is 'ter-lock'.



KHENYEK **PICIT/TEKAN**

Memincit atau menekan sesuatu dengan kuat supaya menjadi tidak tebal seperti asal atau hancur. Sebutannya ialah 'khe-nyek'.

Squeezing or pressing something hard to make it not as thick as the original or crushed. The name is 'cain-nyek'.



KOGHOK TENGKORAK

Tulang kepala atau tempurung kepala yang melindungi otak. Perkataan ini juga merujuk rangka manusia atau kerangka ayam goreng tanpa isi yang dijual di pasar tani atau pasar malam. Sebutannya ialah 'kho-ghok'.

The skull that protects the brain. The word also refers to the human skeleton or skeleton of meatless fried chicken sold in farmers' markets or night markets.

KEDAI PEJABAT UNTUK DIJUAL!

KOTA BHARU

EMASLINK
PACIFIC
HOTEL
PENGKALAN
CHEPA



MAYBANK
BANK ISLAM

KOTA
BHARU



1 UNIT TERAKHIR

019-932 2295 (Gee)

011-2546 9440 (Yus)



فِرْدَانِ مُنْتَهِيَّ بِسَرِّيَّةِ الْكِبْرِيَّةِ



www.pmbk.gov.my/pemasaran

WADI IMAN PMBK II

PASIR GENDA, TANAH MERAH



WADI IMAN

Perumahan Kami, Impian Anda



Tawaran Kami

- > Percuma Yuran Guaman (tanpa disbursement)
- > Percuma Perjanjian Jual Beli
- > Deposit Serendah RM500 Sahaja
- > Hadiyah Misteri Untuk Pembeli Terawal



BANGLO

HARGA BERMULA:
RM428,500



Kemudahan Kami

- ✓ Banglo Berkapasiti 4 Bilik Tidur+4bilik Air
- ✓ Saiz Rumah Dan Tanah Yang Luas
- ✓ Lokasi Dekat Dengan Bandar Tanah Merah
- ✓ Sistem Perparitan Yang Komprehensif
- ✓ Jalan Bertar
- ✓ Perumahan Lengkap Dengan Lampu Jalan
- ✓ Sistem Pungutan Sampah Berpusat
- ✓ Suasana Persekitaran Yang Nyaman Dan Tenang
- ✓ Rekabentuk Cantik, Moden Dan Kontemporari
- ✓ Rumah Yang Sejuk Oleh Binaan Bata Merah

Spesifikasi Kediaman

Struktur Rangka Konkrit Tetulang

Bumbung Jubin Konkrit/Kerangka Keluli Ringan

Dinding Bata Merah

Luas Rumah 1,752kp

Luas Tanah 5,605KP



Hubungi Segera!

**011-25469440
013-9810054**

Wadi Iman

WadilmanEksklusif

www.pmbk.gov.my/pemasaran

AMALKAN NORMAL BAHARU

Jaga kebersihan diri dan cegah Covid-19



PAKAI PELITUP MUKA

Pakai pelitup muka jika kunjungi tempat orang ramai bagi melindungi diri dan orang lain.



SENTIASA BAWA PENSANITASI TANGAN

Pastikan tangan sentiasa bebas virus dengan penggunaan sanitasi tangan beralkohol



KERAP CUCI TANGAN

Kerap basuh tangan dengan air dan sabun.



AMALKAN ETIKA YANG BETUL

Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk dan bersin.

